Bil. 12

Isnin
22 Jun 2015

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:
Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Halaman 1)
Memperkenankan Akta-Akta (Halaman 3)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 3)

URUSAN MESYUARAT (Halaman 4)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 4)

USUL:
Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (Halaman 22)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2015

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. " Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
6. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
7. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
8. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
9. " Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
10. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
12. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
13. " Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
14. " Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
15. " Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
16. " Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*
17. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
18. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
19. " Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
20. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
21. " Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
22. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
23. " Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
24. " Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
25. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
26. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
   - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
27. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
28. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
29. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
30. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
31. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
32. " Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
33. " Tuan Koh Chin Han (Melaka)
34. " Dato' Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
   - *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

35. Yang Berhormat Datuk Lihan Jok (Sarawak)
36. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
    - *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
37. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
38. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
39. " Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
40. " Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
41. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
42. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
43. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
44. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
45. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
46. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
47. " Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
48. " Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
49. " Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
50. " Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
    - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
52. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
53. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
54. " Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
55. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
56. " Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
57. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
58. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
60. " Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
61. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
62. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani (Dilantik)
63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
64. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
65. " Tuan Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Encik Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Hazwani Zarifah binti Anas
Siti Aishah binti Md. Nasir
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

Isnin, 22 Jun 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar;
- Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail;
- Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin ;
- Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun; dan
- Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar.

[Upacara Angkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula kepada Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan seterusnya kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi iaitu:

(i) Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail;

(ii) Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin;

(iii) Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun; dan

(iv) Yang Berhormat Senator Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar.

Sebagai seorang Ahli Dewan Negara, saya ingin memperingatkan bahawa sebagaimana biasa, lafaz ikrar, taat setia yang baru sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat lafazkan sebentar tadi supaya taat pada Malaysia dan juga memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Negara. Yang Berhormat, itulah ikrar taat setia, Yang Berhormat. Bermakna mulai hari ini, kepada Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lama di Dewan Negara ini, inilah lafaz taat setia ikrar kita kepada Dewan. Jangan lupa.

Kepada Yang Berhormat, saya berharap supaya perangai, perwatakan serta keperibadian tinggi, beradab dan bersopan santun akan menjadi contoh atau teladan sebagai Ahli Dewan Negara dan Parlimen Malaysia. Sekarang ini saya berasa amat risau kerana ada juga segelintir bilangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak menghormati kemuliaan Dewan Parlimen, Dewan Negara ini dan melanggar peraturan mesyuarat serta Perlembagaan Negara dalam proses perbahasan dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan yang Yang Berhormat telah mengingkari lafaz taat setiap Yang Berhormat angkat termasuk saya juga.

Yang Berhormat, ini supaya kita hendaklah memahami segala peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara dan peraturan-peraturan mesyuarat. Sebagai contoh, fasal-fasal Perlembagaan yang wajib difahami serta di hati adalah seperti berikut.

Fasal 3 dan 11 berkaitan dengan Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, dan di samping itu jangan berhenti situ sahaja, di samping itu semua agama-agama yang ada di Malaysia ini boleh diamalkan secara aman dan harmoni. Inilah Malaysia. Kita sebagai generasi sekarang mengucapkan syukur dan terima kasih kepada pemimpin lama kita, nenek moyang kita yang telah membangunkan negara begitu berjaya sehingga ke hari ini berpandukan kepada semangat dan prinsip bersatu padu, bekerjasama serta memegang prinsip-prinsip Rukun Negara sehingga menentukan keamanan, kesejahteraan negara tetap sentiasa terpelihara. Pada masa-masa ke belakangan ini, saya dapati banyak tindakan yang tidak bertanggungjawab, melanggar Perlembagaan Negara dan tidak menghormati undang-undang yang diluluskan oleh mereka sendiri di Parlimen ini. Ini tidak baik sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat atau mewakili rakyat.

Yang Berhormat, fasal 152, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan dalam Dewan ini, inilah bahasa yang sepatutnya kita gunakan. Akan tetapi, kita ada timbang rasa kita, sekiranya ada sesuatu perkataan ataupun ungkapan yang susah hendak disebutkan, boleh gunakan, “Mohon izin” terlebih dahulu. Akan tetapi, usaha hendaklah dibuat bersungguh-sungguh untuk memfasihkan semua Ahli Yang Berhormat bijak dalam Bahasa Kebangsaan kita.

Juga, kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan, *freedom of assembly, speech* dan sebagainya mengikut Perlembagaan, Artikel 10. Yang Berhormat, sini pun ada kebebasan tersebut mengikut Perlembagaan kita fasal 63(4) tetapi ada batas-batasannya seperti yang saya sebutkan tadi, sepertimana peruntukan Akta Hasutan 1948 contohnya.

Yang Berhormat, kita di Malaysia masyarakat majmuk berbilang kaum, bangsa dan agama. Kita perlu memahami perkara-perkara yang sensitif yang boleh menimbulkan perasaan kegelisahan dan boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan akhirnya akan menggugat keselamatan negara. Dalam konteks ini, saya ada sebut banyak kali dan saya hendak sebut sekali lagi, dalam Parlimen pun tidak ada kebebasan yang mutlak kerana kita ada kes-kes *as precedent,* dengan izin, kes Mark Koding sebagai contohnya, kes Lim Guan Eng melawan DPP 2MLJ dan juga di mana kekebalan dan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen ada batas-batasannya sungguhpun berucap di Dewan yang mulia ini.

Saya berharap Yang Berhormat semua rakyat Malaysia yang cinta negara dan bangsa mestilah menghormati segala peruntukan dalam Perlembagaan dan bagi Yang Berhormat semua, peraturan-peraturan mesyuarat mesti difahami dengan penuh teliti.

Sekian Ahli Yang Berhormat, selesailah sudah majlis angkat sumpah kita pada hari ini dan saya berharap Yang Berhormat akan terus mengambil bahagian dalam persidangan kita seterusnya. Sekian, terima kasih.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2014) 2015;
2. Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015;
3. Akta Teknologis dan Jurutera 2015;
4. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2015;
5. Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015;
6. Akta Hasutan (Pindaan) 2015;
7. Akta Pencegahan Keganasan 2015;
8. Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015;
9. Akta Penjara (Pindaan) (No. 2) 2015;
10. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2015;
11. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2015.

■1020

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“18 Jun 2015

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. DR 16/2015 - Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015;
2. DR 15/2015 - Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015;
3. DR 1/2015 - Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015;
4. DR 18/2015 - Rang Undang-undang Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (Pindaan) 2015;
5. DR 19/2015 - Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015;
6. DR 20/2015 - Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015;

7. DR 11/2015 - Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015;

8. DR 26/2015 - Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2015;

9. DR 25/2015 - Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015;

10. DR 21/2015 - Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2015;

11. DR 22/2015 - Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015;

12. DR 23/2015 - Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2015.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibaca bagi kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa usaha-usaha dan inisiatif kerajaan bagi meningkatkan kedudukan-*ranking* universiti awam Malaysia di kalangan universiti-universiti di dunia ini.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera selamat pagi saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan dan meminta kebenaran untuk mengucapkan takziah kepada sahabat-sahabat kita yang atas pemergian insan-insan yang tercinta. Pertama bagi pihak Dewan ini saya ingin mengucapkan simpati dan takziah kepada Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin atas pemergian ayahanda beliau baru-baru ini. Kedua kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman atas pemergian isteri yang tercinta, dan yang ketiga Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han atas pemergian ayahanda beliau baru-baru ini.

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan dengan jawapan saya, saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada semua kaum muslimin dan muslimat. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan pendidikan negara.

Terdapat tiga pertanyaan yang berhubung kait dengan *ranking* universiti iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; dan Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Izinkan saya menjawab ketiga-tiganya secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memberi perhatian kepada soal ranking universiti dalam negara bagi melihat sekiranya ia dapat dibantu bagi memperbaiki kedudukannya dalam senarai rangking universiti terbaik dunia. Sudah menjadi kelaziman bahawa penarafan yang baik oleh Agensi Penarafan Global bagi sebuah universiti akan mencerminkan kualiti penyampaian pendidikan yang tinggi di institusi berkenaan bagi menarik lebih ramai pelajar atau pensyarah terbaik dunia untuk memilih universiti-universiti berkenaan. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Pendidikan Tinggi, Penarafan Antarabangsa akan bermanfaat untuk meningkatkan lagi keterlihatan, dengan izin, *global visibility* universiti tempatan dan meletakkan Malaysia di mata dunia sebagai hab pendidikan antarabangsa.

Menyedari akan potensi IPT untuk melonjakkan lagi pencapaian dalam aspek ranking pelbagai usul dan inisiatif telah diambil oleh pihak kementeriandalam memperbaiki dan memperkukuh ranking IPT bagi menarik ramai pelajar dari negara lain untuk belajar di Malaysia. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:

(i) menanda aras, dengan izin, *benchmarking* dengan IPT di negara yang mempunyai pemetaan sosio ekonomi dan sosio budaya yang hampir sama;

(ii) menyerlahkan lagi bidang kebitaraan ataupun, dengan izin, *niche area*;

(iii) pemantapan aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran (PDP), pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti di IPT.

Melalui usaha-usaha di atas kita lihat beberapa pencapaian telah diperolehi. Thomson Reuters iaitu telah mengiktiraf empat orang profesor tempatan sebagai minda saintifik paling berpengaruh di dunia. Juga kita lihat penerbitan kita tahun 2010 telah mula mengatasi penerbitan negara Singapura. Penerbitan dalam Perbankan Islam UIA ialah yang nombor satu dalam dunia. Kita sehingga kini mempunyai 537 orang pensyarah yang datang daripada 20 buah universiti terbaik di dunia. Kita lihat daripada Cambridge kita mempunyai 101 orang pensyarah, daripada Imperial 93 orang pensyarah dan Oxford 71 orang pensyarah di universiti-universiti kita, di tanah air. Daripada segi *subject ranking* kita lihat bahawa di USM dalam bidang sains alam sekitar kita duduk di tempat 31 dalam dunia, di UM pengajian pembangunan kita letak di taraf 32 dalam dunia, UPM dalam bidang pertanian 54 dalam dunia.

■1030

Kebanyakan daripada bidang di bidang kejuruteraan, kedudukan kita ialah antara yang terbaik, 100 terbaik dalam dunia. Jika kita lihat pula daripada *university ranking*, baru-baru ini angka *Asia University Rankings* telah menunjukkan Universiti Malaya meningkat daripada tangga 32 ke-29, USM meningkat daripada tangga 57 ke tangga 49, UTM meningkat daripada tangga 66 ke-61, UPM meningkat dari tangga 76 ke tangga 66.

Ini bermakna, *in shaa-Allah,* pada akhir tahun ini apabila *university rankings* akan dikeluarkan oleh QS, kita lihat *in shaa-Allah,* universiti-universiti kita akan terus meningkat daripada segi ranking mereka di peringkat dunia. Begitu juga sini saya mengatakan bahawa *QS Ranking* merupakan agensi penarafan universiti pertama di dunia yang saya gunakan tadi yang diiktiraf oleh *International Ranking Expert Group* (IREG). Tidak kurang juga daripada segi *ranking* peringkat negara ataupun *country ranking*, baru-baru ini negara kita telah meningkat daripada nombor 28 dalam dunia ke-27 dalam dunia.

Jadi, kalau kita lihat keseluruhannya, peningkatan daripada segi penerbitan, peningkatan daripada segi *subject ranking*, peningkatan daripada segi *university ranking* dan juga peningkatan daripada segi *country ranking*, kita lihat peningkatan berterusan dalam sistem pendidikan negara kita keseluruhannya atau, dengan izin, mereka mengatakan, *we are strong upwards.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita patut mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah berjaya menaikkan ranking universiti kita di peringkat dunia. Tahniah, kami ucapkan.

Kita juga berbangga daripada segi penyelidikan dan penerbitan, kita boleh menganggap universiti-universiti di Malaysia ini telah berjaya mengeluarkan penyelidikan dan penerbitan di jurnal-jurnal berwasit bahkan salah satu yang terbaik bukan sahaja di rantau ini tetapi di peringkat dunia.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun terdapat kurangnya penyelidikan yang memberi impak dan relevan untuk kegunaan industri dan komuniti kerana faktor ini amat penting dalam aspirasi kita ke arah menuju negara maju melalui inovasi dan kreativiti. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan penyelidikan di universiti-universiti juga dapat mencapai hasrat ini? Apakah insentif-insentif dan galakan yang boleh diberi oleh kerajaan kepada pihak industri agar jalinan kerjasama yang berkesan antara universiti dengan industri dapat direalisasikan? Kita tahu memang usaha telah dibuat tetapi kurang berkesan dan memerlukan formula baru seperti yang kita lihat berlakunya di negara-negara tertentu di dalam bidang *industrial linkages,* dengan izin, seperti di *Silicon Valley* mahupun di *Germany* ataupun di Korea Selatan.

Soalan yang kedua Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, IPTS di negara kita ini tumbuh macam cendawan pada musim hujan dan yang akhirnya saya bimbang akan menimbulkan banyak masalah seperti masalah *quality control*, dengan izin, kawalan kualiti. Walaupun kita ada MQA, tetapi saya rasa tidak berapa berkesan kerana IPTS yang terlampau banyak dan agak sukar untuk kita mengawal IPTS yang begitu banyak di negara kita, dan juga masalah pengangguran yang cukup membimbangkan kerana lambakan *graduate* yang terlalu ramai tiap-tiap tahun. Ini kerana pada hari ini kita mempunyai IPTS melebihi 500 di samping IPTA yang hanya 20 lebih kurang. Seterusnya masalah sosial yang melanda negara khasnya yang dibawa oleh pelajar-pelajar luar negara yang sering dipaparkan melalui media massa.

Tidakkah pihak kerajaan bimbang dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk membendung perkara ini yang akhirnya saya cukup risau akan menimbulkan masalah yang cukup serius kepada negara. Soalan terakhir...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, cukup.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Cukup. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Saya lihat ada empat soalan kesemuanya. Betul kata Yang Berhormat bahawa kita perlu meningkatkan lagi impak penyelidikan kita.

Baru-baru ini kita telah melancarkan apa yang dikatakan PPRN, *Public-Private Research Network,* dengan izin, dengan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk kita memastikan *research-research* itu tadi, penyelidikan kita itu dapat digunakan dan usaha-usaha juga sedang dilaksanakan dengan pihak-pihak industri.

Di universiti sekarang ada satu program yang dipanggil *CEO the Faculty* di mana CEO-CEO seperti Tan Sri Tony Fernandez, Tan Sri Azman Mokhtar, CEO Shell, CEO Novati, CEO Samsung, CEO Huawei, tak kira dalam negara kita, baru-baru ini saya mendapat surat daripada *British High Commissioner* di mana *CEO R&D Rolls Royce* akan datang memberi syarahan universiti kita untuk memastikan agar apa yang dilaksanakan di universiti itu lebih relevan dan juga untuk mengatasi isu-isu pengangguran yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Ini kerana kita ingin pastikan bahawa kita lebih tingkatkan kolaborasi di antara universiti dan juga industri.

Sebenarnya untuk IPTS ini sudah ada moratorium, sekarang ini sudah tidak ada lagi lesen-lesen baru yang dikeluarkan untuk IPTS. Cuma yang dibenarkan sekarang ialah mereka yang terletak di katalah universiti-universiti yang top, *top hundred's universities in the world,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Dengan ini kita harap ia akan memberi lebih peluang untuk pelajar-pelajar kita mendapat pekerjaan. Untuk menangani isu sosial, kementerian telah melaksanakan ELGS sejak hampir dua tahun yang lalu untuk menyekat pelajar-pelajar yang tidak layak, pelajar-pelajar yang datang ke negara kita hanya untuk bersosial. *In shaa-Allah* kita lihat perkara itu telah mula berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Dr. Asyraf.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan berkenaan dengan soalan *ranking* tadi. Cuma saya hendak timbulkan di sini, dalam keghairahan kita mengejar ranking, apakah jaminan bahawa kepentingan nasional khususnya dalam konteks tradisi pemberibumian ilmu? Apa yang dimaksudkan dengan tradisi pemperibumian ilmu ini kerana ia terkait dengan falsafah penubuhan universiti awam di negara ini yang mana percambahan ilmu dalam konteks universiti adalah bagi tujuan menambah baik kesejahteraan hidup di negara ini.

Cuma apabila kita terlalu mengejar *ranking*, apa yang berlaku ialah kebanyakan penyelidikan-penyelidikan yang dibuat oleh tenaga akademik yang dibawa masuk dari luar begitu banyak sekali, akhirnya tidak menepati hasrat ataupun keperluan kesejahteraan dalam konteks rakyat di negara ini. Ini kerana kebanyakannya penyelidikan yang berupa yang mungkin tidak ada relevan secara khusus terhadap konteks negara kita. Jadi bagaimana kerajaan dapat mengimbangi soal kepentingan untuk kita mencapai *ranking* yang terbaik di dunia, tetapi pada masa yang sama tidak kita menafikan soal kepentingan untuk kita menjaga soal tradisi pemberibumian ilmu ini? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu memang benar kerana ranking bukan segala-galanya. Oleh sebab itulah dalam perjumpaan saya dengan Naib-naib Canselor- saya mengatakan bahawa kita lihatkanlah, katakanlah UKM harus mempunyai identifikasinya sebagai sebuah universiti kebangsaan. UKM, UiTM perlu pastikan peranan-peranannya untuk memastikan juga agar peranan-peranan yang asal ia dibangunkan itu terus terpelihara.

Jadi kita tidak mengatakan bahawa dalam kita mengejar *ranking* dan kita tidak mengatakan ranking adalah segala-galanya. Kita pastikan perimbangan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi pemberibumian ilmu itu akan sentiasa dipelihara, *in shaa-Allah.*

■1040

2. **Datuk Dr. Lucas bin Umbul** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapa jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan untuk seunit bagi Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia yang merupakan kategori baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan sejak Bajet 2013.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sebagai syarikat milik penuh kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan sejak Ogos 1997 dipertanggungjawab untuk menyediakan rumah mampu milik dan rumah kos rendah yang berkualiti terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia merupakan kategori rumah kos rendah yang diwujudkan untuk membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang, daif tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia menawarkan reka bentuk menarik berkonsepkan rumah sesebuah, berkeluasan 700 kaki sehingga 1,000 kaki persegi dengan komposisi dua buah bilik tidur dan dua buah bilik air atau tiga buah bilik tidur dan dua buah bilik air. Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia dijual pada harga RM45,000 hingga RM60,000 seunit yang dibiayai melalui subsidi kerajaan pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit. Baki harga rumah pula di antara RM30,000 hingga RM45,000 seunit perlu dibayar sendiri oleh peserta melalui pinjaman komersial yang mana kerajaan menampung sehingga 2 peratus ke atas nilai faedah yang dikenakan ke atas pinjaman berkenaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih atas jawapan Menteri sebentar tadi yang amat terperinci.

Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah golongan berpendapatan sederhana yang terperangkap dalam, dengan izin, *middle class income trap* yang tidak layak membeli rumah mampu milik tetapi tidak mampu beli rumah mewah dan banglo. Adakah kerajaan memikirkan kaedah tertentu membantu golongan ini termasuk SPNB sendiri, yang memang mahir dalam penyelidikan hal ehwal rumah? Mungkin boleh memberikan cadangan bernas membantu golongan ini memiliki kediaman mereka sendiri. Sekian, terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat. Walaupun saya tidak mempunyai data terperinci untuk soalan tambahan, tetapi saya mempunyai beberapa yang saya boleh jawab iaitu nombor satu, daripada segi untuk menolong terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana yang tidak memenuhi kriteria untuk membeli rumah mampu milik ini. Mereka boleh, satu, daripada segi kerajaan telah melaksanakan program PR1MA yang dijalankan secara *balloting* untuk tujuan secara langsung menyelesaikan masalah tersebut, mewujudkan program boleh dikatakan pinjaman dari BSN di mana ia adalah bertujuan untuk menolong golongan belia.

Ketiga, Daripada segi SPNB, mereka juga telah mempunyai sebuah syarikat di bawahnya yang dikenali sebagai Syarikat Aspirasi atau Idaman di mana mereka adalah bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri di mana harga rumah mereka adalah lebih kurang daripada harga pasaran, dengan tujuan untuk golongan berpendapatan sederhana. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sungguhpun agaknya soalan tambahan tidak ada catatan pegawai, Yang Berhormat selaku Timbalan Menteri mesti faham sekiranya jika soalan tambahan itu dibuat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai angka mengikut negeri, bilangan yang telah dibina oleh SPNB untuk memberi pertolongan kepada rakyat dalam kategori ini? Kalau tidak ada, saya hendak minta jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Daripada segi status pelaksanaan mengikut negeri secara kumulatif, memang kita mempunyai jawapan tetapi saya akan memberi secara bertulis kerana kalau ingin membaca, setiap negeri mempunyai angka-angka berlainan. Maka kita akan berikan maklumat tambahan tersebut. Sekian, terima kasih.

3. Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu lagi Lembaga untuk mengawal selia perkara yang sama di bawah Akta Pengurusan Strata yang akan menimbulkan kekeliruan kepada pemilik hartanah dan menambah perbelanjaan kerajaan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri, Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*] telah pun digubal untuk diwujudkan satu bentuk keseragaman perundangan dan juga dasar berhubung dengan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama di Malaysia. Ia telah pun mula dikuatkuasakan pada 1Jun 2015 yang lalu di sepuluh buah negeri di Semenanjung Malaysia dan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Manakala bagi negeri Pulau Pinang, tarikh permulaan penguatkuasaan Akta 757 ini adalah pada 12 Jun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Tan Sri, dalam menguatkuasakan dan juga memastikan supaya semua pihak terlibat dalam pengurusan rumah-rumah berstrata ini termasuklah agen pengurusan yang dilantik, kementerian berpandangan adalah memadai pihak agen yang dilantik untuk menguruskan rumah-rumah ini didaftarkan di Pesuruhjaya Bangunan ataupun COB di pihak berkuasa tempatan yang berkenaan sahaja tanpa memerlukan satu lagi badan kawal selia yang lain.

Ini juga adalah selaras Tuan Yang di-Pertua, dengan Peraturan 21(4), Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 yang telah pun mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri, di bawah Akta 757 juga, peraturan yang sama telah pun menetapkan mekanisme bagi membolehkan COB memantau ataupun mengawal selia semua agen yang dilantik bagi penyelenggaraan dan juga pengurusan harta bersama. Ini bagi memastikan kepentingan penduduk terjamin dan mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dan *value for money,* dengan izin, daripada pihak yang dilantik.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri juga, dalam hubungan ini, sekiranya sesebuah badan pengurusan bersama JMB ataupun MC ingin melantik mana-mana agen ataupun mana-mana pihak bagi penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama, maka hendaklah yang pertama, badan pengurusan bersama hendaklah membuat suatu perjanjian pengurusan dengan orang ataupun agen itu.

Kedua, jika orang ataupun agen itu bukan merupakan seorang pengurus harta berdaftar, dia tidak boleh bertindak untuk mengusulkan pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama itu melainkan dia menyerah simpan dengan badan pengurusan bersama sesuatu bon dalam Borang 12 Yang Berhormat Tan Sri lebih maklum, yang diberikan oleh sebuah bank, syarikat kewangan ataupun penanggung insurans. Jumlah bon berkenaan juga hendaklah suatu jumlah yang bersamaan saraan ataupun fi pengurusan bagi tempoh 12 bulan ataupun RM50,000, yang mana lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya mana-mana pihak yang tidak mematuhi kepada mana-mana sub Peraturan 21 iaitu Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 melakukan kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, didenda tidak melebihi daripada RM50,000 ataupun di penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun ataupun kedua-duanya sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya fikir soalan saya ini tidak terjawab. Soalan saya ialah, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu lagi Lembaga sebab kita sudah ada satu Lembaga. Jawapan Menteri tadi agak tidak tepat. Jadi maknanya, adakah kementerian hendak mewujudkan satu lagi Lembaga ataupun tidak? Terima kasih banyak.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi bahawa kementerian tidak bercadang, maknanya tidak berhasrat untuk menubuhkan apa-apa lembaga yang lain kecuali seperti yang saya nyatakan dalam jawapan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita sedia maklum, trend kita di Malaysia sekarang ini ialah banyak rumah kediaman dibina berbentuk bangunan tinggi, maknanya berstrata.

■1050

Saya ingin bertanya, oleh sebab saya melihat pengeluaran hak milik strata itu agak lambat, dan ia memberi kesan serta bebanan kepada pembeli-pembeli. Bagaimanakah dengan kementerian untuk menolong mengatasi perkara ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Adam Hamid sehingga Mei 2015 Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan sebanyak 5.6 juta orang penduduk di negara ini tinggal di perumahan berstrata dan terdapat kira-kira 15,000 skim ataupun kawasan pemajuan yang meliputi 1.5 juta petak di seluruh negara, Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, Akta 757 ini telah pun digubal bersama dengan Akta 318 dan juga Akta 118 dan Akta 757 ini ditambah baikkan dalam aspek-aspek yang berikut seperti undang-undang yang lebih komprehensif dengan Tribunal Pengurusan Strata yang akan membantu kepada mereka-mereka yang duduk dalam kawasan berstrata yang merupakan satu mekanisme rayuan sekiranya melibatkan apa-apa aduan dan sebagainya. Jadi Tribunal Pengurusan Strata ini diwujudkan untuk kepentingan kepada penghuni-penghuni yang menghuni mana-mana bangunan berstrata yang ada.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan persoalan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Adam Hamid, daripada segi pengeluaran hak milik strata ini pengeluaran hak milik strata ini akan dibawa secara bersekali dengan Akta Vacant Possession iaitu di bawah Akta 118 yang dibawa bersama dengan Akta 757 yang disebutkan itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Koh Chin Han minta Perdana Menteri menyatakan, cara untuk menyelesaikan kes ketirisan yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara, dan adakah kerajaan berhasrat untuk menghukum pegawai yang terlibat dengan tindakan tatatertib.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat memandang serius setiap teguran dan Laporan Ketua Audit Negara yang diterbitkan setiap tahun. Oleh yang demikian, kerajaan telah, dan akan mengambil tindakan tegas dan proaktif seperti berikut:

(i) melaksanakan pelbagai inisiatif melalui program Transformasi Kerajaan, bagi meningkatkan tahap ketelusan dan juga *accountability* dalam jentera pentadbiran kerajaan;

(ii) menambah baik aspek pengurusan perolehan dan pembangunan projek bagi mengenal pasti peraturan dan polisi yang perlu dikaji seiring dengan perkembangan semasa;

(iii) memantapkan pelaksanaan kursus kewangan, perolehan dan juga pelaksanaan projek pembangunan di Institut Latihan Awam, khususnya di INTAN; dan

(iv) meningkatkan kawalan dalaman bagi mengelakkan salah laku melalui tindakan tatatertib terhadap pegawai yang didapati bersalah.

Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 dan Tahun 2013, seramai 337 orang pegawai telah selesai prosiding tatatertib. Lembaga Tatatertib telah meneliti fakta kes daripada representasi pegawai memutuskan seperti berikut: 132, ataupun 39 peratus pegawai dikenakan hukuman; 205, ataupun 60 peratus lagi pegawai dibebaskan; manakala dua lagi pegawai masih dalam prosiding tatatertib. Terima kasih.

Tuan Koh Chin Han: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun banyak langkah yang telah diambil oleh kerajaan, namun isu ini berulang setiap tahun. Saban hari kita mendengar banyak rungutan daripada orang ramai, kerana peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan digunakan secara sewenang-wenangnya, dan pegawai yang terlibat pula ada yang tidak diambil tindakan yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, saya mohon kementerian menyatakan, adakah kerajaan akan menggubal suatu undang-undang bagi penambahbaikan peranan SPRM untuk menyiasat, mendakwa pegawai yang terlibat dengan isu ketirisan. Begitu juga, apa tindakan tatatertib secara *detail*nya, yang telah diambil oleh kerajaan ke atas pegawai yang bersalah ini? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan SPRM- Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, arif tentang perkara ini bahawa undang-undang yang ada mencukupi untuk kita mengambil tindakan kepada mana-mana pegawai yang telah melakukan salah laku.

Berhubung dengan kompelin orang ramai. Kompelin orang ramai ini kita pening kepala sedikit hendak jawab. Apakah kompelin orang ramai? Kena bagi khusus- kena bagi khusus bahawa, hari ini telah berlaku amalan rasuah.

Kalau rakyat Malaysia, media sosial semuanya mahu tampil ke hadapan beritahu amalan rasuah berlaku, kita boleh ambil tindakan tetapi kalau setakat kompelin- termasuklah orang yang bagi rasuah pun kompelin, kan. Kadang-kadang dia kata dia bagi RM10 rasuah, dia kompelin. Akan tetapi, kenapakah dia bagi rasuah?

Dia sepatutnya, kalau orang ramai timbul kesedaran bahawa kita mesti hapuskan rasuah, semua orang jangan bagi rasuah dan kalau sekiranya ada orang yang ambil rasuah kita buat laporan. Kita boleh ambil tindakan serta-merta.

Kalau tidak, kita kata, kompelin orang ramai. Selepas itu kita pun buat undang-undang tetapi undang-undang tidak boleh selesai masalah selagi ada pemberi dan juga penerima. Jadi berhubung dengan kompelin orang ramai, kita minta kepada orang ramai dan juga semua pihak tampil ke hadapan dengan berani dan tegas, terutamanya pada bulan Ramadhan yang mulia ini, memaklumkan kepada kita amalan rasuah yang berlaku. Tidak ada maaf bagimu sebab benda ini telah menjadi penyakit kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian yang ketiganya sama ada tindakan tatatertib diambil. Tindakan tatatertib diambil sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

5. Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) penjelasan mengenai penemuan mayat serta kubur di kem pemerdagangan manusia yang merangkumi 28 buah kem dengan 139 buah kubur dalam kawasan Malaysia di Wang Kelian, di sempadan Malaysia-Thailand yang melibatkan kematian beratus orang berlaku tanpa pengetahuan Kerajaan selama ini. Sesungguhnya kewibawaan Kerajaan untuk mengawal dan mengurus sempadan negara sudah tercemar berikutan penemuan itu; dan

(b) apakah status keselamatan di sempadan negara kini dan sejauh manakah pihak Kementerian memberikan keutamaan kepada kepentingan keselamatan rakyat umum.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir keprihatinan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini terhadap permasalahan yang ditanyakan melibatkan enam orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam bertanyakan soalan yang sama pada hari ini; Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah pada 23 Jun; Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah pada 25 Jun; Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh pada 1 Julai. Kelima, Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin pada 2 Julai; dan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali pada 6 Julai. Mohon izin untuk menjawabnya sekali soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini telah dibangkitkan dengan hangat dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan Rakyat pada 27 Mei yang lalu. Saya sengaja datang ke Dewan Negara ini kerana saya fikir elok saya sendiri yang menangani persoalan ini di Dewan yang mulia ini.

Kita tahu bahawa langkah-langkah awal telah dilakukan apabila risikan dan maklumat telah diperoleh yang mendedahkan tempat cubaan untuk penduduk masuk migran secara besar-besaran terutama dari Myanmar khususnya terdiri daripada kaum Rohingya. Ia dibuat melalui perairan dan juga daratan dan PDRM telah mengambil beberapa tindakan awal untuk menyekat kemasukan migran ini dengan mengadakan Operasi Wawasan sepanjang tahun dan mengadakan Ops Pintas Utara Bilangan 1 hingga Bilangan 3, sepanjang tahun 2014 hingga 2015.

Di mana hasil operasi yang telah diadakan menyebabkan migran yang berada di sempadan gagal untuk bolos masuk dan terpaksa berlindung di khemah-khemah sementara yang dibina oleh sindiket-sindiket di dalam hutan di sempadan dan menunggu peluang untuk diseludup masuk ke dalam negara kita.

Khemah-khemah yang didirikan di kawasan sempadan Malaysia merupakan, dengan izin, *safe heaven* kerana khemah-khemah ini adalah bertujuan untuk memindahkan sementara sahaja pendatang-pendatang ke tempat berkenaan apabila pihak berkuasa Thailand membuat operasi secara besar-besaran di kawasan berkenaan dan mereka terpaksa lari ke sempadan Malaysia. Pendatang demikian akan dipindahkan semula ke Thailand sebelum diseludupkan ke Malaysia melalui beberapa kaedah yang akan saya nyatakan.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Mei tahun ini pihak berkuasa Thailand mengumumkan penemuan khemah dan kawasan perkuburan yang besar yang disyaki mempunyai mayat-mayat migran dari Myanmar dan Bangladesh di khemah yang ditinggalkan di Kampung Teluk Padang Besar Thailand. Berdasarkan penemuan pihak PDRM terdapat kubur seumpama itu di Malaysia kerana kedudukan penemuan oleh pihak berkuasa Thailand berada tidak jauh dari sempadan negara kita. Mengikut kronologinya, pada 11 Mei pula PDRM telah melancarkan Ops Wawasan Khas dengan menggerakkan pasukan VAT69 dan anggota PGA bagi mengesan jika terdapat khemah dan kubur sebagaimana yang dijumpai oleh pihak Thailand. Hasil operasi tersebut PDRM telah menemui 28 kesan dan tapak khemah pendatang asing tanpa izin dan sebanyak 139 struktur yang dipercayai kubur.

Dalam hal ini kita lihat bahawa Dewan yang mulia ini harus dimaklumkan beberapa unsur yang perlu saya jawab. Khemah yang kita temui tidak diduduki secara kekal dan akan beroperasi apabila pihak berkuasa Thailand membuat operasi di kawasan tersebut dan bagi mengelak ditangkap oleh pihak berkuasa dan mereka ini dipindahkan di khemah yang berada dalam kawasan Malaysia.

Yang keduanya, kedudukan khemah tersebut adalah di kawasan yang curam dan sukar ke kawasan tersebut jika berjalan kaki dari negara kita, dari Malaysia yang mengambil masa tiga jam untuk sampai ke destinasi dan kecuramannya ialah kira-kira 45 darjah dan mustahil penyeludup akan melalui kawasan itu dan kenderaan tidak boleh sampai ke kawasan itu. Itu fakta yang kedua.

Fakta yang ketiga pihak sindiket memilih kawasan tersebut kerana mengetahui bahawa kawasan tersebut tidak akan dibuat rondaan oleh pihak berkuasa Malaysia kerana kedudukan muka bumi yang begitu rupa dan sukar untuk dikesan dan sedikit juga mengetahui pihak berkuasa Thailand tidak akan berani atau tidak boleh masuk kerana masalah perjanjian persempadanan antara dua negara untuk menyebabkan mereka memasuki ke kawasan Malaysia.

Fakta yang keempat ialah keadaan muka bumi dan kawasan yang begitu terpencil. Pihak berkuasa tidak menjangkakan sebarang aktiviti manusia di kawasan berkenaan kerana tiada sebarang punca air dan berada di kawasan curam yang berada dalam jarak 300 meter hingga 500 meter dari sempadan. Keadaan ini dipercayai menyebabkan ramai yang mati akibat kebuluran dan dijangkiti penyakit dan terpaksa dikebumikan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pihak forensik PDRM telah selesai menjalankan tugas menggali struktur yang dipercayai kubur dan telah menemui sejumlah 106, rangka mayat daripada 139 buah kubur yang telah digali. Selain daripada itu kosong. Ertinya kubur itu kosong tanpa sebarang objek ditemui. Pada hari ini pengebumian semula akan dilakukan di Sik, Kedah sebagai menghormati mayat-mayat berkenaan yang sebahagian besarnya orang-orang Islam.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa pihak PDRM telah menamatkan operasi pada 8 Jun yang lalu dan kesemua mayat itu telah kita hantar ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar untuk proses autopsi. Sehingga kini pihak PDRM walaupun masih menunggu hasil keseluruhan bedah siasat tetapi mana-mana mayat yang telah dikenal pasti akan dikebumikan sebagai mana yang saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, agak panjang sedikit jawapan ini kalau diizinkan kerana kerajaan sentiasa memberikan fokus yang khusus untuk memperketatkan lagi kawalan di sempadan negara.

Sebagai langkah jangka panjang, pihak Kementerian Dalam Negeri dalam proses untuk melantik juru runding bagi membuat kajian secara komprehensif tentang aspek keselamatan di sempadan termasuk cadangan membina pagar baru dan memperbaiki pagar yang sedia ada di samping memberikan cadangan kepada kerajaan, amalan-amalan terbaik atau, dengan izin, *best practices* untuk mengawal sempadan kita.

KDN telah menerima permohonan daripada universiti tempatan dan syarikat swasta yang berminat untuk menjalankan kajian tersebut di samping itu pihak kementerian juga telah mengadakan bengkel yang diadakan daripada 8 sehingga 10 Jun yang lalu yang dihadiri oleh semua pihak yang berkepentingan dalam penugasan di sempadan bagi merangka terma atau *term of reference* bagi kajian yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan soalan-soalan tambahan.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang mempunyai naluri yang begitu tepat kerana buat masa sekarang ini kita membuat persiapan untuk menguburkan mangsa-mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan ingin menubuhkan sebuah suruhanjaya diraja untuk memastikan bahawa perkara sebegini yang melibatkan anggota polis untuk mendapatkan hal sebenar supaya perkara sebegini tidak berulang dan juga perkara sebegini yang telah membawa nama yang buruk kepada negara kita Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sangat baik dan pujian yang sangat tinggi kepada saya tetapi saya harap saya tidak akan campur dalam soal pemilihan semula MIC dalam waktu yang terdekat ini *[Ketawa]*

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Itu pun Menteri juga.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan ataupun membentuk suruhanjaya diraja ataupun *Royal Commission of Investigation?* Tidak berhasrat- kerana kita yakin bahawa agensi yang berada di bawah KDN dan lain-lain kementerian mempunyai kepakaran dan kecekapan di dalam melakukan siasatan. Apa yang perlu kita lakukan sebenarnya melihat semula perjanjian keselamatan antara Malaysia dan Thailand serta negara-negara yang lain yang ada sempadan dengan Malaysia. Di Kementerian Pertahanan dipanggil GBC atau *General Border Committee Meeting*.

Dalam hal ini kita jangan hanya melihat dalam faktor perdagangan umpamanya jika ada *free trade zone* ataupun kawasan bebas cukai, yang ada tuduhan angkat tangan boleh lepas. Kajian-kajian yang begitu harus dilakukan. Jangan hanya melihat aspek-aspek ekonomi tetapi kita tidak boleh berkompromi dalam aspek keselamatan dan akhirnya pihak berkuasa akan dituduh oleh rakyat, oleh orang ramai. Oleh sebab itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berikan mandat kepada saya, kepada KDN, kepada kerajaan untuk sama-sama kita ketepikan perbezaan pendapat di kalangan kita demi keselamatan negara kita harus terus untuk menentukan bahawa negara kita tidak boleh diperkotak-katikkan oleh mana-mana pihak, kerana soal keselamatan tidak ada kompromi dalam soal ini. Terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya membuat soalan tambahan. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kerana telah mengambil tindakan yang cepat. Soalan saya, tadi ada menyebut membina pagar. Apakah pagar yang dibina itu ada diselenggara dan diletakkan *alarm* jika ada yang masuk kita boleh tahu pagar itu telah diceroboh?

Yang kedua, adakah kerajaan boleh membina jalan kampung sepanjang sempadan Malaysia-Thai dari Perlis sampai ke Kelantan. Kalau ada jalan kampung hari-hari kereta ronda boleh lalu ulang-alik, dengan ini kita dapat mencegah secara total penyeludupan manusia seperti yang sedang berlaku. Terima kasih.

■1110

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi soalan yang amat bijak. Saya fikir kalau ada rezeki boleh duduk sebagai anggota yang sama dengan saya. Kalau ada rezeki saya kata... *[Membaca sepotong doa] In shaa-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, soal pagar ini soal yang telah menjadi isu yang terlalu lama. Saya sendiri pergi ke kawasan sempadan dan banyak pagar berkenaan telah karat, telah digunting ataupun roboh. Berkali-kali saya telah menyatakan di beberapa buah majlis, supaya pagar ini dibina semula dengan peralatan dan aset-aset yang lebih canggih, dengan dron ataupun dengan *high definition* CCTV, dengan izin, dan beberapa *equipment* atau peralatan yang pada hemat saya harus sesuai dengan teknologi sezaman.

Ada lapan cadangan yang telah diterima oleh pihak KDN dan kami telah mengemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara untuk kita lihat. Oleh sebab ada kawasan-kawasan yang tidak boleh dibangunkan pagar, terlalu berisiko tinggi dan memang tidak ada laluan di situ, jadi teknologi dron ataupun UAV atau *unman vehicle* harus diletakkan di situ.

Akan tetapi, kita harus membuat kajian perbandingan Tuan Yang di-Pertua, dengan kecanggihan sempadan yang ada di Amerika Syarikat. Dalam keadaan sempadan yang terlalu canggih, dengan aset yang juga canggih, dengan model sekuriti yang cukup lengkap dan personel yang cukup terlatih di Amerika Syarikat, terdapat 11 juta orang pendatang asing tanpa izin. Kini di Kongres Amerika Syarikat sedang diperbahaskan apakah dasar-dasar imigresen hendak dirombak atau tidak.

Oleh sebab itu, kita sebagai negara yang berkiblatkan soal keselamatan dan pertahanan, bukan mahu berkiblatkan pada negara berkenaan, harus juga melihat realiti yang harus kita hadapi, Tuan Yang di-Pertua. Bukan hanya soal undang-undang, bukan hanya soal sempadan tetapi soal roh yang ada pada rakyat keseluruhannya. Rakyat mesti menjadi benteng utama untuk mempertahankan supaya negara kita ini tidak dibolosi atau dicerobohi.

Persoalannya kerana banyak terdapat agen-agen penyeludup dan pemerdagangan manusia ini. Ini yang harus kita jejaki. Pemandu teksi di sempadan mengambil peluang untuk membawa penumpang-penumpang terdiri daripada *illegal immigrant,* dengan izin. Orang-orang kampung- bukan tuduhan. Harus memberikan maklumat kepada pihak PDRM dan Imigresen dan juga UPP, Unit Pencegahan Sempadan. Dalam soalan ini, saya fikir ini soal kolaborasi semua rakyat keseluruhannya, dan saya fikir kalau ada jalan *'kash-ban'* dan sebagainya yang dicadangkan dan perkara ini telah diadakan pada tahun 1970-an, tahun 80-an, ini harus terus dibuat semula supaya jalan-jalan luar bandar, jalan-jalan sempadan ini dibina semula, diturap semula, dinaikkan taraf dan kawasan-kawasan sempadan harus dijadikan zon ekonomi yang baru. Ini merupakan satu cadangan yang harus mendapat pertimbangan daripada kementerian-kementerian berkenaan untuk dibawa ke Jemaah Menteri.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri dan saya minta Yang Berhormat Menteri bercakap benar. Adakah kesan daripada memperdagangkan orang ini dilakukan oleh *kingpin-kingpin* kesan daripada kita menghapuskan Akta ISA? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah bercakap tidak benar selain daripada yang benar, dan Yang Berhormat harus mempunyai kepercayaan kepada kerajaan kerana Yang Berhormat dilantik oleh kerajaan untuk berada di Dewan yang mulia ini.

Ada kesan apabila *Emergency Ordinance* ataupun Ordinan Darurat dihapuskan. Ada kesan apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri juga dihapuskan. Ada kesan apabila *Restricted Residence Act* ataupun Akta Kediaman Terhad dihapuskan, memang benar. Akan tetapi, kita ada undang-undang lain yang telah dipinda atau ditambah kemaskan untuk menentukan elemen-elemen yang terdapat dalam undang-undang yang dibatalkan itu masih ada kuat kuasa kecuali satu elemen yang ditentang oleh NGO dan pihak yang tidak suka pada persoalan keselamatan ini mungkin, terutamanya pejuang-pejuang *human rights* iaitu tahan tanpa bicara. Itu tidak ada. Hatta di dalam POCA ataupun Akta Pencegahan Jenayah pun tidak ada unsur tanpa bicara tetapi ialah soal pencegahan. Dalam POTA ataupun Akta Pencegahan Keganasan pun ada unsur-unsur tanpa bicara tetapi ia lebih berbentuk pada soal pencegahan.

Dalam hal ini, saya fikir apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk menghapuskan prasangka yang negatif terhadap kerajaan seolah-olah undang-undang itu undang-undang *draconian*.

Maka, langkah-langkah keselamatan ini dilakukan dengan undang-undang yang sedia ada dan beberapa pindaan termasuklah undang-undang atau Akta Anti-SOM ataupun Akta Antipemerdagangan Orang yang baru diluluskan di Dewan Rakyat dan *in shaa-Allah* akan dibawa ke Dewan Negara dan saya harap ada perbahasan mengenai perkara ini.

Selain daripada itu, kita juga telah mendapat kerjasama daripada SPRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah untuk mengadakan operasi bersama-sama dengan mereka supaya tidak ada di kalangan pegawai-pegawai penguat kuasa yang mengambil kesempatan diberikan rasuah yang menyebabkan keizinan pembolosan ini. Saya ingin memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa KDN dan kerajaan tidak akan berkompromi dengan sesiapa pun, walaupun pegawai-pegawai yang terlibat itu pegawai-pegawai tinggi. Bukan sekadar tindakan tatatertib akan dilakukan, tindakan yang paling keras akan dilakukan oleh pihak kerajaan jika ada di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, saya sebut ya sekali lagi, jika ada di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam penyeludupan dan pemerdagangan manusia ini. *In shaa-Allah.*

6. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah minta Menteri Pendidikan menyatakan, bagaimana kementerian bercadang untuk menyelesaikan isu kanak-kanak tanpa kerakyatan yang kini dihalang untuk memperolehi pendidikan asas, memandangkan ini adalah bertentangan dengan peruntukan di dalam *United Nations Convention on the Rights of the Child* (CRC), terutamanya dengan hak mendapatkan pendidikan wajib dan percuma di peringkat sekolah rendah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa prihatin dengan peluang dan hak kanak-kanak di Malaysia mendapatkan pendidikan termasuk kanak-kanak tanpa kerakyatan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kanak-kanak tanpa kerakyatan yang bersekolah di sekolah kerajaan atau tiada dibenarkan di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Ini berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Pendidikan, Penerimaan Masuk Murid ke sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal dasar pendidikan alternatif bagi menyelaras segala usaha dan inisiatif daripada pelbagai pihak dalam menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak tersebut. Di antara usaha dasar pendidikan alternatif yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah:

(i) menyelaras usaha menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak yang terlibat;

(ii) menetapkan mekanisme pelaksanaan pendidikan alternatif oleh semua agensi yang terlibat;

(iii) menyediakan modul asas kemahiran membaca, menulis dan mengira;

(iv) menyediakan modul asas kepada program-program kemahiran hidup; dan

(v) menggalakkan usaha sama antara agensi kerajaan dan swasta.

■1120

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi termasuk agensi Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun, kerajaan negeri, pihak swasta dan badan bukan kerajaan berhubung peluang pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun, dalam hal-hal penyediaan pendidikan bagi kanak-kanak tanpa kerakyatan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia akan merujuk kepada arahan-arahan yang tertakluk di bawah Majlis Keselamatan Negara dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila soalan tambahan dari Yang Berhormat Chandra Mohan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi. Saya ada dua soalan tambahan berdasarkan kepada jawapan tadi, mengenai peraturan-peraturan yang tidak membenarkan akses kepada kanak-kanak ini.

Fokus yang pertama kepada anak-anak kepada pekerja asing. Kalau sekarang kita tengok oleh sebab taraf kewarganegaraan mereka tidak dibenarkan masuk ke sekolah kerajaan, *so,* soalan yang pertama ialah adakah Kementerian pendidikan akan mendesak supaya pindaan-pindaan yang sesuai dibuat kepada Akta Kanak-Kanak supaya Akta Kanak-Kanak itu terus turut melindungi anak-anak pekerja asing terutama dari yang dilahirkan di Malaysia? Itu soalan yang pertama.

Kedua tadi, mengenai soal akses pendidikan untuk kanak-kanak tanpa kerakyatan. Kalau tak salah, *last year* ada satu laporan dari Kementerian Dalam Negeri mengatakan lebih kurang ada 14 ribu orang kanak-kanak di mana kerakyatan mereka tidak disahkan, terutama di Sabah dan Sarawak.

So, soalan saya kepada Kementerian Pendidikan, adakah Kementerian Pendidikan akan menekankan supaya cadangan, sebelum ini ada satu cadangan bahawa kanak-kanak ini diberi kad pengenalan khas, bukan untuk pendidikan alternatif, tetapi kad pengenalan khas. Dengan kad pengenalan khas ini, kalau boleh cadangan itu dapat dilaksanakan segera, *so* mereka boleh pergi ke sekolah. Ini isu Kementerian Dalam Negeri, sama ada Kementerian Pendidikan akan mendesak supaya cadangan ini dapat dilaksanakan dengan kadar segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, komitmen negara kepada *education for all* di bawah Konvensyen Hak Kanak-kanak, Kementerian akan memberi akses pendidikan kepada anak-anak pekerja asing melalui institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh kumpulan komuniti atau NGO. Buat masa ini, kita ada. Malah, kita telah memberi ruang untuk pendidikan. Maka kita tidak akan sama sekali menghalang untuk mereka mendapat pendidikan. Kita ada ruang-ruang pendidikan alternatif. Pendidikan alternatif ini ada di seluruh negara termasuk di Sabah dan juga Sarawak. Kita ada lebih kurang lebih 200 buah institusi yang memberi pendidikan alternatif ini dengan lebih kurang 20,000 orang pelajar. Dan kita akan terus bekerjasama memantau dan memastikan mereka mendapat pendidikan yang sewajarnya supaya *education* seperti mana saya katakan tadi, *education for all* ini dapat dilaksanakan kepada semua anak-anak.

Aspek yang kedua Yang Berhormat, memang berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kita telah membentangkan perkara ini dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri dan mereka juga telah mengadakan mesyuarat baru-baru ini supaya untuk melaksanakan satu kajian yang komprehensif mengenai dasar pendidikan bagi satu tempoh jangka panjang yang meliputi peringkat sekolah rendah, menengah, dan pengajian tinggi ke atas anak-anak PATI yang memegang kad UNHCR juga. Kita akan teruskan proses ini untuk melihat yang pentingnya di Kementerian pendidikan Malaysia kita memahami keperluan dan kepentingan *education for all* ini dan kita akan laksanakannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja lagi. Fasal *education for all* yang disebut tadi. Kalau saya faham, fahaman saya betul, polisi ini membenarkan *access to free primary education,* sama ada alternatif pendidikan ini *free* ini atau tidak? Fasal kalau kita tengok EFA itu mesti *free.* Yang dijawab alternatif pendidikan, tak tahu sama ada *free* atau tidak?

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat, seperti mana yang saya katakan tadi, kita bekerjasama dengan badan-badan pelbagai agensi-agensi, badan-badan bukan kerajaan, contoh ada Pusat Bimbingan Humana di negeri Sabah, ada FELDA juga memberikan pendidikan alternatif ini. Ini tertakluk kepada agensi-agensi tersebut. Akan tetapi kebiasaannya, kebanyakan pendidikan alternatif ini tidak mengenakan bayaran. Oleh sebab agensi ini tidak kena mengena dengan kementerian, tetapi kita bekerjasama, kita memantau, kita memberikan bantuan mana yang boleh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang kedua. Ya, silakan Yang Berhormat Bathmavathi.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah, apa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan kanak-kanak OKU dari pelbagai kategori didaftar untuk mengikuti enam tahun pendidikan wajib di peringkat rendah seperti mana yang dikehendaki di bawah seksyen 29(A), Akta Pendidikan 1996?

Walaupun di bawah seksyen 29(A)(2), tanggungjawab ini terletak kepada ibu bapa untuk mendaftar anak-anak mereka, tetapi ada ibu bapa terutama mereka di luar bandar yang kurang peka tentang peruntukan ini. Kalau mereka tidak mendaftar, ia boleh menjadi satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah subseksyen 136 Akta Pendidikan. Jadi, apa bantuan, sokongan ataupun dorongan yang diberikan kepada ibubapa-ibubapa seperti ini untuk mendaftar anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan tersebut?

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri telah memaklumkan kepada kita dalam soalan Yang Berhormat tentang Akta, seksyen 29, sebenarnya kita di kementerian sentiasa memberi ruang dan kita sentiasa memaklumkan kepada ibu bapa tentang pentingnya pendidikan ini dan bagi kita, kita akan meneruskan proses memaklumkan ini.

Perkara yang paling penting ialah tanggungjawab ibu bapa seperti mana Yang Berhormat menekankan tadi. Kita bekerjasama dan biasanya sekiranya ada anak-anak OKU yang ingin melanjutkan pelajaran, komuniti setempat juga memainkan peranan yang penting untuk memaklumkan kepada badan-badan bukan kerajaan, NGO-NGO. Dan kita akan terus menggalakkan dan sekiranya perlu, sekolah-sekolah yang ada di kawasan tersebut juga disediakan. Ada sekolah-sekolah yang disediakan khusus untuk anak-anak seumpama ini. Kita akan terus memantau dan sekiranya ada ibu bapa yang inginkan anak mereka didaftarkan anak-anak mereka yang OKU ini didaftarkan di sekolah-sekolah berkenaan, saya pasti komuniti setempat, badan-badan bukan kerajaan akan membantu. Kementerian dan sekolah-sekolah berkenaan, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri akan sentiasa bersedia untuk membantu untuk memastikan anak-anak ini dapat melanjutkan pelajaran mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

7. **Datuk Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan, berapa jumlah cukai yang dikutip daripada individu-individu dan korporat-korporat yang membayar cukai pendapatan dan keuntungan syarikat di negeri Pulau Pinang bagi tahun 2012 dan 2013 berbanding negeri-negeri lain.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah kutipan cukai pendapatan individu dan korporat bagi negeri Pulau Pinang untuk tahun 2012 adalah sebanyak RM4 bilion dan untuk tahun 2013 adalah sebanyak RM4.3 bilion.

Bagi tahun 2012, negeri-negeri lain yang mempunyai cukai kutipan pendapatan individu dan korporat yang lebih tinggi dari Pulau Pinang adalah Wilayah Persekutuan sebanyak RM54.9 bilion, Selangor sebanyak RM5.1 bilion dan Johor RM4.3 bilion.

■1130

Negeri-negeri yang lain mempunyai kutipan cukai di antara RM97 juta hingga RM3.5 bilion. Untuk tahun 2013, negeri-negeri yang mempunyai kutipan cukai individu dan cukai korporat yang lebih tinggi dari Pulau Pinang adalah Wilayah Persekutuan sebanyak RM60.2 bilion, Selangor sebanyak RM6.1 bilion dan Johor sebanyak RM4.8 bilion. Negeri-negeri yang lain yang mempunyai kutipan cukai di antara 119 juta hingga 3.6 bilion. Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita soalan tambahan yang seterusnya.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab.

Saya mempunyai dua soalan. Yang pertamanya saya ingin bertanya kepada pihak Menteri adakah cukai yang dikutip itu diagihkan ke negeri-negeri berdasarkan jumlah cukai yang dikutip itu diagihkan mengikut peruntukan pembangunan, bagaimana pengagihan itu dibuat yang pertama.

Kedua, saya ingin bertanya, berapakah jumlah hutang negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan dan ia boleh diberikan secara bertulis? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Pertama saya ingin menitik beratkan bahawa dan menarik perhatian kepada Yang Berhormat Senator bahawa jumlah kutipan cukai di seluruh negara dan negeri-negeri yang telah saya berikan maklumat tadi sebenarnya tidak menggambarkan sumbangan pendapatan secara langsung yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi di negeri tersebut. Ini disebabkan cawangan atau lokasi cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang mengutip cukai ini berkemungkinan berbeza dengan lokasi aktiviti ekonomi dijalankan atau tempat tinggal pembayar cukai. Sebagai contoh wujud keadaan yang aktiviti ekonomi dijalankan di negeri Perak tetapi cukai dibayar di cawangan LHDN di Kuala Lumpur atau negeri yang lain kerana syarikat berkenaan mendaftarkan perniagaannya di Kuala Lumpur atau memilih untuk memfailkan cukai pendapatannya di cawangan LHDN di Kuala Lumpur.

Sebenarnya daripada segi agihan pembangunan sebenarnya kerajaan sentiasa menitik beratkan pembangunan agar pembangunan adalah secara inklusif dan tidak tertumpu pada sesebuah negeri sahaja. Untuk hutang negeri saya tidak mempunyai maklumat pada masa sekarang. Pegawai boleh mengambil maklum dan harap memberi jawapan kepada Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya. Nampaknya tidak ada soalan tambahan seterusnya. Kita beralih ke soalan seterusnya.

8. Tan Sri Mohd Ali bin Mohd *Rustam [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)]* minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah pihak kementerian bercadang untuk meneruskan sambutan Festival Belia Putrajaya memandangkan ia memberi kesan baik terhadap pembangunan belia dan apakah KPI terhadap usaha tersebut diteruskan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain, izinkan daripada saya dan seluruh warga Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan takziah kepada Yang Berhormat Senator atas pemergian ayahanda tercinta iaitu Tan Sri Omardin bin Mauju, pendekar negara Malaysia yang telah menghembuskan nafas terakhirnya pada 2 Jun 2015 di Hospital Tawakal baru-baru ini. Sumbangan Tan Sri Omardin terhadap dunia silat sesungguhnya akan diingati dan dihargai semua rakyat Malaysia sehingga generasi-generasi mendatang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin pada 24 Jun dan soalan nombor 70 kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan dengan Festival Belia Putrajaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan Festival Belia di Putrajaya merupakan satu pengiktirafan tertinggi pihak kerajaan terhadap sumbangan golongan belia dalam pembangunan negara yang merangkumi pelbagai bidang. Justeru, Festival Belia Putrajaya akan terus dilaksanakan sehingga dengan sambutan Hari Belia Negara yang disambut pada tanggal 15 Mei tiap-tiap tahun. Festival Belia Putrajaya 2015 dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia, Perbandaran Putrajaya dan Putrajaya Holdings, turut merekodkan penglibatan sebanyak 507 orang vendor, tiga buah syarikat penajaan dan lebih 100 aktiviti ataupun program. Penganjuran Festival Belia Putrajaya turut memberi peluang kepada belia-belia seluruh negara untuk terlibat secara langsung melalui Karnival Fiesta Mesra Belia 1Malaysia atau Jom ke Putrajaya yang dilaksanakan di setiap negeri. Usahawan-usahawan belia, mentor rakan muda serta tokoh-tokoh belia yang cemerlang turut diberi peluang dan pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, Festival Belia Putrajaya 2015 telah mencapai hasrat kerajaan dalam memperkasakan generasi muda melalui pendekatan 7K iaitu kesukanan dan kecergasan, kesenian, kesukarelawan, kerohanian, kreativiti, komuniti, kemahiran dan kepimpinan. Pendekatan-pendekatan ini telah diterjemahkan melalui konsep penyerlahan bakat dan potensi diri, *showcase of talent,* dengan izin, dan memaparkan kebolehan anak-anak muda berdasarkan lima buah zon atau segmen utama iaitu minda, komuniti, aktif, lasak, seni dan kebudayaan. Program-program ini telah menjadi platform dan *trademark* kepada generasi muda untuk mempamerkan potensi diri dan membentangkan bakat kreatif sama ada dalam bidang kesenian, hiburan atau pun sukan di peringkat yang lebih tinggi. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan yang pertama silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada Yang Berhormat Datuk Megat di atas kembalinya ke rahmatullah ayahanda beliau iaitu pendekar negara Mahaguru Tan Sri Omardin beberapa hari yang lepas. Ini satu kehilangan yang besar bagi negara dan juga dunia persilatan yang sukar dicari ganti. Kita samalah membacakan sepotong ayat *Al-Fatihah* untuk di sedekah pahala kepada Allahyarham, mudah-mudahan diletakkan di kalangan mereka yang beriman dan beramal soleh. Kepada yang bukan beragama Islam bertafakur. *Al-Fatihah.*

[Ahli-ahli Yang Berhormat beragama Islam mensedekahkan bacaan Al-Fatihah]

[Ahli-ahli Yang Berhormat bukan beragama Islam bertafakkur sebentar]

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua soalan saya adakah kementerian bercadang untuk mengadakan sambutan Hari Belia Negara secara besar-besaran selain daripada di Putrajaya ataupun di ibu kota dan juga di negeri-negeri. Negeri-negeri memang ada sekarang tetapi *scale*nya kecil sedikit, jika ada sokongan daripada kementerian tentulah dapat disemarakkan lagi kegiatan belia di tanah air kita.

Kedua adakah kementerian dapat membina pusat latihan sukan tempur atau sukan mempertahankan diri seperti silat, karate, silambam dan sebagainya di negeri-negeri. Ini kerana kini amat kurang tempat latihan. Jika ini dapat dilakukan, saya percaya kita dapat membentuk warga Malaysia muda yang berdisiplin. Di samping itu saya juga hendak mengucapkan tahniah kerana kementerian telah mempunyai satu program baru iaitu 1Silat. Ini kerana ia boleh memberi ruang kepada mereka yang ingin agresif untuk menyertai kegiatan silat yang lebih pantas sesuai dengan kehendak generasi muda pada masa kini. Terima kasih.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Pertama mengenai Hari Belia Malaysia memang kita sudah mula daripada peringkat daerah, negeri dan pusat buat masa ini. Sebab kita mula daripada peringkat kerana setiap kelompok dan golongan belia harus merasai program ini. Sebelum ini kita memang adakan di peringkat Putrajaya tetapi baru-baru ini pendekatan telah berubah kita sudah mula di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Beberapa peruntukan telah disalurkan melalui pejabat-pejabat Kementerian Belia dan Sukan Negeri.

Seterusnya mengenai pusat latihan untuk persatuan-persatuan seperti silat, silambam dan sebagainya, buat masa ini persatuan-persatuan ini diuruskan oleh persatuan sendiri daripada segi latihan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pandangan Tan Sri akan dikaji sama ada *viable* atau tidak dengan kedudukan peruntukan sedia ada dan daripada segi peraturannya. Sekian, terima kasih.

■1140

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu buah video yang di*viral*kan, gambar yang di*viral*kan berhubung dengan adinda belia kita yang telah pun membawa pingat emas ke Malaysia dari Singapura, dalam sukan gimnastik.

Gambar ini telah mengejutkan belia-belia, khususnya belia-belia Islam di Malaysia ini. Saya juga tidak menolak bahawa ada juga kaum-kaum ibu yang juga mengambil bahagian di dalam gambar yang di*viral*kan ini. Apakah tindakan kerajaan di dalam mengkaji sukan gimnastik ini?

Adakah ia akan dibatalkan atau akan diteruskan dengan pakaian yang berbeza untuk orang-orang Islam khususnya, supaya kita dapat membawa pingat emas pulang ke Malaysia? Terima kasih.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengumumkan syabas dan tahniah kepada 62 orang atlet yang telah memungut emas dalam Sukan SEA yang baru-baru ini di Singapura, yang telah mengharumkan nama negara di arena antarabangsa.

Kedua, sukan harus dilihat sebagai sukan. Setiap sukan ada peraturan tersendiri, tatacara, kod dan *ethics* pakaian. Maka di seluruh dunia telah menerima pakaian-pakaian yang ditetapkan untuk sukan-sukan seperti gimnastik dan sebagainya. Walaupun saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat, hari ini kita lihat rakyat Malaysia khususnya generasi muda sudah cukup matang. Sejak merdeka sehingga hari ini, kita lihat generasi yang lebih matang, yang pandai memilih yang baik dan yang buruk. Maka ada juga sekumpulan kecil yang pandangannya tak begitu dalam dan dapat mengeluarkan *statement-statement* seperti ini.

Buat masa ini, Kementerian Belia dan Sukan akan teruskan dengan peraturan-peraturan sedia ada dan *Code of Ethics* yang sedia ada dalam gimnastik. Terima kasih.

9. Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah perlu diwujudkan satu undang-undang atau garis panduan mengawal selia pemberian nama-nama jalan, bangunan dan pembangunan agar lebih bersifat kebangsaan dan melambangkan identiti Malaysia. Sekiranya perlu, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian dalam memastikan saranan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tersebut menjadi kenyataan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan penggunaan bahasa kebangsaan pada nama-nama jalan, bangunan dan juga pembangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan, adalah berada di bawah bidang kuasa dan juga tanggungjawab pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Setiap pemajuan dan permohonan perlu melalui pihak berkuasa tempatan sebelum mendapat sebarang kelulusan daripada pihak berkuasa negeri. Di bawah seksyen 29, Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] Tuan Yang di-Pertua, jelas telah pun memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk menamakan atau mengubah nama jalan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa negeri.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Datuk, panduan utama yang digunakan oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi penamaan jalan ialah Garis Panduan Penentuan Nama Geografi yang telah pun disediakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Garis panduan tersebut mempunyai 21 prinsip, yang antara lainnya Tuan Yang di-Pertua, menekankan bahawa amalan menamakan tempat mestilah menggunakan bentuk, ejaan dan gaya Bahasa Malaysia yang memenuhi garis panduan menamai syarikat, bangunan, kawasan perumahan, taman awam, atau jalan, yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian semenjak tahun 2011 juga telah bekerjasama dengan pihak Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REDHA) dalam usaha untuk meningkatkan lagi penggunaan bahasa kebangsaan bagi nama-nama pemajuan perumahan. Bagi maksud tersebut Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun mengeluarkan surat bertarikh 15 April 2011 kepada REDHA berhubung dengan saranan kerajaan tentang penggunaan bahasa kebangsaan dalam mana-mana pemajuan perumahan.

Pihak REDHA menyambut baik usaha kerajaan untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dan telah pun menyarankan kepada semua ahli dan juga pemaju supaya mengutamakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam menamakan sebarang projek pembangunan perumahan masing-masing, termasuklah ke atas mana-mana papan iklan projek perumahan berkaitan yang didirikan di tempat awam.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah pun mengeluarkan beberapa garis panduan bagi meningkatkan lagi Yang Berhormat Datuk, penggunaan dan memartabatkan Bahasa Kebangsaan di papan iklan seperti berikut.

Pertama, Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar yang telah pun diluluskan dalam mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-61 pada 2 Disember 2008. Garis panduan ini meliputi semua kawasan pemasangan struktur iklan dan juga kawalan kandungan iklan serta menekankan keutamaan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Untuk itu, pihak berkuasa tempatan Tuan Yang di-Pertua, sebelum memberikan sebarang kelulusan perlu memastikan bukan sahaja Bahasa Kebangsaan diberikan keutamaan tetapi daripada segi penggunaan perkataan yang betul, tatabahasa yang digunakan adalah tepat. Perkataan dalam Bahasa Malaysia hendaklah diberikan keutamaan daripada segi saiz, warna dan juga kedudukan perkataan daripada bahasa yang lain. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa lain atas sebab jenama sesuatu produk dibenarkan.

Kedua, cadangan penguatkuasaan pengesahan Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam iklan di tempat awam yang telah pun dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-67 bertarikh 4 Mac 2014. Melalui cadangan tersebut, PBT perlu mengemukakan semua permohonan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka bagi proses pengesahan ke atas penggunaan bahasa kebangsaan pada setiap papan iklan dan juga tempat awam.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan daripada Menteri tadi, dan sedap juga telinga saya mendengar. Akan tetapi akhir-akhir ini saya hendak beritahu bahawa, masih ada lagi nama-nama jalan, bangunan dan pembangunan yang saya rasa kadang kala, apabila kita pandang seperti kita bukan di Malaysia. Kadang kala kita dengar. Jadi saya mencadangkan supaya wujudkan satu dasar bahawa di mana pembangunan-pembangunan tadi lebih bersifat kebangsaan dan melambangkan identiti Malaysia.

Kedua, saya hendak juga bertanya, adakah diwujudkan satu undang-undang dan garis panduan mengawal selia penggunaan nama-nama ini supaya sedap kita dengar supaya jangan berlaku lagi, apabila orang masuk ke Malaysia ini, diingat ini bukan Malaysia. Diingat mungkin ini dia berada di negeri Barat atau di Timur jauh sana, ataupun di negeri-negeri lain. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi tentang garis-garis panduan yang telah pun dikuatkuasakan untuk penggunaan kepada semua pihak berkuasa tempatan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Datuk, bahawa negeri-negeri juga mengambil berat atas tanggungjawab untuk menentukan supaya pihak berkuasa tempatan mematuhi kepada garis panduan.

Ini kerana apa Tuan Yang di-Pertua, garis-garis panduan ini telah pun dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Sudah dua mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Apabila dibentangkan sesuatu garis panduan dalam mesyuarat yang tersebut, maka akan diterima pakai secara bersama oleh pihak kerajaan negeri.

Jadi, itu termasuklah kepada tiga perkara yang saya sebutkan yang berkaitan dengan garis-garis panduan yang berkenaan untuk kita terus memantau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pihak kementerian bersedia untuk melakukan perubahan kepada jalan-jalan? Ini terutamanya kawasan-kawasan yang strategik yang menggambarkan mercu tanda Malaysia yang menggunakan bahasa ataupun perkataan-perkataan yang tidak menggambarkan ketulenan dan keaslian sepertimana yang disebutkan tadi, soal yang bersifat kebangsaan dan juga identiti Malaysia.

Sebagai contohnya di Putrajaya, ini mercu tanda paling besar buat negara tetapi kita menggunakan bahasa Perancis seperti *boulevard, precinct*, yang langsung tidak menggambarkan keaslian dan ketulenan.

■1150

Kalau pelancong datang, dia datang ke negara kita dia tidak dapat membawa balik satu bahasa yang dia datang ke negara kita melawat dengan dapat mengambil identiti kemalaysiaan itu. Apakah kementerian ada berfikir berkenaan perkara ini dan bersedia untuk melakukan perubahan? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebutkan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, kuasa menentukan menamakan ataupun mengubah mana-mana nama yang ada ia adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa negeri dan ada sesetengah kawasan Tuan Yang di-Pertua, mereka memerlukan nama-nama yang lebih sesuai *sellable* untuk dijadikan sebagai nama yang dapat menarik perhatian yang memang satu-satu tempat itu dibangunkan untuk kepentingan kepada para pelancong dan sebagainya. Contoh bukan sahaja pada Putrajaya, termasuklah di negeri-negeri yang lain, yang ada tempat-tempat yang ia menjadi potensi kepada pelancongan dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, ia lebih sesuai untuk kita gunakan nama-nama yang terkini, yang *trendy*.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah pihak berkuasa tempatan melalui pihak berkuasa negeri telah pun memikirkan untuk mempertimbangkan apakah jenis nama-nama yang mahu dicadangkan untuk digunakan kepada sesuatu penamaan sama ada jalan, bangunan dan sebagainya. Pertimbangan itu sudah tentu diambil berat oleh pihak kerajaan negeri berdasarkan kepada garis-garis panduan yang telah pun saya sebutkan tadi yang telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baiklah dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi maka setakat itu dahulu sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

11.52 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh takzim berdiri dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul:

Bahawa Dewan ini,

Menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh;

Merestui usaha kerajaan untuk meneruskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN dalam merangka dan merencana Rancangan Malaysia Ke-11 seterusnya;

Meluluskan pelaksanaannya bertunjangkan falsafah Dasar Transformasi Nasional dalam ikhtiar menjadi sebuah negara maju pada Tahun 2020, menurut Kertas Perintah 23, Tahun 2015; dan

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ke-11, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama dan berusaha menjayakan matlamatnya."

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah,* dengan izin, dan rahmat Allah SWT pada hari ini saya membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelasbagi tempoh 2016 hingga 2020. Saya juga amat bersyukur kerana usul Rancangan Malaysia Kesebelas ini (RMKe-11) telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 15 Jun 2015 dan seterusnya dibentangkan untuk pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini.

Seperti yang kita ketahui, Malaysia telah mencatatkan banyak kejayaan yang amat membanggakan serta mendapat pengiktirafan dunia. Misalnya, Malaysia berjaya menduduki tangga ke-14 daripada 61 buah negara dalam *World Competitiveness Year Book 2015* oleh *International Institute for Management Development* (IMD). Tangga ke-18 daripada 189 buah negara dalam *Ease of Doing Business Report 2015* oleh Bank Dunia dan tangga ke-20 daripada 144 buah negara dalam *Global Competitiveness Report 2014/2015* oleh *World Economic Forum.*

Sesungguhnya kejayaan yang dikecapi hasil usaha gigih dan bersepadu semua pihak yang sentiasa meletakkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat sebagai matlamat utama pembangunan ekonomi. Namun begitu, kita tidak boleh leka dan berasa selesa dengan kejayaan yang dicapai kerana banyak lagi cabaran yang lebih kompleks bakal kita hadapi ke arah mencapai status negara maju dan inklusif pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh ekonomi negara dijangka terus stabil. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar dianggarkan berkembang pada kadar 5.3 peratus setahun. Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita pada harga semasa pula dianggarkan mencecah RM36,937 ataupun USD10,196 pada tahun 2015. Inflasi dijangka kekal stabil dan rendah. Selain itu, negara terus menikmati guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran sekitar 3 peratus. Kedudukan fiskal terus kukuh dengan defisit dapat dikurangkan daripada 5.3 peratus daripada KDNK pada tahun 2010 kepada anggaran 3.2 peratus pada tahun 2015.

Daripada segi sosioekonomi pula, kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 3.8 peratus pada tahun 2009 kepada 0.6 peratus pada tahun 2014. Jurang pendapatan juga dapat dikurangkan di mana pekali Gini semakin mengecil daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.401 pada tahun 2014. Manakala nisbah pendapatan purata isi rumah 20 peratus teratas (T20) berbanding isi rumah 40 peratus terbawah (B40) bertambah baik daripada 6.9 kali pada tahun 2009 kepada 5.6 kali pada tahun 2014. Di samping itu, pelbagai kemudahan awam telah disediakan. Ini termasuk projek menaik taraf kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan, jaringan jalan raya dan sistem pengangkutan serta peningkatan liputan elektrik dan akses kepada air bersih yang terawat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya aspirasi Wawasan 2020 dengan matlamatnya untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan acuan tersendiri masih tersemat dalam jiwa kita. Kemajuan yang ingin dicapai ini mencakupi semua aspek kehidupan rakyat iaitu ekonomi, politik, sosial, alam sekitar, rohani dan budaya. Malah, kesemua matlamat Dasar Pembangunan Negara sebelum ini mendukung padu aspirasi ini. RMKe-11 merupakan kesinambungan kepada dasar-dasar sebelum ini. Rancangan ini menggariskan strategi yang lebih pragmatik bagi tempoh lima tahun seterusnya sebelum kita mencapai status negara maju dan inklusif pada tahun 2020.

Kerajaan sememangnya sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat dalam semua aspek pembangunan. Namun begitu tidak dinafikan bahawa masih terdapat sebilangan rakyat yang belum mendapat faedah sepenuhnya daripada limpahan kemakmuran ekonomi negara. Ini kerana itu kerajaan menetapkan, “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat” sebagai tema Rancangan Malaysia Kesebelas. Tema ini mencerminkan keprihatinan kerajaan untuk memastikan faedah pembangunan ekonomi dinikmati oleh semua golongan dan tiada sesiapa yang dipinggirkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa negara masih perlu menangani pelbagai cabaran luaran dan dalaman demi keselesaan hidup dan kesejahteraan rakyat. Antaranya ketidaktentuan persekitaran ekonomi global, pertumbuhan produktiviti yang perlahan, ruang fiskal yang terhad, pampasan kerja yang rendah dan jurang pendapatan isi rumah yang walaupun telah mengecil dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesepuluh, tetapi masih ketara atau signifikan.

Oleh itu, strategik ekonomi mikro dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas akan menumpukan kepada usaha memperkukuh ekonomi bagi memastikan kemapanan pertumbuhan, mempergiat pelaburan untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, meningkatkan eksport bagi memperkukuh imbangan dagangan, mempertingkatkan fleksibiliti fiskal dan menggalakkan peningkatan produktiviti.

Dalam tempoh RMKe-11, KDNK benar dianggarkan berkembang antara 5 peratus sehingga 6 peratus setahun. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh sektor swasta dengan pelaburan swasta berkembang 9.4 peratus setahun. Semua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang menyumbang lebih daripada 75 peratus kepada KDNK. Sektor luar juga dijangka menjadi penyumbang positif kepada pertumbuhan berikutan pemulihan eksport. Hasilnya akaun semasa imbangan pembayaran dijangka kekal mencatat lebihan sebanyak 2.6 peratus kepada PNK pada tahun 2020.

Daripada segi kedudukan fiskal pula, kerajaan beriltizam untuk terus memperkukuh pengurusan kewangan bagi mencapai bajet berimbang menjelang tahun 2020.

■1200

Daripada segi harga, inflasi dijangka kekal rendah di bawah 3 peratus setahun. Ekonomi juga dijangka terus berada pada tahap tenaga penuh. PNK per kapita dijangka melebihi RM54,000 iaitu melebihi anggaran paras pendapatan minimum USD15,000 bagi ekonomi berpendapatan tinggi mengikut ukuran bank dunia.

Dilihat dari sudut isi rumah, pendapatan purata isi rumah dijangka meningkat kepada RM10,540 sebulan. Manakala pendapatan menengah isi rumah dijangka meningkat kepada RM8,420 sebulan pada tahun 2020. Oleh yang demikian, kerajaan telah mengenal pasti enam buah teras strategik dan enam pemacu perubahan ataupun *game changer* untuk dilaksanakan dalam RMKe-11 ini.

Tuan Yang di-Pertua, teras strategik pertama adalah memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama. Kerajaan komited untuk memastikan setiap lapisan rakyat tanpa mengira etnik dan status sosioekonomi, mahupun gender di kota mahupun di desa, di Semenanjung, dan Sabah dan Sarawak akan mendapat memanfaat daripada kemajuan negara. Ke arah ini strategi akan di gembleng untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 ataupun 40 peratus terbawah. Memperkasakan komuniti, meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar, mempercepatkan pertumbuhan wilayah dan mempertingkat pencapaian ekonomi bumiputera.

Pemacu perubahan yang penting di dalam teras strategik pertama ini meningkatkan taraf isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah ataupun B40 ke arah masyarakat kelas menengah. Dengan saiz populasinya yang besar iaitu 2.7 juta isi rumah, peningkatan taraf hidup bulanan ini boleh merapatkan jurang sosioekonomi serta memastikan agenda inklusif tercapai. Kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan saiz masyarakat kelas menengah kepada 45 peratus pada tahun 2020. Antara usaha tersebut adalah memperluas peluang pendidikan dan kemahiran tinggi kepada isi rumah B40 bagi membuka lebih banyak akses kepada pekerjaan berpendapatan tinggi. Program sokongan keusahawanan juga akan ditambah baik untuk melonjakkan pendapatan perusahaan mikro dan kecil.

Manakala bagi, menangani masalah peningkatan kos sara hidup dalam kalangan isi rumah B40. Kerajaan akan memperkukuhkan pemantauan dan penguatkuasaan peraturan kawalan harga khususnya melibatkan keperluan asas. Selain daripada itu, program 1Malaysia 1Harga serta liputan Kedai Rakyat 1Malaysia dan Kedai Koop 1Malaysia akan diperluas ke seluruh negara, manakala sistem jaringan keselamatan sosial akan terus di perkukuh.

Di samping itu untuk menangani masalah keberhutangan isi rumah B40, kerajaan akan memperkukuh tahap literasi dan keupayaan pengurusan kewangan mengikut fasa kehidupan. Dalam hubungan ini pendidikan kewangan dan khidmat nasihat peluasan hutang akan dipergiat.

Tuan Yang di-Pertua, komuniti komponen penting dalam wacana pembangunan negara. Sehubungan itu, peranan institusi keluarga akan diperkukuh demi melahirkan keluarga yang sejahtera dan produktif melalui kerjasama antara kerajaan dan masyarakat, NGO dan pihak swasta yang berkemahiran dalam bidang kekeluargaan. Sehubungan ini, program pengukuhan pra perkahwinan dan perkahwinan akan di pertingkat kepada semua komuniti bagi memupuk nilai kekeluargaan. Kemahiran keibubapaan dan komunikasi berkesan bagi memantapkan institusi keluarga. Selain itu, pusat komuniti bersepadu akan diwujudkan yang merangkumi taman asuhan kanak-kanak atau taska dan pusat penjagaan warga emas. Pusat komuniti ini juga akan menempatkan klinik Nur Sejahtera dan pusat transit untuk kanak-kanak dan pelajar termasuklah kemudahan lain seperti pusat pemulihan serta Kafe@*Teen* untuk remaja.

Peranan wanita bukan sahaja terhad kepada pembentukan keluarga yang bahagia tetapi juga menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi dan pembangunan negara. Untuk itu, peranan wanita dalam pembangunan akan diperkukuh dengan mengimbangkan kerjaya dan rumah tangga. Berbagai-bagai inisiatif seperti waktu bekerja yang fleksibel dan *option* bekerja di rumah akan diperluas. Usaha juga akan dipergiat untuk meningkatkan bilangan wanita di peringkat pengurusan tertinggi dan pembuat keputusan termasuk dalam sektor swasta.

Bagi belia, belia merupakan rakan kongsi pembangunan pada masa kini dan juga pemimpin pada masa hadapan serta memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Dalam hal ini, bagi mengupayakan dan menggembleng potensi belia, kerajaan akan berusaha untuk membentuk kepimpinan belia yang dinamik dengan pelbagai kebolehan melalui pendidikan dan latihan keusahawanan sukan dan kesukarelawan. Program pembangunan keusahawanan bersepadu akan dipertingkatkan bagi mewujudkan lebuh ramai usahawan muda yang berjaya termasuk perniagaan dalam industri berasaskan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak merupakan tanggungjawab kita dan menjadi aset penting negara kerana merekalah yang bakal mewarisi dan memimpin negara pada masa yang akan datang. Bagi memastikan kesejahteraan kehidupan serta melindungi kanak-kanak daripada sebarang tindakan dan amalan yang tidak sihat, kerajaan akan menggalakkan lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti ditubuhkan oleh masyarakat. Ini bagi memastikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dengan persekitaran pembelajaran yang menarik dapat disediakan. Pusat penjagaan kanak-kanak berkeperluan khas juga akan diperbanyakkan

Sumbangan dan khidmat bakti yang telah ditaburkan oleh warga emas kepada negara haruslah dihargai. Justeru, kebajikan dan keselesaan hidup warga emas akan terus dipelihara. Ke arah ini perlindungan sosial infrastruktur dan fasiliti penjagaan warga emas akan ditambah baik. Kapasiti institusi penyelidikan termasuk *Institute of Gerontology*, Universiti Putra Malaysia akan dipertingkat untuk menjalankan penyelidikan berkaitan dengan *active aging,* dengan izin.

Golongan berpendapatan rendah terutama daripada sektor tidak formal akan digalakkan untuk menyertai *Private Retirement Scheme,* dengan izin, bagi menjamin masa depan mereka pada hari tua.

Orang-orang kurang upaya, atau OKU mesti dilibatkan secara aktif dalam pembangunan sosioekonomi kerajaan yakin golongan ini mampu menyumbang secara produktif sekiranya diberi bantuan dan sokongan yang bersesuaian.Oleh itu, kerajaan akan memperkukuh kesejahteraan OKU dengan memperluas peluang pendidikan, latihan kemahiran dan keusahawanan kepada mereka. Selain itu, reka bentuk dan penyediaan kemudahan di premis dan bangunan serta pengangkutan awam yang mesra OKU dan memenuhi *universal design,* dengan izin, akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan hidup komuniti luar bandar akan terus diberi perhatian. Untuk tujuan ini, usaha untuk mengurangkan jurang pembangunan di luar bandar akan dipergiat. Penyediaan infrastruktur asas luar bandar seperti jalan, bekalan air bersih, elektrik, serta rumah yang selesa terutamanya di Sabah dan Sarawak akan diteruskan dalam RMKe-11.

Kerajaan akan membina 3,000 kilometer (km) jalan berturap di luar bandar bagi tempoh 2016 hingga 2020, bekalan air bersih dan terawat melalui program bekalan air bersih luar bandar kepada 90,000 ribu buah rumah dan kemudahan bekalan elektrik melalui program bekalan elektrik luar bandar kepada 36,800 buah rumah juga dilaksanakan. Selain itu, sebanyak 47,000 buah rumah pula akan dibina dan di baik pulih melalui program bantuan rumah.

Bagi menarik minat golongan belia adan bakat terbaik untuk terus menetap, bekerja dan memulakan perniagaan di luar bandar kerajaan akan memperluaskan konsep kampung abad ke-21. Selain itu pertandingan *Rural Business Challenge* terus dilaksanakan. Pertandingan ini menyasarkan golongan belia yang berpotensi menjalankan perniagaan yang berdaya maju dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan di luar bandar. Kerajaan juga akan menarik pelaburan bernilai tambah tinggi kepada kawasan luar bandar dengan menyediakan persekitaran yang kondusif.

Bagi mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah, peranan koridor sebagai pemangkin pertubuhan wilayah akan dipertingkatkan bagi menarik lebih banyak pelaburan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru. Bagi merealisasikan pelaburan sebayak RM236 bilion dan mewujudkan sebanyak 470,000 pekerjaan menjelang tahun 2020, kerajaan akan mengkaji semula pelan induk strategi pembangunan wilayah dengan menilai semula keutamaan dan tumpuan pelaburan di koridor ekonomi wilayah. Selain itu, kerajaan juga akan menambah baik khidmat mudah cara kepada pelabur, meningkatkan ketersambungan dan mobiliti serta mempergiat penyelidikan, pembangunan dan pengkormersilan bagi mempercepat pelaburan.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, memperkukuhkan peluang komuniti ekonomi bumiputera untuk meningkatkan pemilikan kekayaan. Program Peneraju Skil dan Program Peneraju Profesional akan diperkukuh dalam usaha membangunkan modal insan bumiputera. Di samping itu, kerajaan juga akan memperluaskan program profesional bertauliah dalam kerjaya tertentu seperti akauntan, penganalisis kewangan dan jurutera.

Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif baru seperti pelaburan ASB 2 menggunakan Akaun 1, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi mempertingkatkan penguasaan berkesan dan pemilikan ekuiti korporat yang mampan. Selain itu, dana wakaf dan ekuiti persendirian melalui dana awam akan diwujudkan bagi meningkatkan pemilikan aset kewangan bumiputera.

Dalam meningkatkan pemilikan kekayaan bumiputera, program pemilikan aset berasaskan institusi akan diperkukuh. Selain itu, tabung *claw-back,* dengan izin, dan Dana Pusingan Hartanah Komersial Bumiputera akan ditubuhkan bagi membantu usahawan bumiputera memiliki hartanah. Program *Bridging,* dengan izin, juga akan diperkenalkan kepada perusahaan berskala mikro dan kecil yang berpotensi untuk meningkat ke skala lebih besar. Rantaian bekalan usahawan bumiputera akan diperkukuh melalui perwujudan ekosistem yang bersepadu dengan kerjasama dewan perniagaan dan GLC dalam sektor terpilih termasuk pembinaan, pembuatan dan industri halal.

Tuan Yang di-Pertua, teras strategi kedua RMKe-11 adalah untuk meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat dalam semua aspek kehidupan selaras dengan konsep pembangunan *inclusive* dan prinsip ekonomi berpaksikan rakyat.

Kerajaan komited untuk terus memastikan sistem penjagaan kesihatan negara cekap dan menyeluruh bagi memastikan semua rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Antara usaha yang akan dilaksanakan termasuk membina infrastruktur dan kemudahan kesihatan terutamanya di semua kawasan bandar yang berkepadatan tinggi, luar bandar dan bagi kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan kesihatan bergerak dan doktor udara yang lebih kerap akan disediakan. Selain itu, bilangan pakar perubatan dan kakitangan kesihatan yang berkemahiran tinggi akan dipertingkatkan.

Menjelang tahun 2020, nisbah doktor kepada penduduk dijangka meningkat kepada seorang doktor bagi setiap 400 orang penduduk. Kerajaan juga akan terus menggalakkan penglibatan komuniti, pihak swasta dan NGO untuk turut menjayakan program dan aktiviti kesihatan ke arah mewujudkan persekitaran dan gaya hidup sihat.

Perumahan merupakan kemudahan yang sentiasa diberikan keutamaan oleh kerajaan terutama bagi isi rumah miskin berpendapatan rendah dan sederhana. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, beberapa program perumahan baharu telah diperkenalkan. Umpamanya, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan Rumah Wilayah Persekutuan. Kerajaan juga mensasarkan untuk membina satu juta buah rumah mampu milik untuk rakyat. Kerajaan akan terus meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik yang berkualiti, berdaya huni dan mempunyai akses kepada jaringan pengangkutan. Di samping itu, pangkalan data bersepadu akan diwujudkan bagi memastikan perancangan dalam penyediaan perumahan yang lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan ketenteraman awam menjadi tonggak kepada kestabilan sosial, ekonomi dan politik negara. Persepsi rasa selamat dalam kalangan rakyat juga penting dan perlu dikekalkan. Sehubungan ini, kerajaan akan menambah baik undang-undang pencegahan jenayah, memperkukuh program *omnipresence* dengan izin, melalui pendekatan rondaan di kawasan cenderung jenayah dan memperluas program bandar selamat dan program pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran selamat.

Keberkesanan tahap perkhidmatan kecemasan kepada masyarakat akan dipertingkatkan dengan rondaan berterusan khususnya di kawasan cenderung berlaku kemalangan. Ke arah ini, respons semasa untuk tindak balas kecemasan dapat dipendekkan daripada 15 minit kepada lapan minit. Kerajaan berharap untuk mengurangkan indeks *fatality* kemalangan jalan raya daripada 2.9 kepada dua *fatality* sahaja bagi setiap 10,000 buah kenderaan dalam tempoh rancangan. Sementara itu, kempen kesedaran keselamatan jalan raya akan dipertingkatkan melalui media sosial.

Sebagai sebuah negara majmuk yang berbeza agama dan budaya, perpaduan rakyat perlu sentiasa dipelihara demi menjaga keharmonian dan kestabilan negara. Sehubungan dengan itu, semangat 1Malaysia akan terus diperkukuh bagi meningkatkan integrasi sosial dan perpaduan nasional. Ke arah ini, kerajaan akan meningkatkan penyelarasan dalam pelaksanaan program perpaduan untuk impak yang lebih jitu.

Aktiviti fizikal dan sukan merupakan sebahagian daripada kehidupan. Oleh itu, saya menyarankan supaya rakyat Malaysia membudayakan sukan sebagai gaya hidup. Dalam mempromosikan Malaysia sebagai sebuah *sporting nation,* dengan izin, kerajaan akan mengoptimumkan penggunaan *facility* sedia ada dan menyelenggarakan *facility* sukan terutama yang mengalami kerosakan supaya dapat digunakan oleh semua rakyat.

Memandangkan pencapaian negara dalam arena sukan di peringkat antarabangsa masih belum membanggakan, kemahiran profesionalisme belia dan pemimpin dalam sukan serta persatuan sukan perlu terus dipertingkatkan. Program membangunkan pemimpin berpotensi dalam sukan dan aktiviti berkaitan sukan juga akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, teras strategi yang ketiga meningkatkan pembangunan modal insan. Modal insan yang berkemahiran tinggi, inovatif, kreatif dan berpengetahuan penting untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan *inclusive.* Antara usaha yang akan diambil adalah memperkukuh pasaran buruh, mentransformasikan TVET, memperluas akses pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan.

Sejumlah 1.5 juta peluang pekerjaan baru bakal diwujudkan dalam tempoh rancangan. Produktiviti buruh dan struktur gaji akan ditambah baik serta operasi pasaran buruh juga akan dipertingkatkan. Pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan mensasarkan peningkatan produktiviti buruh pada kadar purata 3.7 peratus setahun. Kerajaan juga mensasarkan agihan pampasan pekerja kepada KDNK meningkat daripada 34 peratus kepada 40 peratus bagi meningkatkan pendapatan pekerja tanpa membebankan majikan.

Kerajaan akan memastikan pelaksanaan sepenuhnya perintah gaji minimum. Indeks Gaji Nasional juga akan diperkenalkan sebagai petunjuk dan penanda aras kepada majikan dalam menetapkan gaji yang setimpal dengan produktiviti, kemahiran, kelayakan dan kepakaran pekerja. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan gaji menengah bulanan pekerja daripada RM1,500 pada tahun 2013 kepada RM2,500 pada tahun 2020.

Kebergantungan industri terhadap pekerja asing berkemahiran rendah perlu ditangani secara holistik. Oleh itu, kerajaan menambah baik pengurusan pekerja asing supaya kemasukan pekerja asing benar-benar terancang dan terselaras.

Komposisi pekerja asing kepada jumlah keseluruhan guna tenaga akan disasarkan pada kadar maksimum 15 peratus pada tahun 2020. Bagi mencapai matlamat ini, dasar imigresen dan penggajian pekerja asing yang komprehensif akan digubal dengan mengambil kira keperluan industri. Semua sektor ekonomi juga digalakkan untuk beralih kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan. Kerajaan akan memperkemas proses penggajian pekerja asing dengan meletakkan pengurusannya di bawah pentadbiran tunggal bagi mengelakkan kemasukan melalui pelbagai saluran kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited untuk memperluas akses bagi peningkatan kemahiran yang dapat menyumbang kepada produktiviti di samping memenuhi kehendak industri. Sehubungan itu, mentransformasikan TVET atau *technical, vocational education and training,* dengan izin, untuk memenuhi permintaan industri telah dikenal pasti sebagai pemacu perubahan dalam RMKe-11 untuk menyediakan modal insan berkemahiran.

Transformasi TVET akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pengambilan pelajar lepasan SPM ke institusi TVET awam dan swasta sedia ada. Usaha promosi dan penyebarluasan untuk mengikuti aliran TVET melalui program bersasar akan dipergiat di peringkat sekolah dan komuniti. Pembiayaan pendidikan dan latihan dalam aliran TVET juga akan dipertingkatkan bagi menyediakan pelajar dengan kemahiran berpandukan keperluan industri dan secara langsung dengan pasaran pekerjaan. Di samping itu, kerajaan akan memastikan pengukuhan antara institusi TVET sedia ada melalui perkongsian tenaga pengajar dan *facility.*

■1220

Kerjasama dengan pihak industri akan dipergiat dan diperkukuh bagi memastikan kurikulum TVET yang dibangunkan memenuhi keperluan industri. Modul penempatan industri kepada pelajar TVET akan ditambah baik melalui pendapatan dengan lebih sistematik dan berstruktur bagi menyediakan pelajar dengan persekitaran pekerjaan.

Penilaian kualiti program dan kebolehpasaran graduan akan dibuat secara berterusan termasuk dengan melaksanakan kajian pengesanan graduan atau pun *traces study,* dengan izin. Program Sistem Latihan Dual-Nasional yang berorientasikan latihan berasaskan tempat kerja akan diperluaskan. Kerajaan akan memastikan kualiti tenaga kerja dipertingkatkan dengan memaksimumkan penggunaan kapasiti institusi TVET sedia ada. Kemasukan pelajar ke aliran TVET dijangka meningkat daripada 164,000 pada tahun 2013 kepada 225,000 pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memperluas akses pembelajaran sepanjang hayat bagi memastikan peningkatan kemahiran tenaga kerja secara berterusan. Ke arah ini liputan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 akan diperluas untuk memberi manfaat kepada lebih ramai pekerja iaitu peningkatan sebanyak 58 peratus daripada 1.77 juta orang pekerja swasta pada tahun 2014 kepada 2.8 juta orang pekerja pada tahun 2020. Kerajaan juga komited untuk memastikan pekerja PKS yang tidak dirangkum oleh liputan akta ini berikutan saiz perniagaan yang kecil akan diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran. Untuk itu kerajaan akan menyediakan dana latihan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad bagi melatih 50,000 orang pekerja PKS dalam tempoh rancangan ini berbanding 32,000 orang pekerja dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan murid akan dipergiat bermula daripada peringkat pra-sekolah melalui perluasan kurikulum permata untuk mengembangkan potensi kanak-kanak sebelum pendidikan formal. Di peringkat sekolah rendah, program penyaringan Literasi dan Numerasi atau pun (LINUS) akan terus diperkukuhkan untuk memastikan semua murid dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Kemahiran berfikir aras tinggi atau pun *high order thinking skills,* dengan izin, akan terus dipertingkatkan bagi melatih murid mengaplikasikan pengetahuan secara kreatif dan inovatif serta meneroka pelbagai ilmu baru. Prestasi murid akan ditingkatkan agar mampu bersaing di peringkat global dan mencapai sekurang-kurangnya aras purata antarabangsa dalam penilaian *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan juga *Programme for International Student Assessment* atau pun (PISA).

Kerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta sebagai rakan dalam pendidikan akan diperkukuh. Kerjasama padu ini diharap dapat membantu pihak sekolah menangani masalah disiplin dan keciciran murid serta meningkatkan kadar penyertaan murid di semua peringkat persekolahan kepada 100 peratus dalam tempoh rancangan. Pengalaman kerajaan dalam menjayakan sekolah amanah membuktikan bahawa masyarakat dapat menyumbang secara signifikan untuk memajukan sistem pendidikan. Justeru, konsep Sekolah Amanah akan diperluas supaya lebih banyak sekolah dapat mengguna pakai konsep ini bagi meningkatkan prestasi sekolah secara keseluruhan.

Pendidikan tinggi yang berkualiti dan memenuhi permintaan pasaran akan diutamakan supaya kadar kebolehpasaran graduan akan mencapai 80 peratus. Peruntukan bagi pendidikan akan dibelanjakan dengan lebih efisien selaras dengan petunjuk prestasi yang disasarkan sama ada daripada aspek produktiviti, kualiti dan impak kepada *out come* pelajar penyelidikan dan pembangunan sebagai wadah inovasi dan pemerkasaan tadbir urus universiti awam.

Kualiti pendidikan tinggi akan ditingkatkan menerusi pengukuhan pendidikan keusahawanan, penglibatan industri dalam pembangunan kurikulum dan latihan industri kepada pelajar diperingkat *tertiary* Penyertaan pakar dari industri sebagai tenaga akademik di institusi pengajian tinggi akan ditingkatkan. Kerajaan mensasarkan dua buah universiti berada dalam sasaran 100 buah universiti terbaik dan dua lagi dalam 200 yang terbaik mengikut penarafan oleh *QS World University Ranking*. Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2015-2025 pendidikan tinggi akan dijadikan sebahagian daripada strategi utama RMKe-11 untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu langkah untuk menangani masalah perubahan iklim, RMKe-11 akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan hijau sebagai teras strategi keempat dan pemacu perubahan. Bidang utama yang akan diberi tumpuan ialah memperkukuh persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau, mengguna pakai konsep penggunaan dan pengeluaran mampan, meningkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber asli, serta memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam. Kerajaan akan menggiatkan usaha bagi memastikan pertumbuhan hijau menjadi amalan di sektor kerajaan dan swasta manakala bangunan kerajaan akan dinaiktarafkan supaya cekap tenaga.

Amalan perolehan hijau akan digalakkan untuk merangsang pasaran tempatan bagi produk dan perkhidmatan hijau. Peratusan tenaga pulih baharu dan campuran tenaga akan dipertingkatkan dengan meneroka sumber baharu. Dalam masa yang sama kerajaan akan memperkenalkan pelan induk pengurusan permintaan tenaga. Selain itu kerajaan akan menggalakkan mobiliti rendah karbon melalui penyediaan pelbagai pengangkutan awam yang lancar dan ketersambungan bagi meningkatkan sambungan pengangkutan awam.

Seterusnya, kerajaan akan memelihara biodiversiti negara dengan mempergiat penguatkuasaan terhadap pembersihan hutan dan pemburuan hidupan liar secara haram serta melaksanakan usaha penghutanan semula dan pengkayuan hutan di kawasan hutan terosot. Usaha pemuliharaan dan meningkatkan populasi tumbuhan dan hidupan liar yang terancam bagi melindungi kekayaan bagi biodiversiti negara akan terus dilaksanakan.

Selain itu kerajaan akan memperkukuhkan pengurusan risiko bencana untuk mengurangkan tanaman dan menyiapsiagakan rakyat bagi menghadapi bencana alam.Sistem pengesanan dan amaran awal bencana serta keupayaan pengurusan risiko bencana akan dipertingkatkan untuk memastikan kecekapan usaha penyaluran bantuan, respons dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, teras strategik kelima memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Infrastruktur asas akan terus diperkukuhkan bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan sosioekonomi. Dalam hal ini teras strategik kelima yang dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tempoh rancangan adalah memperkukuh sistem pengangkutan darat, udara dan laut, memperluas infrastruktur ICT, menambah baik perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan mempertingkat jaminan bekalan serta penggunaan tenaga yang mampan.

Pembangunan rangkaian jalan raya yang cekap serta mesra rakyat penting dan ia merupakan nadi pengangkutan utama bagi sesebuah negara.

Dalam tempoh rancangan, pembinaan jalan raya akan ditumpukan kepada perhubungan antara bandar dan luar bandar bagi menyokong pertumbuhan kawasan baru dan pembangunan seimbang. Antara termasuklah pembangunan Lebuhraya Pan Borneo, *Central Spine Road*, Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai dan Lebuhraya Pantai Barat.

Pengangkutan berasaskan rel akan menjadi tulang belakang kepada pengangkutan awam antara bandar dengan disokong oleh sistem rangkaian bas yang lebih bersepadu. Perkongsian mod pengangkutan awam disasarkan mencapai 40 peratus di *Greater Klang Valley*, dengan izin dan 20 peratus di bandar utama lain menjelang tahun 2020. Perkara ini dapat dicapai melalui pembinaan *Klang Valley Mass Rapid Transit* atau pun (MRT) laluan Sungai Buloh ke Kajang, laluan Sungai Buloh ke Serdang, Putrajaya dan LRT3 yang akan dilaksanakan dalam tempoh rancangan.

Program transformasi perkhidmatan bas henti-henti juga akan diperluas ke luar bandar untuk menyediakan akses kepada rangkaian bas yang lebih baik. Dasar Pelabuhan Kebangsaan akan diperkenal bagi menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelabuhan dan jeti seiring dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan pelabuhan utama negara. Kerajaan juga akan memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada kawasan luar bandar dengan menaiktaraf kemudahan lapangan terbang dan merasionalisasikan lawan perkhidmatan udara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, bekalan dan rangkaian pengagihan air serta perkhidmatan pembentungan yang berkualiti akan diperluas. Liputan air bersih dan terawat disasarkan mencapai tahap 99 peratus menjelang tahun 2020 manakala liputan bagi perkhidmatan pembentungan bersambung disasarkan meningkat daripada 63 peratus kepada 80 peratus di bandar utama.

■1230

Kerajaan juga akan meningkatkan liputan jalur lebar secara menyeluruh melalui *High Speed Broadband 2* dan *Suburban Broadband* untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Melalui inisiatif ini perkhidmatan jalur lebar akan meliputi 95 peratus buah kawasan berpenduduk pada tahun 2020. Semua isi rumah di ibu negeri dan kawasan pertumbuhan berimpak tinggi akan disediakan dengan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan 100 megabait sesaat. Perkhidmatan televisyen *terrestrial* digital yang akan bermula pada akhir tahun 2015 ini di 14 buah kawasan akan diperluas ke 46 buah kawasan di seluruh negara. Dengan ini rakyat dapat menikmati lebih banyak pilihan saluran digital secara percuma. Selain perkhidmatan TV dan radio perkhidmatan secara interaktif seperti video atas permintaan, e-pembelajaran dan *TV base commerce* termasuk *e-shopping,* dengan izin, turut ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan tenaga yang terjamin kritikal untuk memacu pertumbuhan negara khususnya dalam menyokong pertumbuhan ekonomi secara mampan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat. Ke arah ini sumber tenaga berasaskan fosil dan tenaga boleh baharu perlu diuruskan secara lestari bagi menjamin bekalan yang sentiasa stabil dan mencukupi. Dalam tempoh RMKe-11, kebergantungan negara kepada sumber tenaga fosil khususnya minyak mentah, gas asli dan arang batu masih tinggi. Pada tahun 2015 bekalan daripada sumber tenaga fosil dianggarkan sebanyak 96.1 peratus daripada keseluruhan bekalan tenaga negara.

Justeru pembangunan tenaga boleh baharu seperti hidro, biojisim, biogas dan solar akan terus dipergiat bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga fosil. Selaras dengan inisiatif pembangunan mampan yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar usaha akan terus dipergiatkan untuk meningkatkan penggunaan sumber tenaga bersih dan mesra alam. Kerajaan akan meningkatkan penggunaan bahan api bersih untuk sektor pengangkutan melalui penguatkuasaan standard Euro-4M, Euro 5 dan penggunaan biodiesel 15 peratus (B15) menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, teras strategik keenam merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka Malaysia terdedah kepada pelbagai cabaran luar termasuk kejutan ekonomi global, risiko geopolitik dan perubahan iklim. Di peringkat domestik negara berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk mentransformasi dan memodenkan sektor ekonomi. Antaranya isu berkaitan produktiviti dan inovasi yang rendah, peraturan kompleks dan institusi yang lemah serta keupayaan eksport yang rendah.

Justeru bagi meningkatkan lagi produktiviti dan daya tahan ekonomi dalam mendepani cabaran-cabaran tersebut, teras strategik keenam- sektor-sektor utama ekonomi akan dipermodenkan dan di rekayasa demi melonjakkan lagi pertumbuhan sektor.

Untuk mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi dan mampan, meningkatkan potensi produktiviti akan dijadikan pemacu perubahan. Bagi tujuan ini, pendekatan yang lebih bersepadu untuk meningkatkan produktiviti akan diperkenalkan kepada peringkat nasional, industri dan perusahaan. Pada peringkat nasional antara lain Pelan Induk Produktiviti Nasional akan digubal bagi menggariskan hala tuju dan rangka tindakan komprehensif dan spesifik untuk memacu produktiviti. Majlis Produktiviti Negara akan ditubuhkan untuk menerajui usaha meningkatkan produktiviti. Peningkatan produktiviti juga akan ditetapkan sebagai sasaran utama dalam semua inisiatif pembangunan di sektor awam dan swasta.

Pelaksanaan sistem upah berasaskan produktiviti juga akan dipertingkatkan untuk menggalakkan peningkatan kemahiran dalam kalangan pekerja serta menarik penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Juara produktiviti dalam kalangan persatuan atau peneraju industri akan dikenal pasti dan dilantik untuk memimpin inisiatif produktiviti di peringkat industri.

Selain itu penetapan sasaran produktiviti peringkat industri akan diselaraskan dengan sasaran nasional bagi memastikan pencapaian *outcome* yang ditetapkan. Antara strategi utama pada peringkat perusahaan pula adalah menggalakkan penetapan sasaran prestasi produktiviti, memperluas perkhidmatan bimbingan bagi firma, serta menyemai dan menggiatkan budaya produktiviti.

Dalam tempoh RMKe-11 kerajaan bercadang untuk mewujudkan sistem logistik bersepadu serta fasilitasi perniagaan dan perdagangan yang cekap. Kerajaan menyasarkan untuk meletakkan Malaysia sebagai pintu gerbang logistik ke Asia. Kerajaan juga menyasarkan Malaysia menduduki tangga ke-10 teratas dalam indeks prestasi logistik. Untuk itu Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan di bawah Kementerian Pengangkutan telah ditubuhkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, inovasi merupakan elemen penting dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing seterusnya menjamin pendapatan yang lebih tinggi. Justeru inovasi penjana kekayaan merupakan satu lagi pemacu perubahan bertujuan merangsang pertumbuhan ekonomi serta membudaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan masyarakat. Kerajaan akan menumpukan kepada usaha mempererat kerjasama di kalangan pihak berkepentingan terutamanya industri dan ahli akademik untuk menjalin perkongsian kepakaran sumber dan ahli baru dalam penghasilan proses dan produk baru yang lebih berinovatif. Serta mengoptimumkan penggunaan sumber dan mendapatkan pulangan yang tinggi ke atas pelaburan.

Di samping itu kerjasama penyelidikan antara kerajaan, industri dan ahli akademik akan terus diperkemas melalui platform pengantara sedia ada seperti *Steinbeis Foundation Malaysia*, SIRIM-Fraunhofer dan *Public Private Research Network* (PPRN) bagi meningkatkan pengkomersilan hasil penyelidikan. Selain itu akses pembiayaan penyelidikan akan dipertingkat melalui kerjasama berterusan dengan institusi kewangan swasta dan Syarikat Modal Teroka sebagai penyedia pembiayaan alternatif. Dengan ini perbelanjaan R&D kepada KDNK di sasar meningkat kepada 2 peratus pada tahun 2020 berbanding 1.13 peratus pada tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merupakan penyokong pertumbuhan ekonomi. Tumpuan akan diberi kepada usaha untuk menggalakkan PKS memanfaatkan penggunaan teknologi moden dan automasi serta mempermudah urusan penubuhan dan pemformalan perniagaan PKS. PKS yang mempunyai pertumbuhan tinggi akan terus diberikan sokongan daripada aspek kewangan, pembangunan sumber manusia dan akses pasaran untuk menjadi jaguh tempatan ataupun *homegrown champion* dan mengembangkan perniagaan mereka di peringkat antarabangsa ataupun global.

Selain itu kerajaan akan terus mempergiat usaha untuk menambah baik akses dan kualiti infrastruktur sokongan fizikal dan bukan fizikal bagi memangkin pertumbuhan PKS di Sabah dan Sarawak. Langkah ini membolehkan lebih banyak PKS dan usahawan tempatan mengeksport produk dan perkhidmatan mereka.

Kerajaan yakin pelaksanaan pelbagai insentif yang dirancang ini dapat membantu, melonjakkan sumbangan PKS kepada KDNK sebanyak 41 peratus pada tahun 2020 berbanding 32 peratus pada tahun 2010. Sumbangan PKS pada eksport juga di sasar meningkat kepada 25 peratus berbanding 15.7 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai sasaran pertumbuhan KDNK, aktiviti sektor perkhidmatan perlu terus dipertingkatkan. Ke arah ini, kerajaan akan mempergiat pertumbuhan dalam sub sektor yang berinsentif pengetahuan dan berpotensi menghasilkan nilai tambah tinggi seperti sub sektor ICT, kewangan Islam dan penjagaan kesihatan. Penekanan juga akan diberi untuk memantapkan tadbir urus sektor dan mengantarabangsakan penyedia perkhidmatan. Kebanyakan firma tempatan masih belum bersedia untuk bersaing di peringkat global. Justeru kerajaan akan memantapkan usaha untuk mengantarabangsakan firma tempatan dengan meningkatkan bilangan pengeksport dan tahap eksport penyedia tempatan. Bagi tujuan ini inisiatif bersepadu akan di laksana untuk mempergiat rundingan antara kerajaan dengan kerajaan bagi membuka pasaran baru, memperkemas urus niaga rentas sempadan dan mempertingkatkan eksport.

Pertumbuhan sub sektor berintensif pengetahuan yang berpotensi menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi akan terus dipacu untuk menjadi nadi pertumbuhan sektor perkhidmatan. Dalam hal ini aktiviti penyelidikan dan peningkatan kemahiran akan diperkemas untuk meningkatkan lagi tahap inovasi, produktiviti dan seterusnya daya eksport industri.

■1240

Menjelang tahun 2020, sumbangan subsektor berintensif pengetahuan kepada KDNK sektor perkhidmatan disasar meningkat kepada tahap 40 peratus. Kerajaan juga terus komited untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi terutamanya dalam subsektor terpilih. Bagi maksud ini, pendekatan pemberian insentif pelaburan yang lebih telus dan berdasarkan prestasi akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, sektor pembuatan disasar berkembang pada kadar 5.1 peratus setahun, dan menyumbang sebanyak 82.8 peratus kepada jumlah eksport. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan mentransformasikan sektor ini terutamanya dalam subsektor pemangkin supaya dapat menghasilkan produk yang kompleks dan bernilai tambah tinggi untuk dieksport. Usaha akan ditumpukan untuk meningkatkan produktiviti melalui automasi dan latihan yang dipacu industri, menambah baik ekosistem perniagaan, memperkukuh pemboleh pertumbuhan dan memperluas bantuan kewangan. Kerajaan juga akan mempergiat usaha untuk menggalakkan industri tempatan, memanfaatkan peluang perniagaan dan pelaburan yang wujud menerusi Komuniti Ekonomi ASEAN ataupun *ASEAN Economic Community* (AEC), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi kekal penting dalam menyokong pertumbuhan sektor lain. Sektor ini dijangka berkembang pada kadar 3.5 peratus setahun. Dalam hubungan ini, kerajaan akan melaksanakan program transformasi dan pemodenan sektor pertanian untuk menjamin bekalan makanan negara yang berterusan, meningkatkan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil, di samping memastikan kemampanan sektor pertanian. Bagi memastikan bekalan makanan negara yang berterusan, kerajaan akan melaksanakan program peningkatan pengeluaran makanan menerusi pendekatan berasaskan *cluster*, penggunaan teknologi, pertanian moden dan R&D&C ataupun *Research and Development and Consultation,* dengan izin. Daripada segi meningkatkan pendapatan petani pula, keupayaan koperasi dan pertubuhan pertanian akan diperkukuh bagi membolehkan petani dan pekebun kecil menceburi aktiviti penjanaan pendapatan yang baru di sepanjang rantaian bekalan.

Dalam masa yang sama, kerajaan akan menambah baik logistik pemasaran bagi membolehkan petani, nelayan dan pekebun kecil memperoleh harga ladang yang lebih baik. Manakala, kemapanan sektor pertanian akan terus dipergiat melalui amalan pengurusan ladang berasaskan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) dan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) bagi meningkatkan akses pasaran. Di samping itu, penghasilan benih dan baka yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim akan dipergiat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kebanyakan bandar utama dunia seperti New York, Tokyo dan London merupakan nadi aktiviti inovasi dan produktiviti.

Bandar-bandar ini menyediakan peluang pekerjaan, menarik bakat dan pelaburan serta merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara masing-masing. Justeru, melabur dalam bandar berdaya saing adalah satu lagi pemacu perubahan yang dikenal pasti untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi kita. Sebagai permulaan, kerajaan telah dan akan meningkatkan daya saing Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu sebagai pusat aglomerasi ekonomi serta penarik pelaburan dan bakat.

Bandar-bandar ini dipilih kerana sumbangan mereka kepada KDNK, kelebihan dari sudut Geografi, pengelompokan institusi pengajian tinggi, kemudahan infrastruktur dan faktor *inclusivity*. Bandar-bandar ini diharap akan menjadi bandar contoh bagi bandar lain di Malaysia dan Asia. Transformasi bandar ini akan diperluas ke bandar lain pada masa hadapan. Pelan induk daya saing akan disediakan untuk membangunkan bandar-bandar tersebut berdasarkan prinsip mewujudkan kepadatan, memperluas pembangunan berorientasikan transit, mengukuhkan c*luster* berasaskan pengetahuan, meningkatkan daya huni, menggalakkan pembangunan dan amalan hijau serta memastikan *inclusivity*.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa langkah transformasi kerajaan yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh telah membuahkan hasil yang membanggakan. Namun, menyedari keperluan dan *expectancy* rakyat yang semakin meningkat, kerajaan komited untuk terus mentransformasikan perkhidmatan awam sebagai penggerak utama serta pemudah cara pembangunan negara.

Ke arah ini, prinsip kerajaan berpaksikan rakyat ataupun *citizen-centric government* akan diperkukuh dengan tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan yang mudah diakses, cepat dan tepat bagi meningkatkan tahap keyakinan dan kepuasan hati rakyat. Beberapa strategi utama akan dilaksanakan bagi mencapai hasrat tersebut. Ini termasuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan, merasionalisasikan institusi sektor awam, memperkukuh urusan bakat, menambah baik pengurusan dan pelaksanaan projek serta mengoptimumkan peranan institusi kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk peruntukan pembangunan, kerajaan akan menyediakan siling peruntukan pembangunan sebanyak RM260 bilion bagi tempoh tahun 2016 hingga tahun 2020. Peruntukan ini 13 peratus lebih tinggi daripada peruntukan RM230 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh. Bagi memilih program dan projek pembangunan yang berkeutamaan, satu kaedah baru yang dinamakan indeks kreativiti telah diperkenalkan untuk mengukur manfaat projek berbanding kos pelaksanaan yang termasuk kos pembangunan dan kos operasi sepanjang tempoh projek. Ini akan memastikan keutamaan diberikan kepada program atau projek yang berimpak tinggi dengan kos yang rendah dan pelaksanaan yang pantas.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, Rancangan Malaysia Kesebelas ini merupakan rancangan strategik jangka sederhana negara yang terakhir sebelum kita mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju yang inklusif dan mampan. Sesuai dengan tema “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat”, banyak inisiatif Rancangan Malaysia Kesebelas ini tertumpu kepada peningkatan peluang pekerjaan dan perniagaan yang lebih baik, peningkatan pendapatan isi rumah dan peningkatan taraf kehidupan yang lebih selesa untuk rakyat. Kami sedar bahawa sasaran-sasaran yang telah ditetapkan ini adalah tinggi ataupun *stretch,* dengan izin. Namun saya percaya, berdasarkan pencapaian kita selama ini dan dengan usaha-usaha dan sokongan padu daripada semua rakyat Malaysia*, in shaa-Allah* kita akan berjaya.

Untuk saya secara peribadi sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Unit Perancang Ekonomi, ini merupakan kali pertama saya membentangkan sebuah Rancangan Malaysia sejak dilantik sebagai seorang Senator di Dewan yang mulia ini dan seterusnya mengangkat sumpah sebagai Menteri pada 5 Jun 2013. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk berkhidmat kepada negara dan memberi peluang kepada saya untuk membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas ini di Dewan Negara. Harapan saya agar Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapat membahaskan kandungan Rancangan Malaysia Kesebelas ini dan seterusnya sama-sama kita menjayakannya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Usul Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang terbuka untuk dibahas.

Nampaknya ada tiga orang Yang Berhormat yang telah menghantar nama. Maka, saya ingin menjemput Tan Sri Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya tidak menghantar nama dan saya tidak membahas hari ini. Saya membahas esok Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Nama Yang Berhormat tersenarai.

■1250

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

12.50 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah diterangkan Menteri tadi, Rancangan Malaysia Kesebelas ini merupakan kesinambungan daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh dan semua rancangan sebelumnya. Ia juga menyasarkan untuk mencapai Wawasan 2020 iaitu negara ini diharapkan menjadi sebuah negara yang maju. Dalam ucapannya tempoh hari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Malaysia selama ini telah memperoleh pelbagai kejayaan dan beliau menyenaraikan sepuluh pencapaian yang boleh dibanggakan. Katanya Malaysia berjaya mencapai kemajuan yang dikagumi. Saya memanglah mengucapkan tahniah ke atas segala pencapaian itu tetapi saya ingin juga menyatakan bahawa daripada pandangan saya, segala pencapaian itu, segala kemajuan yang dicapai belumlah begitu memuaskan. Belumlah boleh kita banggakan sangat.

Saya menyatakan sedemikian daripada dua segi. Pertamanya daripada segi perbandingan Malaysia dengan beberapa buah negara yang satu ketika dulu sebaya dengannya daripada sosial ekonomi iaitu Korea, Taiwan dan Singapura. Daripada segi pendapatan, kita dapati bahawa per kapita Malaysia agak cicir ke belakang berbanding dengan ketiga-tiga negara ini.

Semasa kita mendapat kemerdekaan dulu, boleh katakan kedudukan pendapatan per kapita Malaysia adalah sama ataupun kadang-kadang lebih tinggi daripada tiga buah negara yang disebutkan tadi. Akan tetapi sebaliknya sekarang ini, Malaysia mencatatkan pendapatan per kapita sebanyak RM24,500 manakala Singapura, Taiwan dan Korea Selatan masing-masing mencatatkan RM81,000 berbanding dengan RM24,500 tadi. Taiwan - RM43,600; dan Korea Selatan - RM35,485.

Korea sudah mencapai kemajuan dalam industri misalnya dalam bidang teknologi pengeluaran kereta dan telefon bimbit dan Singapura pula mencapai taraf kemajuan perkhidmatan yang tinggi. Kemajuan industri dan perkhidmatan inilah yang memberi mereka pendapatan lebih tinggi. Daripada segi pendidikan pula, kita dapati daripada kajian perbandingan antarabangsa, pencapaian sekolah-sekolah di ketiga-tiga buah negara ini khususnya dalam bidang sains dan matematik adalah cemerlang. Mereka di kedudukan teratas manakala Malaysia seperti sudah mulai disedari oleh Menteri Pendidikan, adalah di kedudukan hampir corot.

Kajian-kajian antarabangsa juga menunjukkan mutu universiti di Malaysia juga kelihatan merosot dibandingkan dengan pencapaian Singapura dan Korea. Singapura sudah mencapai taraf negara maju, Korea hampir-hampir sampai, Taiwan tidak jauh di belakang dan kita mengharapkan akan mencapainya pada tahun 2020.

Akan tetapi apa yang saya hendak jelaskan ialah bahawa perkembangan kita secara perbandingan dengan negara-negara lain tidaklah begitu baik seperti yang diharapkan.

Dalam negara pula, selepas 60 tahun UMNO-BN dan sebelum itu Perikatan memerintah, keadaan sosioekonomi orang Melayu dibandingkan dengan yang lain adalah terkebelakang. Daripada segi pendapatan kira-kira 26 peratus isi rumah Melayu bumiputera mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Sebagai perbandingan, nisbah kurang mereka ini 14 peratus bagi China dan 20 peratus bagi India tapi saya katakan tadi 26 peratus bagi Melayu.

Isi rumah Melayu bumiputera mempunyai pendapatan purata kira-kira RM4,500 sebulan iaitu yang paling rendah. Sebagai perbandingan, pendapatan purata rumah keluarga Cina ialah kira-kira RM6,400 berbanding dengan RM4,500 tadi dan India juga lebih tinggi daripada Melayu iaitu RM5,200. Dalam aspek-aspek lain pula, kita dapati bahawa prestasi pelajar Melayu di semua peringkat pendidikan tidaklah secemerlang pelajar Cina. Anak-anak muda yang paling ramai dan tinggi peratusnya terlibat dengan dadah Melayu malangnya. Dalam kalangan pekerja, hampir 82 peratus Melayu bumiputera merupakan mereka yang tidak mempunyai pendidikan formal. Tuan Yang di-Pertua, saya membuat perbandingan ini bukannya untuk memperlekehkan kemajuan yang dicapai tetapi untuk menegaskan betapa perlunya kerajaan dan semua rakyat bersama-sama untuk mengatasi keadaan, mengkaji masalah-masalah dan berusaha bersama-sama untuk mencapai matlamat RMKe-11 ini dan mencapai Wawasan 2020 dengan segera dan berkesan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan hasrat kerajaan hendak memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia tanpa mengira gender, etnik dan status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Akan tetapi, saya mengharapkan hasrat ini tidak akan tinggal sebagai impian kosong semata-mata. Begitu banyak ketempangan dan ketidakseimbangan yang wujud sekarang akibat daripada perbezaan etnik, sosioekonomi dan bahkan juga gender. Ketempangan dan ketidakseimbangan ini berakibat daripada faktor sistem dan struktur ekonomi politik dan ini memerlukan kekuatan keazaman politik serta pimpinan yang berkuasa untuk membuat perubahan struktur dan sistem ini.

Kita tahu bahawa daripada segi etnik, kebanyakan rasa tidak puas hati telah disuarakan misalannya oleh orang-orang Melayu yang mengatakan orang Cinalah paling kaya dan mereka paling susah dan orang Cinalah yang menguasai ekonomi. Dan sebaliknya di kalangan orang Cina pula, disuarakan rasa tidak puas hati mengenai peluang dalam perkhidmatan awam ataupun peluang untuk mendapat pendidikan tinggi bagi mereka yang mendapat kelulusan yang sangat baik dan juga peluang untuk mendapatkan *scholarship* walaupun keadaan ini sudah dibaiki sedikit.

Oleh sebab ada ketempangan ini, maka berertilah cabarannya sangat besar untuk memastikan keseimbangan dicapai, untuk memastikan lebih banyak lagi keseimbangan ekonomi dan lebih banyak lagi peluang-peluang yang diberikan oleh semua masyarakat pelbagai kaum dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Lebih serius daripada ketempangan dan ketidakseimbangan sosioekonomi ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari, maka saya kena tangguhkan Dewan ini hingga jam 2.30 petang, selepas itu Yang Berhormat boleh sambung balik lagi ya.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih, terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*. Kita sambung semula perbahasan kita. Yang terakhir tadi dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah lebih besar ialah ketempangan dan ketidaksamaan daripada segi kedudukan sosioekonomi atau disebut oleh setengah-setengah pihak sebagai kelas. Perbezaan kedudukan kelas timbul daripada perbezaan pemilikan sumber kekayaan, pencapaian pendidikan dan pendapatan, dan paling didiskriminasi atau terbiar ialah golongan petani, termasuk pekebun kecil dan nelayan di kawasan desa serta pedalaman, pekerja di ladang, kilang serta perniagaan dan juga kakitangan rendah kerajaan.

Majoriti petani dan pekebun kecil serta nelayan terdiri daripada Melayu di desa dan Orang Asal di pedalaman. Mengenai pekerja-pekerja pula, India majoritinya di estet dan terdapat berbagai-bagai bilangan etnik di kilang. Lebih banyak Cina dalam perniagaan, manakala majoriti pekerja rendah kerajaan termasuk tentera dan polis Melayu. Daripada segi sejarah, perbandingan dan fakta, golongan petani dan buruh merupakan lapisan kelas bawahan. Kebanyakan mereka ini dapat dianggap sebagai miskin dalam negara kita sekarang. Golongan ini terdiri daripada pelbagai etnik yang berpendapatan paling rendah ialah di kalangan orang asal di pedalaman, orang Melayu di desa, orang India di ladang dan sebilangan Melayu serta bukan Melayu yang menjadi pekerja di sektor awam dan swasta. Pada hakikatnya, mereka boleh dianggap miskin. Ini boleh kita lihat dengan mata kepala sendiri apabila kita melawat kediaman mereka serta meneliti keadaan penghidupan mereka.

Akan tetapi, kini dikatakan mengikut angka yang dikemukakan bahawa kemiskinan sudah hampir tidak wujud lagi di Malaysia. Kemiskinan di sini, di Malaysia ini dihukum secara *absolute* dengan garis kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM760 di Semenanjung, RM912 di Sarawak dan RM1,048 di Sabah. Berdasarkan garis ini, semua orang berpendapatan bawah daripada garisan itu dianggap miskin secara mutlak. Pada hemat saya, memandangkan kos hidup sekarang, garis kemiskinan ini sepatutnya dikaji semula. Garis ini paling tidak realistik terutama bagi Semenanjung. Apabila garis kemiskinan rendah tentulah bilangan mereka yang miskin menjadi kecil. Begitu juga sebaliknya, manakala garis kemiskinan tinggi maka mereka yang tergolong sebagai miskin di bawahnya adalah lebih ramai.

Jikalau kemiskinan diukur dengan kadar kemiskinan relatif, maka didapati garis kemiskinan lebih tinggi kerana ia merupakan separuh daripada pendapatan median. Misalannya pada tahun 2012, garis kemiskinan relatif ialah RM1,813 iaitu separuh daripada pendapatan median, sebanyak RM3,626. Implikasinya di sini ialah 20 peratus isi rumah berada di bawah garis kemiskinan ini iaitu kemiskinan relatif tadi. Padahal mengikut kiraan *absolute* yang diguna oleh kerajaan pada tahun yang sama iaitu tahun 2012, didapati cuma 1.7 peratus sahaja yang berada di bawah garis kemiskinan ini.

Kerajaan tidak harus malu atau takut jika bilangan rakyat yang miskin lebih besar daripada yang dibanggakan sekarang. Bukankah apabila diketahui bilangan serta kedudukan sebenar golongan miskin, maka akan lebih senang untuk melaksanakan rancangan dan projek menghapuskannya dan menaikkan taraf hidup golongan miskin yang susah? Bukankah kita tahu bahawa walaupun golongan miskin ini terdiri daripada pelbagai etnik, yang terbesar ialah orang Melayu dan bumiputera? Akhirnya, bukankah majoriti yang akan mendapat faedah dan terbela Melayu dan bumiputera juga?

Saya menyedari bahawa kerajaan akan menyasarkan golongan 40 peratus yang paling rendah pendapatannya yang digelar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai golongan B40. Beberapa projek dan rancangan dijanjikan untuk menaikkan taraf sosioekonomi golongan ini. Adalah diharapkan pendapatan purata bulanan golongan ini akan naik daripada RM2,537 pada tahun 2013 kepada RM5,701 pada tahun 2020. Ini peningkatan yang besar dan cepat iaitu lebih dari dua kali ganda dalam lima tahun. Akan tetapi, bagaimanakah ini akan dapat dicapai? Ia tidak diterangkan.

Buat sementara waktu, golongan inilah yang menjadi sasaran bagi memberi bantuan BR1M yang dituduh oleh seorang mantan Perdana Menteri sebagai sejenis rasuah politik pilihan raya. Betul atau tidak tuduhan tersebut, yang penting bagi saya ialah golongan ini yang saya percaya berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan hendaklah dibantu dan dibela dengan sepenuh hati. Ini memerlukan peranan kerajaan dan sektor awam yang lebih besar. Sudah pasti BR1M tidak boleh membantu pendapatan naik dua kali ganda dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kesebelas.

Lebih banyak peruntukan belanjawan hendaklah diberi kepada golongan B40 supaya mereka boleh diberi segala jenis kemudahan sosial. Misalnya rumah yang lebih murah dan khidmat kesihatan yang lebih mudah diperoleh. Lagi rendah pendapatan mereka, maka seharusnya lebih besar tumpuan peruntukan kepada mereka. Lebih banyak bantuan dan subsidi harus diberi kepada lapisan yang paling rendah pendapatannya ini. Tidak haruslah cukai yang regresif seperti GST yang memberatkan lagi bebanan ke atas golongan susah atau pun pendapatan rendah dikenakan ke atas mereka.

■1440

Mengikut Rancangan Malaysia Kesebelas, adalah diharapkan dengan menaikkan pendapatan golongan yang digelar B40 itu, maka jurang atau kesenjangan antara golongan kaya dan miskin akan dapat dikurangkan. Maka itu diharapkan dalam rancangan ini, pekali gini akan berkurang daripada 0.45 kepada lebih kurang 0.38. Saya percaya pekali gini yang disasarkan ini susah sedikit untuk dicapai melainkan pada masa yang sama waktu kita mengangkat pendapatan B40, kita harus juga mempunyai *mechanism* untuk menurunkan atau membataskan kenaikan melulu pendapatan golongan atasan yang kaya. Satu caranya ialah dengan menaikkan cukai pendapatan dan harta ke atas golongan ini.

Perlu ditegaskan bahawa pekali gini tidak menunjukkan kesenjangan atau jurang sosioekonomi yang sebenar sebab ia lebih memberi gambaran tentang jurang antara pendapatan pukul rata golongan atasan berbanding dengan pendapatan pukul rata golongan bawahan. Ia tidak menunjukkan pendapatan serta penguasaan ekonomi segolongan kecil yang paling kaya berbanding dengan penguasaan oleh golongan yang miskin sekali.

Mengikut seorang ahli ekonomi Perancis bernama Profesor Thomas Piketty dalam bukunya, *"Capital in 21st Century",* yang berdasarkan kajian berbentuk sejarah dan juga perbandingan semasa di beberapa buah negara, didapati jurang ekonomi di antara yang kaya dan miskin di merata dunia semakin melebar. Bahkan, sebilangan kecil yang terkaya menguasai lebih banyak kekayaan di seluruh negara. Sekarang ini didapati 1 peratus yang paling kaya di Amerika Syarikat menguasai kekayaan kira-kira 90 peratus daripada sumber pendapatan dan kekayaan di seluruh negara.

Di Malaysia pun kesenjangan ekonomi semakin melebar. Suatu dapatan baru menunjukkan 20 peratus orang Malaysia yang terkaya menguasai 90 peratus daripada kekayaan negara. Sekarang ini kita mengetahui siapa dia 50 atau 100 orang terkaya seperti yang disenaraikan oleh majalah *Forbes*. Setengah daripada mereka *billionaire*, bahkan ada yang *multibillionaire.* Kesenjangan pendapatan serta kekayaan antara mereka dengan golongan termiskin adalah paling besar. Secara kebetulan, majoriti daripada yang terkaya bukan Melayu, sebahagian besarnya Cina. Daripada 50 orang yang disenaraikan sebagai maha kaya, hanya enam orang Melayu dan mereka ini terdiri daripada keluarga atau kroni pemimpin dan bekas pemimpin kerajaan.

Proses pengumpulan modal serta harta oleh segelintir maha kaya tidak terbatas dan tidak boleh disekat. Ini ialah kerana falsafah dan dasar ekonomi politik yang diamalkan oleh Kerajaan Malaysia adalah berdasarkan pasaran bebas ataupun *Laissez-Faire*. Dengan lain perkataan, ia berkaitan dengan Sistem Kapitalis. Dalam Sistem Kapitalis ini, peranan sektor swasta adalah lebih penting daripada sektor awam.

Dalam RMKe-11, seperti rancangan yang lain sebelumnya bahkan dalam belanjawan pun nyata disebut, peranan swasta lebih besar daripada awam. Mengikut rancangan lima tahun ini, sasaran ekonomi mikro tahun 2016 hingga 2020 ialah purata pelaburan swasta pada harga semasa RM291 bilion, manakala pelaburan awam pula kurang separuh daripada itu iaitu RM131 bilion. Dijangka bahawa pertumbuhan purata swasta ialah 9.4 peratus manakala pertumbuhan purata bagi awam ialah hanya 2.7 peratus.

Sistem ekonomi yang berlandaskan ini di mana peranan swasta lebih dominan daripada peranan awam atau kerajaan sudah tentu akan mengakibatkan pengumpulan harta kekayaan oleh segelintir paling kaya. Jurang kaya miskin bertambah, kemiskinan relatif bertambah buruk dan bahkan boleh jadi juga kemiskinan mutlak akan berterusan.

Jikalau masalah ini tidak diatasi, maka perlulah digalakkan sistem ekonomi politik di mana peranan awam atau kerajaan lebih besar daripada peranan swasta. Ini memerlukan perubahan besar daripada segi falsafah dan dasar pembangunan sosioekonomi.

Ini memerlukan pimpinan yang kuat dan tidak mudah dipengaruhi oleh apatah lagi bergantung pada golongan segelintir yang paling kaya. Ia juga memerlukan keazaman politik atau *political will,* dengan izin, yang teguh.

Soal asasnya ialah kita mahu sistem dan dasar ekonomi, politik serta sosial yang mahu membela rakyat jelata ataupun yang membela dan memberi keuntungan besar tidak terbatas kepada golongan maha kaya.

Sekarang izinkan saya berpindah kepada perkara kedua. Pertama tadi ialah ekonomi, dan yang kedua ini mengenai pendidikan. Seperti kita ketahui, rasa kesal sering diucapkan mengenai mutu pendidikan negara yang semakin merosot. Bahkan, ada yang mengatakan bahawa keadaan pendidikan kebangsaan sekarang ini sudah menjadi cacamerba. Akhirnya, Menteri Pendidikan pun sudah menyedari hal ini dan menyatakan kekesalannya. Di peringkat antarabangsa, mutu pelajaran terutama Matematik dan Sains lebih baik di Singapura, Jepun, China dan Korea Selatan daripada di Malaysia. Bahkan dalam negara pun, pencapaian dalam mutu dua buah mata pelajaran ini iaitu *Maths* dan Sains tadi adalah lebih tinggi di sekolah jenis kebangsaan Cina daripada sekolah kebangsaan.

Ada pihak daripada pelbagai peringkat dan taraf dalam masyarakat, termasuk juga Sultan, khususnya mereka yang tidak mempunyai kebolehan bahasa Malaysia dan kuat dipengaruhi oleh budaya Inggeris mahukan pendidikan aliran Inggeris diperkenalkan semula. Kebanyakan mereka menyalahkan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar punca yang menyebabkan kemerosotan mutu pendidikan di sekolah kebangsaan. Perlu kita mengingatkan mereka bahawa negara-negara seperti China, Korea dan Jepun yang ke hadapan itu menggunakan bahasa mereka sendiri dan bukannya bahasa Inggeris. Namun, pencapaian mereka adalah cemerlang bahkan meninggalkan sesetengah negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar juga.

Bahasa Inggeris memang penting dan saya percaya ia perlu diajar di sekolah-sekolah. Akan tetapi, saya tidak percaya bahawa taraf kebolehan pelajar dalam bahasa ini boleh dicipta atau dicapai dengan mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Sekarang ini, walaupun sudah diumumkan cara ini sudah ditukar kembali kepada mengajar dalam Bahasa Kebangsaan, namun masih banyak lagi sekolah terutamanya yang di bandar-bandar besar yang terus menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains. Jika kita hendak pelajar cekap dalam bahasa Inggeris, maka bahasa itu hendaklah diajar sebagai mata pelajaran daripada peringkat rendah sehingga tinggi di sekolah kebangsaan. Kebolehan menulis dan membaca perlu digalakkan. Cara ini lebih baik daripada hanya mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Dalam RMKe-11, ditegaskan bahawa penekanan yang lebih kuat akan diberi kepada pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional, ringkasnya TVET. Ini disesuaikan dengan tujuan untuk memesatkan lagi kemajuan perindustrian dalam negara dan menambah bilangan pekerja mahir dan separuh mahir. Di Malaysia, peratus pekerja mahir adalah lebih rendah daripada yang dicapai oleh Singapura, Korea dan China termasuk Taiwan.

RMKe-11 mensasarkan untuk menaikkan peratus pekerja mahir daripada 27.6 peratus pada tahun 2010 kepada 35 peratus pada tahun 2020 dan untuk menaikkan peratus pekerja separuh mahir daripada 28 peratus kepada 56.4 peratus dalam tempoh yang sama.

■1450

Boleh dikatakan ini cita-cita yang tinggi kerana antara 2010 hingga 2015, pekerja-pekerja mahir meningkat daripada 27.6 peratus kepada hanya 28 peratus iaitu 0.4 peratus kenaikannya. Mungkinkah mencapai 35 peratus iaitu kenaikan lebih daripada 7 peratus pada tahun 2020? Sungguhpun pesimis saya harap matlamat sasaran ini akan tercapai juga.

Saya mengharapkan penekanan kepada pelajaran teknikal dan vokasional ini tidak akan mengakibatkan pendidikan akademik serta kerohanian terabai. Seharusnya hendaklah dipastikan perkembangan yang seimbang. Selanjutnya pendidikan khas iaitu untuk penuntut-penuntut kurang keupayaan hendaklah jangan terbiar.

Saya ambil satu contoh, iaitu kemudahan pendidikan untuk penuntut-penuntut yang menghadapi masalah disleksia.

Mereka ini sering didakwa oleh guru mereka sebagai lembam atau bodoh. Namun kita mengetahui mereka ini sebenarnya menghadapi masalah yang tertentu sehingga susah hendak membaca dan membuat kira-kira dengan cekap. Mereka bukannya lembam mereka bukan bodoh kerana kita tahu ramai tokoh-tokoh dunia dari dahulu sampai sekarang seperti Albert Einstein, Abraham Lincoln, Winston Churchill, Walt Disney dan Tom Cruise pernah mengalami disleksia.

Saya diberitahu dalam satu jawapan Menteri dalam Mesyuarat Senat bahawa bilangan pelajar disleksia ialah seramai kira-kira 60,000. Saya percaya bilangannya mungkin lebih besar kerana angka yang diberi barangkali berdasarkan bilangan rasmi pelajar disleksia yang berdaftar. Setahu saya tidak ada sekolah khas untuk pelajar disleksia di negara ini yang ada ialah satu atau beberapa buah kelas di sekolah-sekolah tertentu.

Guru-guru yang terlatih penuh untuk mengajar pelajar disleksia tidak mencukupi dan kebanyakan mereka kurang latihan formal. Kelengkapan untuk latihan dan mainan pelajar disleksia tidak memadai dan ada kalanya terkunci dalam almari sahaja tanpa diberi peluang kepada pelajar untuk menggunakannya. Sering pelajar disleksia yang merupakan minoriti diletakkan bersama pelajar lain dalam kelas biasa di bawah guru sama yang kadang-kadang tidak faham sama sekali tentang keperluan khas pelajar disleksia itu. Saya anggap perlu ada perubahan besar di dalam bidang pendidikan untuk menangani dengan baik serta memuaskan pelajar disleksia dan juga pelajar keperluan khas yang lain.

Berbalik kepada universiti pula, sudah berulang kali dilaporkan dalam beberapa kajian perbandingan universiti di peringkat antarabangsa bahawa kedudukan universiti tempatan semakin merosot. Sudah agak sering juga ditegaskan bahawa salah satu cara untuk memastikan kenaikan mutu pendidikan universiti ialah dengan mengembalikan autonomi universiti. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah mulai bercakap tentang autonomi ini. Kita mesti memahami dengan benar maksud konsep ini.

Antara lainnya ialah beberapa perkara seperti berikut, bersesuaian dengan keperluan autonomi hendaklah dibentukkan sebuah *charter* universiti bagi semua universiti dalam negara. *Charter* ini hendaklah menjamin autonomi dalam bidang dan perkara di bawah berkaitan dengan universiti, iaitu:

(i) penubuhan sebuah suruhanjaya universiti yang di bawahnya tertakluk semua hal berhubung dengan universiti terutama mengenai soal akademik, pentadbiran dan kewangan;

(ii) wujudkan kebebasan akademik dengan erti kata bahawa semua hal akademik dari soal penentuan tahun semester belajar dan penentuan silibus serta kurikulum dibuat oleh universiti melalui fakulti dan senatnya tanpa campur tangan langsung dari kementerian;

(iii) perlantikan Naib Canselor atau Rektor oleh Yang diPertuan Agong hendaklah dilakukan selepas sebuah *search committee*, dengan izin, yang dipilih oleh Majlis Universiti mencari, mengenal pasti dan memperakukan calon yang terbaik dan bukannya di atas ketentuan oleh kementerian semata:

(iv) dekan haruslah dipilih secara demokratik oleh semua anggota fakulti dan ketua jabatan dilantik oleh Naib Canselor dengan persetujuan anggota jabatan daripada kalangan anggota jabatan dan yang terkanan, rajin, berkelayakan, bertanggungjawab dan dihormati; ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Dalam 5-6 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba, cepat sedikit.

Dr. Syed Husin Ali: Baiklah...

(v) mahasiswa digalakkan supaya memberi mempunyai fikiran yang bebas, kritikal dan kreatif dengan memansuhkan segala peraturan dan akta yang menekan serta mengongkong minda mereka; dan

(vi) kerajaan haruslah menyalurkan kewangan yang diperlukan oleh universiti melalui suruhanjaya universiti dengan tiap-tiap universiti bebas untuk memungut derma atau menerima sumbangan daripada pihak awam dan menguruskan soal kewangan untuk pentadbiran, pengajaran, penyelidikan dan juga penerbitan atas kebijaksanaan mereka sendiri.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya untuk membahas sedikit perkara yang berkaitan dengan alam sekitar. Masalah pencemaran alam sekarang ini paling serius dan maka itu menggalakkan pertumbuhan hijau menjadi tambah penting. Perubahan cuaca global sekarang ini mengakibatkan banyak kesan buruk. Cuaca berubah menjadi semakin panas, hujan turun tidak tentu arah tanpa mengikut musim dan selalu membawa bersamanya banjir kilat yang besar serta merosakkan. Sehingga ada nyawa yang melayang dan harta musnah. Banyak aktiviti manusia yang menyebabkan perubahan cuaca global ini.

Antaranya menebang hutan secara tidak terkawal untuk pembalakan, membuka tanah serta menarah gunung dan bukit untuk melaksanakan rancangan ataupun projek pembangunan bagi memajukan perumahan, membuka ladang dan membuka empangan, membiarkan lebih banyak kenderaan bermotor serta kilang yang tidak terkawal sehingga mengeluarkan asap kotor yang banyak. Nampak seolah-olah tidak ada undang-undang yang mengawal kesemua ini dan kalau adapun undang-undangnya tidak kelihatan sangat pelaksanaan penguatkuasaan yang berkesan untuk mengawal segala kemusnahan yang berlaku.

Sehubungan ini saya ingin menumpukan perhatian kepada aktiviti pembangunan yang menimbulkan masalah alam sekitar yang buruk terutama di dalam masyarakat Orang Asal. Perbahasan saya ini di sini berdasarkan kepada maklumat yang diberi oleh Presiden Jaringan Orang Asal (JOAS) dalam sebuah taklimat yang diadakan baru-baru ini di Parlimen. Beliau telah membincangkan tiga buah projek pembukaan empangan iaitu di Telom di Semenanjung, Kaiduan di Sabah dan Baram di Sarawak.

Kaiduan ialah untuk menampung air untuk dibekalkan ke Kota Kinabalu dan Telom serta Baram adalah untuk menjana kuasa elektrik. Beberapa isu timbul daripada ketiga-tiga projek ini. Di antaranya ialah seperti berikut:

(i) projek ini adalah di kawasan tanah Orang Asal dan hendak dilaksanakan tanpa perundingan atau persetujuan dengan masyarakat di situ dan juga tanpa kerajaan memberikan penjelasan yang memuaskan tentang tujuan projek kepada masyarakat;

(ii) projek-projek ini akan mengakibatkan ramai Orang Asal yang terpaksa berpindah dari rumah panjang atau perkampungan mereka perlu ditinggal atau dimusnahkan. Misalnya di projek Baram, 20,000 orang penduduk dan 25 buah rumah panjang akan terjejas;

(iii) apabila siap ketiga-tiga kawasan ini akan ditenggelami air yang besar sekali Baram iaitu seluas 150 persegi batu dan luas kawasan hutan yang banyak tumbuh-tumbuhan serta mungkin juga banyak binatang yang mati dan pupus;

(iv) ada amaran yang telah dibuat bahawa mungkin boleh berlaku gempa bumi akibat tekanan air yang banyak serta berat di kawasan yang agak sensitif terutama di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan nyatalah projek-projek yang saya terangkan di atas tadi mempunyai akibat buruk bukan sahaja ke atas manusia bahkan ke atas alam sekitar. Sudah tentu sesetengah pihak yang terlibat dengan pembangunan projek-projek ini akan untung besar akan tetapi kebajikan manusia dan juga perlindungan alam sekitar akan terjejas serta menanggung kerugian.

■1500

Oleh itu, sebelum satu-satu projek diluluskan untuk dilaksanakan hendaklah dipastikan ia benar-benar diperlukan, kajian impak alam sekitar mesti dijalankan secara teliti dan menyeluruh, dan langkah-langkah diambil untuk melindungi terutama kepentingan dan kebajikan masyarakat atau manusia yang terjejas dengan memberikan tanah, rumah serta pekerjaan ganti dan pampasan yang memuaskan.

Akhir sekali sebagai kesimpulan umum bolehlah dikatakan bahawa walaupun RMKe-11 ini boleh dikatakan agak tersusun dan menyeluruh tetapi terdapat juga beberapa kekurangan, ketempangan serta tidak keseimbangan yang harus dibaiki. Belanja sebanyak RM260 bilion diperlukan tetapi dari mana sumbernya tidak disebutkan. Lagi pula untuk mencapai matlamat pembangunan yang benar-benar memberi serta mempertahankan kebajikan rakyat terbanyak terutama di lapisan bawahan yang paling susah perlulah pertukaran sistem dan dasar yang bermakna, di mana kerajaan serta sektor awam memainkan peranan lebih besar daripada sektor swasta. Ekonomi pasaran bebas yang terlalu menjamin keuntungan besar kepada golongan kecil yang menguasai modal tidak harus dibenarkan bermaharajalela atas nasib rakyat jelata yang miskin dan susah. Kita mestilah mengutamakan manusia daripada keuntungan. *Man before profit,* dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman semua Yang Berhormat khususnya kepada mereka yang baru sahaja dilantik sebagai Ahli Dewan Negara ambil perhatian bagaimana dan kalau boleh menyertai perbahasan ini kerana penting dan juga sila bagi nama terlebih dahulu *so* senang saya hendak menentukan berapa orang dan sebagainya untuk menentukan waktu. Tanpa buang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

3.02 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama berbahas berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020.

Seperti mana yang dibentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas ini merupakan fasa yang cukup penting dan mustahak untuk kita sama-sama berdoa agar segala hasrat dan cita-cita kita yang telah kita letakkan terutamanya untuk mencapai Wawasan 2020 menjelang tahun 2020 dapat benar-benar kita realisasikan. Sudah tentulah dalam kita hendak mencapai Wawasan 2020 ini kita sedikit-sebanyak perlu kita melihat kembali matlamat-matlamat ataupun garis besar haluan untuk mencapai Wawasan 2020 yang digariskan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mana menggariskan sembilan matlamat utama Wawasan 2020 yang saya kira tidak ada masa untuk saya menghuraikan satu persatu.

Akan tetapi secara kesimpulannya, Wawasan 2020 merupakan sebuah mercu tanda penting untuk kita menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju berpendapatan tinggi tetapi mengikut acuan kita sendiri. Dalam konteks inilah RMKe-11 menggagas enam strategi penting yang antara lainnya meletakkan aspek *inclusivity*, kesejahteraan rakyat, modal insan, pertumbuhan hijau dan mapan, soal pembangunan infrastruktur, inovasi dan produktiviti sebagai antara perkara yang akan memastikan kita mencapai Wawasan 2020 ini.

Saya ingin memulakan perbahasan saya ini dengan mengungkapkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua sepotong ayat Al-Quran daripada Surah Al-Haj ayat yang ketujuh, Allah SWT berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antara maksudnya, agar harta kekayaan itu tidak harus berlegar seputar ataupun di sekitar orang-orang yang kaya di kalangan kamu. Untuk pengetahuan, ayat ini diturunkan oleh Allah SWT tatkala Nabi Muhammad SAW ketika Baginda berhijrah daripada Mekah ke Madinah membentuk sebuah negara bangsa yang bertunjangkan syariat Allah. Membahagikan ataupun mengagih-agihkan harta kekayaan, rampasan perang atau *alfail,* di antara puak Ansar iaitu golongan yang berada ataupun menempati bumi Madinah dengan golongan Muhajirin yang berhijrah daripada Mekah.

Apa yang berlaku ialah pengagihan itu bukanlah berasaskan kepada sama rasa sama rata kerana keadilan dalam prinsip tamadun manusia tidak pernah mengiktiraf bahawa keadilan ini bermakna semuanya harus sama rata sama rasa. Bahkan prinsip keadilan sebenarnya meletakkan sesuatu di tempatnya.

Dalam konteks ini kenapa saya mengungkapkan sedemikian, kita harus melihat kembali dalam konteks Rancangan Malaysia Kesebelas ini, dalam perkiraan-perkiraan penting khususnya berkenaan dengan agenda memartabatkan bangsa Malaysia yang saksama, adil yang mana berteraskan tunjang-tunjang ataupun tiang-tiang seri yang telah dipasakkan dalam perlembagaan.

Antara perkara yang penting untuk kita fahami dengan jelas ialah kedudukan ekonomi bumiputera. Ini yang mana saya kira minggu lepas kalau boleh saya kongsikan antara dapatan ataupun hasil kajian penyelidikan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Berhad (MTEM) yang dijalankan oleh beberapa tenaga akademik universiti tempatan telah menunjukkan indikator-indikator yang sebenarnya cukup meresahkan kita terutamanya dalam konteks kita hendak mewujudkan bangsa Malaysia yang kuat tanpa ada prejudis, yang hakikatnya untuk kita mewujudkan negara yang harmoni di antara pelbagai kaum. Kenapakah saya sebutkan sedemikian?

Tadi pun sahabat saya Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyebutkan jurang ekonomi yang semakin melebar di antara yang kaya, 20 peratus orang yang kaya menguasai 9 peratus ekonomi negara. Akan tetapi satu perkara yang perlu kita perhatikan juga dalam konteks kekayaan ini juga golongan bumiputera yang dipertahankan daripada segi perlembagaan, Perkara 153, yang mana meletakkan asas penting bahawa tanggungjawab negara, kerajaan menjaga kedudukan keistimewaan orang Melayu dan penduduk asal Malaysia iaitu golongan ataupun dirujuk sebagai bumiputera ini harus dilindunginya dalam pelbagai aspek.

Beberapa perkara yang saya boleh kongsi di sini kalau kita lihat dalam konteks pengangguran umpamanya 70 peratus penganggur adalah di kalangan bumiputera, 82 peratus bumiputera tidak mendapat pendidikan formal. Bumiputera hanya tertumpu kepada bidang-bidang yang dianggap sebagai bidang-bidang menyusup seperti pertanian, perikanan dan sebagainya. Sebanyak 64.7 peratus buruh bumiputera merupakan mereka yang separuh mahir, tidak mahir 94 peratus.

Purata pendapatan pula, bumiputera merupakan yang terendah berbanding dengan kaum-kaum lain iaitu sebanyak RM4,457 berbanding kaum Cina - RM6,366; India - RM5,233. Sebanyak 90.7 peratus perniagaan mikro adalah di kalangan orang bumiputera, 8.2 peratus sahaja yang bersaiz gergasi dan banyak lagi statistik yang saya kira telah pun dilaporkan dalam media massa tempatan.

Apa yang saya tunjukkan di sini ialah kebimbangan saya, apa yang berlaku sebelum tragedi 13 Mei 1969 apabila jurang ekonomi di antara pelbagai kaum ini begitu melebar. Apabila kita memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru sebagai dasar *affirmative,* merupakan dasar yang bertujuan untuk mengurangkan jurang lebarnya K-ekonomi yang berada di kalangan pelbagai kaum. Ini kerana secara natural ataupun secara tabiinya mana-mana negara yang mana kaum majoriti dalam konteks Malaysia 68.9 peratus golongan bumiputera, Melayu, KadazanDusun, golongan Dayak di Sabah, Sarawak dan sebagainya. Kalau mereka ini tidak diberikan keutamaan dalam konteks pengagihan ekonomi...

Tuan Chong Sin Woon: Minta laluan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sekejap lagi. Saya hendak habiskan yang ini lepas itu saya bagi kebenaran. Apa yang berlaku ialah nilai prejudis itu akan sentiasa berada dalam diri masing-masing yang akhirnya meletusnya peristiwa 13 Mei 1969. Isu contohnya dalam konteks tanah rizab Melayu.

■1510

Kita tahu bahawa tanah rizab Melayu ini isu yang paling utama, bahkan kewujudan tanah rizab Melayu sudah pun diwartakan menerusi Enakmen Rizab Melayu 1913. Akan tetapi selepas 100 tahun ia diwartakan, kalau kita mengambil tahun 2014 sebagai tahun untuk melambangkan 100 tahun, apa yang dihasratkan supaya tanah rizab Melayu ini untuk mencapai sasaran 50 peratus sebagaimana wasiat Raja-Raja Melayu tatkala membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957, yang menetapkan nisbah 50 peratus tanah di negara ini harus dan wajib diperuntukkan sebagai tanah rizab Melayu.

Akan tetapi, apa yang berlaku hari ini, hanya 12 peratus sahaja. Menyusut dengan begitu teruk sekali, kenapakah? Ini kerana banyak tanah yang strategik diambil tetapi tidak diganti. Tidak kiralah di peringkat Persekutuan, mahupun peringkat negeri.

Ini perkara-perkara yang kita perlu bertanya kepada pihak kerajaan, terutamanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, apa usaha bagi memastikan wasiat Raja-Raja Melayu ini benar-benar dapat direalisasikan dan kita perlu mempertahankan tanah rizab yang menjadi milik bumiputera Melayu khususnya, di tanah yang bertuah ini? Kerana apa-kerana ini adalah mana-mana negara, rakyatnya kalau tanah dimiliki, usah berbicara soal kedaulatan sesuatu bangsa itu. Saya kira ini perkara yang ingin kita dapatkan kepastian daripada pihak kerajaan berkenaan dengan komitmen dan iltizam untuk memastikan kita mencapai sasaran tersebut.

Begitu juga dalam konteks ekonomi bumiputera tadi, agenda bumiputera. Walaupun ada suara-suara sumbang di luar sana yang mengatakan agenda bumiputera ini tidak relevan untuk kita ungkapkan dan kita huraikan dalam konteks Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya kira kalau masih ada suara-suara sebegini, ia seolah-olah menafikan realiti hidup dalam dunia demokrasi, yang mana kita harus memastikan pengagihan ekonomi itu berteraskan kepada peratusan masyarakat yang ada, kenapakah? Ini dapat menjamin keharmonian dan kestabilan berterusan dalam sesebuah negara.

Dalam buku yang ditulis oleh seorang profesor daripada Amerika Syarikat, Profesor Amy Chua*, "World on Fire"* telah memberikan suatu penelitian dan perincian bagaimana negara-negara apabila kaum minoriti menguasai majoriti kek ekonomi sesebuah negara, semua negara ini tidak stabil. Bahkan perasaan prejudis dan pra sangka itu akan sentiasa wujud dan ada, bahkan berkembang dalam masyarakat tersebut. Jadi ini satu faktor kenapa saya katakan tadi, kalaupun kita berbicara soal hendak memajukan negara, mengintegrasikan negara, keharmonian dan kedaulatan negara, kita tidak boleh lari daripada asas-asas yang telah pun menjadi teras dalam Perlembagaan Persekutuan yang kita sama-sama dukung.

Saya bagi peluang untuk...

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Dato' Dr. berbicara dengan isu-isu yang lain, yang satu isu yang saya ingin dapatkan penjelasan daripada Dr. Seperti mana angka-angka yang disebutkan tadi, soalan saya pada pandangan Yang Berhormat Dato', apa sebab utama selepas kita mencapai kemerdekaan selama lebih kurang 60 tahun, masih lagi angka-angka tersebut menunjukkan bahawa orang-orang Melayu dan bumiputera tertinggal, termasuk dengan tanah rizab Melayu yang kurang begitu besar? Buku rujukan, "*World on Fire"*, saya tambah lagi satu lagi buku rujukan iaitu "*God Father"*. Kalau dibicara tentang keadaan di Asia Tenggara, penguasaan ekonomi oleh orang-orang minoriti itu antara sebabnya kerana kuasa politik tempatan yang berkongsi atau bersekongkol dengan minoriti itu yang menjadikan isu ini berlaku. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, ini pandangan ataupun persoalan yang saya kira wajar kita serahkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk menjawab waktu pergulungan nanti kerana ini perkara yang cukup penting. Kalau kita melihat dalam konteks dasar-dasar yang dibawa oleh kerajaan, Dasar Ekonomi Baru, kita tidak mengatakan Dasar Ekonomi Baru itu adalah dasar yang hanya memberikan keutamaan kepada bumiputera semata-mata. Akan tetapi dalam satu aspek, dasar itu berjaya mengurangkan kadar kemiskinan semua kaum termasuk bumiputera. Akan tetapi apabila kita sasarkan 30 peratus ekuiti, sampai hari ini pun tidak dapat. Itu perlu kita dapatkan jawapan tuntas daripada pihak Kementerian Kewangan umpamanya, dan juga pihak Jabatan Perdana Menteri kerana kita ada Majlis Tindakan Ekonomi Bumiputera yang hari ini berbincang hampir setiap bulan, yang mungkin kita hendak boleh minta untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini, kenapakah punca-punca perkara ini berlaku sedemikian?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat Tan Sri, kalau boleh saya sambung sekejap, nanti saya serah kepada Yang Berhormat Tan Sri. Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan dalam konteks isu ataupun strategi Rancangan Malaysia Kesebelas ini, dalam aspek inklusiviti ataupun membangunkan negara secara insklusif.

Saya ingin juga bertanya kepada pihak kementerian terutamanya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), sejauh manakah keberkesanan program-program dan bantuan-bantuan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat secara keseluruhannya terutama di luar bandar? Kalau kita lihat statistik yang ada, kadar kemiskinan kita walaupun secara umumnya kita patut berbangga pada tahap yang amat rendah, 0.6 peratus. Akan tetapi kalau kita melihat bantuan-bantuan ataupun peruntukan kerajaan terhadap aktiviti atau program-program untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan miskin, seolah-olah kita boleh menganggap bahawa tidak harus wujud orang miskin di negara.

Kenapakah saya sebutkan sedemikian? Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini terutamanya, antara kementerian yang menerima peruntukan yang paling besar setiap tahun. Kalau boleh saya bacakan secara umumnya, tahun 2012 - RM12.2 bilion, tahun 2013 - RM9.96 bilion, tahun 2014 - RM9.8 bilion, tahun 2015 - RM10.5 bilion. Program-program, kalau kita kaji program-program yang diatur oleh kementerian, saya rasa kita patut mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian.

Ini kerana banyak program yang begitu inovatif untuk mengeluarkan rakyat yang kalau dianggap sebagai rakyat yang berpendapatan rendah dan miskin ini, daripada kepompong kemiskinan. Contohnya Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, Program Pembangunan Masyarakat Setempat, Program Kecemerlangan Pendidikan, Program Pembangunan Minda Insan, Program Makanan Tambahan Seimbang, Program ASB Sejahtera, Program Agropolitan, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, bahkan program-program baru di bawah NKRA. Ada *Rural Basic Infrastructure,* dengan izin, iaitu program bekalan air dan elektrik luar bandar, program bantuan rumah dan projek jalan luar bandar. Ada satu lagi program di bawah NKRA juga, *21st Century Village*, EPP, ladang sayur dan buah-buahan berskala besar.

Semua ini kalau kita lihat projek untuk meningkatkan taraf golongan berpendapatan rendah di luar bandar, bukan sekadar untuk kita memberi ikan tetapi menggunakan falsafah Cina, memberi kail supaya mereka ini dapat hidup dengan lebih sempurna, dapat keluar daripada kepompong kemiskinan. Cuma persoalannya, saya ingin tujukan kepada kementerian, apakah sebenarnya yang berlaku? Kenapakah masih ada lagi golongan miskin ini di luar-luar bandar? Kenapakah seolah-olah penyampaiannya tidak sampai ke bawah? Seolah-olahnya. Apakah kementerian ada kajian impak terhadap segala peruntukan yang telah dilaksanakan?

Kita perlu ada kajian impak Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tidak hendak wang-wang rakyat yang kita peruntukan berbilion-bilion dan antara kementerian yang mendapat sumber kewangan yang begitu besar, tetapi impaknya tidak nampak dan tidak dapat dirasai. Ini harus dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Begitu juga dengan perkara-perkara yang sering dibangkitkan. Soal, apakah Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung itu benar-benar berfungsi sebagai jaringan kerajaan? Ini untuk memastikan mereka yang berada di bawah ini tidak terlepas daripada mendapatkan kebajikan dan juga peruntukan yang diperuntukkan oleh kerajaan ini.

Begitu juga soal *mindset* umpamanya. Apakah *mindset* rakyat di luar sana tidak mahu berubah? Atau akhirnya mereka seronok untuk menerima pelbagai bantuan daripada kerajaan dan sebagainya. Ini perkara-perkara yang minta untuk kerajaan, khususnya pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kalau dapat berkongsi kepada kita di Dewan yang mulia ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks modal insan yang dibicarakan sebagai teras ataupun strategi Rancangan Malaysia Kesebelas. Kita dapat lihat bahawa pelbagai program-program yang diatur, pelan-pelan, contohnya Pelan Pendidikan Pelajaran Kebangsaan yang di peringkat tinggi dan juga di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

■1520

Pelan-pelannya cukup indah dan cukup cantik. Cuma kita bimbang, daripada dulu sampai sekarang, kita sentiasa mempunyai dasar, pelan yang begitu mengagumkan kita. Bahkan saya berani mengatakan bahawa kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain pun daripada segi dasar, dari pelan, kita lebih hebat. Cuma yang selalu dibangkitkan ialah pelaksanaan.

Contoh yang paling mudah kalau kita bercakap soal modal insan dalam konteks pendidikan umpamanya. Isu berkenaan dengan PBS. Saya nak spesifik dalam isu PBS ini kerana apabila saya minta rakan-rakan *Facebook* saya lah, dalam dunia media sosial ini, bila saya kata saya nak berbicara dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kesebelas, aspek pendidikan. Begitu ramai guru-guru yang SMS saya, *WhatsApp* saya, bahkan *private message* saya, dengan izin, dan *comment* di dalam *Facebook* berkenaan dengan program Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Idea PBS ini cukup cantik. Bahkan dasar dan pelan yang digariskan oleh kementerian ini kalau kita perhatikan dan perhalusi, memang cukup indah sekali daripada segi objektifnya kerana dia satu aspek, satu bentuk penaksiran nak mengeluarkan budaya pendidikan kita yang terlalu *exam oriented,* dengan izin, ataupun orientasi peperiksaan yang terlalu berfokuskan kepada peperiksaan kepada satu bentuk penilaian yang bersifat holistik berteraskan Falsafah Pendidikan Negara itu sendiri yang di mana Falsafah Pendidikan Negara hendak membangunkan anak bangsa kita yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Jadi cara penaksiran pun bukan hanya dengan cara berteraskan peperiksaan semata-mata. Akan tetapi apabila kita melaksanakan program ataupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini, terlalu banyak isu-isu di bawah sana terutama *complaint* daripada pihak guru kerana pelaksanaannya tidak seperti mana yang dihasratkan.

Kalau kita lihat negara-negara maju yang melaksanakan PBS ini, mereka berjaya kerana nisbah guru dengan murid, terutamanya seperti Finland umpamanya, negara yang banyak kita jadikan sebagai contoh dalam kita hendak melaksanakan program PBS ini. Nisbah guru dengan murid ialah 1:13. Amerika Syarikat yang menggunakan penaksiran yang sama juga PBS ini, 1:18. Indonesia, lebih kurang macam Malaysia juga. Malaysia, nisbah kita berbanding dengan negara-negara maju tadi, kita satu guru dengan 35 murid-1:35. Indonesia peringkat awal apabila mereka hendak memperkenalkan PBS ini mereka punya nisbah adalah 1 guru : 30 orang murid. Akan tetapi akhirnya mereka juga terpaksa menghentikan kerana secara realiti dan praktisnya, kalau hendak mengimplementasikan atau melaksanakan PBS ini, nisbah guru dengan murid itu yang cantiknya seperti mana negara maju US dan Finland tadi, 1:15.

Akan tetapi kalau 1:30, 1:35 seperti di Malaysia, ia amat mustahil untuk kita menaksir sendiri setiap anak murid. Seorang guru, tanpa menyebut nama, dia *comment* dalam *Facebook* saya, dia kata bukan sahaja 1:35. Dia terpaksa 1 guru : 400 orang ataupun 428 orang secara lebih spesifik, kenapa? Ini kerana seorang guru bukan mengajar sebuah kelas sahaja, seorang guru mengajar beberapa buah kelas dan beberapa subjek. Jadi dia terbeban dengan kerja-kerja perkeranian, bukan kerja-kerja asasi dan hakiki sebagai seorang guru.

Mana mungkin kita hendak melahirkan sebuah generasi yang kita katakan tadi holistik, tetapi guru-guru terbeban dengan perkara-perkara lain dan akhirnya tanggungjawab sebagai guru, sebagai *murabbi* dalam istilah Al-Quran, dia memberikan satu konotasi pendidik ini bukan sahaja tugas dia menyumbat ilmu, tetapi pendidik ini tugasnya menanam adab, *muaddib*. Pendidik ini menanam kefahaman yang tuntas berkenaan dengan ilmu itu. Menanam akhlak supaya anak murid itu boleh menjadi anak murid yang benar-benar menekuni ilmu dengan segala aspek dan komponen-komponen ilmu termasuk adab, akhlak dan sebagainya.

Akan tetapi kalau guru-guru itu dibebani dengan perkara-perkara di luar tanggungjawab dan tugas hakiki mereka, terpaksa bersengkang mata sampai 3-4 pagi. Itu tidak termasuk lagi komentar-komentar yang saya terima, yang *system down* tengah-tengah malam, jadi terpaksa tunggu. Si suami tak dapat dibelai, dan hak suami terpaksa diabaikan kerana malam mereka terpaksa bersengkang mata untuk menunaikan tanggungjawab untuk mengisi data-data dalam komputer dan sebagainya. Ini perkara yang realiti.

Sebab itu saya katakan tadi, dasar kita cantik, tetapi *when it comes to implementation,* apabila kita hendak melaksanakan dasar itu. Saya hendak tanya kepada Kementerian, kita melakukan kajian secara tuntas? Apabila saya berkata kajian secara tuntas, adakah kita melakukan *pilot study* umpamanya, kajian secara pilot? Buat dahulu, apa permasalahan yang timbul kalau kita hendak implementasi secara keseluruhan, di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak? Infrastrukturnya bagaimana? Prasarananya bagaimana? Sebab itulah dasar mungkin indah, tetapi pelaksanaannya. Sebab itulah ini antara aspek yang penting.

Saya juga hendak tanya kepada kementerian, dalam konteks pelan ini. Mana-mana pelan pendidikan dan mana-mana dasar yang kita hendak laksanakan, aspek yang paling penting juga ialah sistem. Sistem ini lah yang akan menentukan sama ada pelan ataupun dasar itu dapat dilaksanakan dengan berkesan. Apabila kita bercakap soal sistem, dia bukan hanya bercakap soal komponen sistem itu seperti guru dan pendidik, ataupun guru dengan pelajar. Daripada segi urus tadbirnya, daripada segi pengurusan sekolah, daripada segi pengurusan universiti, kalau kita bercakap soal Pelan Pendidikan Tinggi Kebangsaan. Dan sistem inilah yang harus kita rangka kan bagi memastikan pelaksanaan sesuatu dasar, dan pelan itu dapat dilaksanakan dengan baik.

Persoalannya, sistem apa yang kita guna? Saya hendak tanya kepada kementerian. Kita ada pelan, dan saya membaca pelan itu dengan teliti sekali dan sekali lagi saya hendak mengucapkan syabas kepada kerajaan. Saya rasa negara-negara di Asia Tenggara ini, kita lah satu-satunya negara yang ada pelan yang begitu komprehensif dan holistik. Akan tetapi, *again*- sekali lagi ialah isu pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara berkenaan dengan modal insan juga. Saya hendak berbicara sedikit berkenaan soal Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) iaitu satu skim kepegawaian *premier* dalam perkhidmatan awam. Maknanya kita ini daripada dahulu, kalau sebut PTD ini tidak adalah orang yang paling hebat dalam struktur kerajaan. Bahkan saya selalu sebut dalam mana-mana forum saya kata, kerajaan ini sebenarnya diperintah oleh PTD, bukan ahli politik. Kalau ahli politik itu kalah pilihan raya, PTD itu akan kekal selama-lamanya.

Akan tetapi, persoalan yang ingin saya bangkitkan dalam kita hendak menongkah arus suasana zaman yang berubah hari ini. Saya hendak tanya kepada pihak JPA, *sorry* Jabatan Perdana Menteri, apakah sebenarnya falsafah, modul dan kaedah latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai PTD hari ini. Apakah modul-modul yang ada itu benar-benar dapat melahirkan generasi PTD, pegawai-pegawai elit kerajaan ini, yang mampu untuk mendepani pelbagai cabaran semasa yang ada pada hari ini. Kerana apa? Kerana ini tunjang kepada negara. Kita hendak PTD yang bukan sahaja hebat daripada segi kemahirannya, tetapi juga holistik daripada segi akhlak dan juga nilai. Bukan sahaja hebat daripada segi ilmunya, tetapi juga mempunyai integriti nilai amanah yang tinggi, kerana kita tidak mahu golongan-golongan yang kita anggap sebagai *premier.* Ataupun golongan elit ini akhirnya orang kata, harapkan pagar, pagar makan padi. Dan kita juga mahu mereka inilah yang menjadi golongan di hadapan dalam konteks untuk merealisasikan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Ada isu yang berkaitan dengan soal penguasaan bahasa Inggeris yang mana pernah disuarakan oleh mantan pimpinan Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri yang mana apabila disebutkan bahawa pergi ke luar negara, kita hari ini kita tak berada dalam kelompok yang diterima oleh negara-negara lain sebagai golongan yang buat resolusi umpamanya. Ini kerana golongan yang buat resolusi ataupun orang yang membuat dasar-dasar di peringkat antarabangsa ini perlu penguasaan bahasa yang tinggi.

Jadi soal kemampuan komunikasi dalam bahasa asing umpamanya, perlu diberi perhatian bukan sahaja bahasa Inggeris, tetapi juga pelbagai bahasa. Justeru, ini perkara yang mungkin saya hendak tujukan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan pencerahan kepada kita.

■1530

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengupas isu yang berkait rapat dengan soal inovasi dan produktiviti dalam konteks ekonomi negara hari ini. Disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita hendak menumpukan kepada bidang-bidang baru dalam konteks ekonomi baru hari ini. Model Ekonomi Baru hari ini akan memberikan penumpuan kepada aspek perkhidmatan seperti bidang kewangan Islam dan sebagainya yang disebutkan tadi memberikan *contribution,* dengan izin, 40 peratus kepada KDNK dalam negara hari ini.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, apabila kita menyebut bahawa kita sebagai peneraju ataupun negara yang terkedepan dalam konteks sistem kewangan Islam. Sejauh mana keberkesanan *Malaysia International Islamic Financial Centre* (MIIFC) ataupun Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia hendak menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam? Kita tahu banyak negara-negara yang sebenarnya mereka bukan pelopor seperti mana kita.

Hari ini mereka terkedepan daripada segi ongkosnya dan daripada segi perolehan. Apabila kita sebut soal kewangan Islam ini contoh London umpamanya bahkan negara jiran kita Singapura yang mana pelabur-pelabur lebih suka untuk melabur di sana.

Bahkan saya hendak tanya kepada Kementerian Kewangan, apa sebenarnya pelan MIFC ini untuk benar-benar menjadikan sistem kewangan Islam bukan sahaja Malaysia sebagai hab tetapi dapat menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan yang memberikan perolehan yang berlipat ganda kepada negara. Umpamanya kita banyak memberikan konsultasi ataupun sumbangan daripada segi memberikan khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat, organisasi-organisasi luar bahkan negara-negara yang mahu mula bertapak dalam dunia kewangan Islam.

Akan tetapi kebanyakannya kalau salah harap diperbetulkan oleh Kementerian Kewangan. Seperti mana yang saya dimaklumkan Bank Negara banyak pergi ke luar negara juga memberikan khidmat tetapi kebanyakannya khidmat secara percuma peringkat awal. Baguslah daripada segi hendak memberikan reputasi pada Malaysia sebagai sebuah negara pelopor kewangan Islam.

Akan tetapi saya dimaklumkan oleh banyak pemain industri, apabila *when it comes to a real deal,* dengan izin. Bila mana hendak menandatangani satu perjanjian yang mana yang bersifat adanya nilai komersial, yang itu tidak diberikan pada Malaysia diberikan kepada syarikat-syarikat. Contohnya syarikat-syarikat ini bukan syarikat dari Malaysia sahaja bahkan syarikat luar negara. Contohnya apabila sebuah negara hendak memperkenalkan bank Islam di sesebuah negara. Akhirnya banyak khidmat kepakaran yang dibuka kepada orang luar seperti khidmat daripada segi perakaunan, khidmat daripada segi nasihat guaman, khidmat daripada segi nasihat profesional daripada segi konsultasi kewangan, akhirnya didapati oleh syarikat-syarikat yang bukan dari Malaysia.

Di manakah syarikat-syarikat Malaysia? Dan, apa usaha-usaha kerajaan terutamanya melalui inisiatif MIFC ini untuk membantu syarikat-syarikat, firma-firma contohnya firma guamankah, firma perakaunankah ataupun firma-firma yang memberikan nasihat syariah berkenaan dengan produk-produk kewangan Islam ini? Kalau ada, berapakah setakat ini perolehan yang diberikan kepada mereka yang menguntungkan kepada kerajaan di negara? Dengan ini barulah kita boleh mendabik dada kita sebagai peneraju sistem kewangan Islam yang hakiki. Dalam konteks ini jugalah saya kira hasrat kerajaan untuk membangunkan *Tun Razak Exchange* yang mana hasrat yang mulia, yang mana kerajaan mahu mewujudkan satu *Islamic Financial Centre,* dengan izin, ataupun Pusat Kewangan Islam sebagaimana ada di Dubai.

Kalau Dubai ada DIFC iaitu *Dubai International,* ataupun *Islamic Financial Centre.* Kalau Singapura pun semuanya berpusat di sebuah tempat kerana Singapura negara kecil. Bahrain ada *Bahrain Islamic Financial Centre,* London ada *Canary Wharf* yang mana semua aktiviti kewangan berpusat di situ. Kita pun mengaspirasikan kita ada sebuah pusat yang dinamakan *Tun Razak Exchange.* Akan tetapi hendak buat macam mana isu dipolitikkan, akhirnya macam-macam perkara yang timbul. Saya hendak tanya mungkin persoalan ini kepada JAKIM lah, pada Jabatan Perdana Menteri, apakah hasrat Tabung Haji untuk membeli ataupun yang sudah pun dibeli tanah di TRX?

Saya melihat kesediaan Tabung Haji untuk membeli bagi mewakili kepentingan orang Melayu Islam ini bukan sahaja bercakap soal bumiputera tetapi khusus lagi Melayu-Islam. Di 'Segi Tiga Emas' *Tun Razak Exchange* ini kepentingan kita untuk berada di situ mewakili- kalau hendak mengharapkan syarikat-syarikat individu saya rasa 20 tahun akan datang pun susah untuk syarikat individu Melayu Islam hendak beli tanah yang bernilai RM2,773 kaki persegi. Sekarang ini ada sebuah organisasi yang mewakili orang Melayu Islam, menjaga kepentingan kita membeli tanah di situ dengan harga yang begitu rendah berbanding dengan pembelian tanah sekitarnya oleh syarikat-syarikat lain.

Four Seasons pun beli RM3,000 lebih kaki persegi tetapi Tabung Haji dapat beli pada harga RM2,773, tetapi kerana isu ini dipolitikkan, dipolitikkan seolah-olah hendak *bailout,* dengan izin, 1MDB walhal tak masuk akal harga RM152 juta kalau tak silap saya kos nilai pembelian tanah itu, mana mungkin hendak *bailout* RM42 bilion hutang 1MDB. Akan tetapi kerana dipolitikkan Tabung Haji hari itu terpaksa keluarkan kenyataan kata mereka akan menjual tanah ini. Kalau tak jual lagi saya rasa demi kepentingan ekonomi Melayu Islam di tempat yang strategik yang saya jangkakan tak sampai setahun pun harga hartanah di situ akan melonjak tinggi.

Ini baru RM2,273 kaki persegi. Saya kira boleh tanya kepada pakar tanah kita Yang Berhormat Tan Sri Rahim harga di situ sudah tentu akan melonjak naik apabila siap infrastruktur dan prasarannya kelak. Jadi saya hendak tanya pada Tabung Haji, kepada Jabatan Perdana Menteri apakah hasrat itu benar-benar hendak direalisasikan? Akan tetapi saya mintalah Ahli-ahli Dewan Negara hari ini juga bersama saya kita desak Jabatan Perdana Menteri agar jangan sesekali menjual tanah yang merupakan aset penting mewakili orang Melayu Islam di tempat yang begitu strategik seperti *Tun Razak Exchange* yang dianggap sebagai *The Golden Triangle*.

Kita tidak mahukah akhirnya nanti tanah di situ dikuasai oleh orang lain yang kita tidak ada satu pun sekangkang kera pun tidak ada di kawasan yang harus menjadi milik juga milik orang Melayu Islam. Jadi saya rasa ini juga perkara yang saya minta untuk Jabatan Perdana Menteri memberikan pencerahan kepada kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak juga bangkitkan persoalan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam konteks hendak membangunkan negara ini dan dalam konteks untuk memastikan negara terus tumbuh secara mapan. Kita hendak lihat sejauh mana peranan kementerian, apakah peranan mereka ini benar-benar berkesan? Ini kerana saya lihat begitu banyak pertindanan dengan tugas-tugas agensi lain. Sebagai contohnya pertindanan antara bidang bomba yang di bawah kementerian dengan JPAM, Jabatan Landskap (JLM) yang di bawah kementerian.

Ini yang mana jabatan yang buat landskap tetapi kerajaan yang bagi dana ialah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Jabatan Kerajaan Tempatan yang fungsinya memantau semua PBT, tetapi seperti mana kita maklum PBT mempunyai akta tersendiri yang merupakan di bawah bidang kuasa negeri. Jadi sejauh manakah peranan kementerian ini? Mungkin Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh berikan pencerahan kepada kita bagaimanakah mereka menyelia PBT-PBT yang ada di negeri-negeri yang ada pada hari ini? Sejauh mana keberkesanan dalam konteks kita merealisasikan segala hasrat yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja antara perkara-perkara isu-isu yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan ini. Cuma secara kesimpulannya, strategi yang digariskan ini cukup cantik sekali segala pelan yang digariskan cukup cantik dan kita harapkan bahawa daripada segi perencanaan seiring dengan pelaksanaannya.

■1540

Pelaksanaan itu tidak lain dan tidak bukan, kita harus memastikan bahawa daripada segi penyampaiannya mesti sampai ke bawah dan tidak berlakunya ketirisan. Dalam konteks inilah kita minta bahawa nilai amanah daripada peringkat atas sehinggalah ke bawah ini perlu kita pastikan berlaku supaya kita sama-sama dapat merealisasikan agenda Wawasan 2020 yang kita sama-sama gariskan.

Sekian. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumusalam warrahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau boleh agaknya kalau ada orang baru tengok bagaimana Yang Berhormat berucap itu, bagus sekali. Cuba persiapkan cara begitu. Tak perlu agaknya membaca dan buat persiapan dalam bentuk yang lebih banyak perkara boleh disentuh dan dalam masa yang terhad.

Sekarang tanpa membuangkan masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul.

3.41 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang juga untuk turut sama membahaskan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama mengambil bahagian membahaskan Rancangan Malaysia Kesebelas ini sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Mei yang lepas.

Semasa dibentangkan dalam RMKe-11 ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan bahawa pengagihan kekayaan secara saksama akan menjadi tulang belakang kepada belanjawan tahun-tahun akan datang termasuk RMKe-11 bersandarkan kepada enam buah teras strategik, dan Bajet 2016 yang dijangka dibentangkan di Parlimen Oktober ini.

Yang bermaksud, Rancangan Malaysia Kesebelas ini akan bersifat sama rata, sama adil dan tidak pilih kasih. Enam buah teras strategik ini akan menjadi tunjang utama dan iltizam penuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memastikan di kala negara ini mengorak langkah ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi, tidak ada golongan atau kaum bangsa yang akan tercicir. Kekayaan akan dikongsi sama rata dan semua bakal menikmati hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat memuji semangat dan iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang jelas di sebalik cabaran dan adu domba yang datang bertali arus dalam dan luar parti Barisan Nasional oleh kawan dan lawan, beliau tidak mengalah. Malah beliau masih terus bersemangat untuk memacu negara kita ke arah Wawasan 2020. Jadi saya ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan kepimpinannya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan di Malaysia Timur seperti yang sedia maklum khususnya di Sabah dan Sarawak, perlu juga diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan Pusat. Hari ini, di sebalik kemajuan global yang dicapai, masih lagi banyak isu yang belum selesai. Saya mohon kepada Kerajaan Pusat untuk memberi komitmen yang lebih untuk terus membawa agenda pembangunan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, pendidikan, kesihatan dan *internet* ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan taraf ekonomi rakyat.

Satu lagi isu yang amat penting dan perlu ditangani oleh Kerajaan Pusat, Tuan Yang di-Pertua, iaitu isu pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kita risau bahawa apabila pendatang asing tanpa izin ini tidak ditangani lebih awal, ia akan memudaratkan negara pada masa akan datang. Keseluruhannya. Bukan sahaja di Sabah malah di negara kita.

Isu kewujudan sindiket merupakan punca peningkatan secara mendadak pendatang asing di Sabah. Langkah berjaga-jaga perlu diperketat untuk menghentikan kemasukan mereka secara berterusan. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengambil perkara ini secara serius.

Saya melihat sudah sampai masanya undang-undang imigresen yang sedia ada mestilah dikuatkuasakan sepenuhnya dan dipatuhi tanpa perlu menubuhkan dua Jawatankuasa yang dicadangkan oleh Pesuruhjaya dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI). Sepatutnya sesiapa yang tidak mempunyai dokumen patut tidak dibenarkan masuk ke Sabah kerana sudah ramai bilangan mereka di sini dan kami sudah mempunyai banyak masalah. Oleh itu, perlu tindakan drastik seperti yang dicadangkan oleh kerajaan termasuklah langkah berjaga-jaga yang lebih ketat.

Penubuhan jawatankuasa tetap menangani masalah tersebut seperti yang dicadangkan oleh laporan RCI sepatutnya dilaksanakan pada masa dahulu lagi tetapi ia juga masih satu titik permulaan yang baik untuk mencari penyelesaian. Menjadi harapan saya agar cadangan-cadangan dalam laporan RCI akan dilaksanakan terutamanya dalam menangani sindiket seperti menubuhkan dan mengekalkan sistem pemantauan keselamatan supaya sindiket-sindiket ini akan dihapuskan. Ini kerana Kerajaan Pusat sekian kalinya sudah berjanji bahawa ia akan mengambil tindakan drastik. Inilah yang dinantikan.

Kehadiran besar pendatang tanpa izin di Sabah telah diakui dan sindiket-sindiket turut terlibat. Saya berharap dengan penubuhan ESSCOM, dengan penubuhan ESSZONE dan peningkatan dalam pemerkasaan keselamatan, isu pencegahan pendatang tanpa izin daripada masuk ke Sabah akan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya ingin utarakan ialah isu infrastruktur pendidikan di negeri Sabah. Hari ini saya berharap agar Kementerian Pendidikan dapat menyediakan kemudahan infrastruktur yang memenuhi kehendak dan keperluan sesebuah sekolah di kawasan luar bandar di negeri Sabah mahupun di mana-mana negeri di Malaysia ini.

Sudah sampai masanya pembangunan infrastruktur sekolah-sekolah yang kian mendesak di kawasan luar bandar perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Kalau ditinjau secara dekat, banyak sekolah di pedalaman yang saya pernah alami, Tuan Yang di-Pertua, berjalan kaki, bergelumang dengan keadaan yang kecemasan dan sebagainya. Ini perlu ditangani oleh kementerian. Saya ambil satu contoh apabila saya berjalan ke sebuah sekolah di kawasan Pensiangan berhampiran dengan sempadan Indonesia, saya ada kawan di sini, Yang Berhormat Dato' Salim pun faham, kita kena berjalan beberapa hari untuk sampai ke sekolah itu.

Sudah tiba masanya untuk kementerian melihat perkara ini. Rakan-rakan lain, pemimpin-pemimpin Dewan Rakyat dan juga rakan-rakan di Dewan ini juga menyuarakan perkara yang sama iaitu peningkatan infrastruktur daripada segi umpamanya, bekalan elektrik yang belum mencukupi di kawasan sekolah, hanya menggunakan solar, dan juga penggunaan *internet* yang kurang elok, kurang mendapat capaian untuk digunakan dalam sistem pendidikan di luar bandar. Ini yang saya maksudkan untuk memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur di sekolah-sekolah luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak. Malah, ada kes juga, Tuan Yang di-Pertua, di mana kadangkala rumah guru digunakan sebagai kelas.

Jadi saya melihat ini dan memberi pandangan bahawa apabila kita merancang untuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan mungkin ia akan beransur-ansur dijalankan, tetapi kita ingin memohon kepada kementerian untuk mempercepatkan peningkatan infrastruktur di Sabah dan Sarawak di sekolah-sekolah ini supaya kita tidak dilihat merancang sahaja tetapi tidak melihat apa *action*nya atau apa yang perlu dibuat oleh kementerian. Jadi, dalam hal ini murid-murid dan guru terpaksa meneruskan aktiviti dan pembelajaran yang kurang selesa dan kurang mendapat tumpuan. Kita faham apabila kurangnya infrastruktur, tidak kurang elok...

■1550

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sekejap Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin ambil perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kerana saya tengok tidak berapa ramai hendak berucap hari ini. Saya kalau boleh siapa yang ingin berucap hari ini sila kemukakan nama kerana kita ada masa sampai 5.30 petang hari ini dan saya bagi peluang masa lebih sikit kalau sekiranya ada. Saya harap sila kemukakan nama yang ingin berucap pada hari ini dan juga hari-hari pada masa-masa ke belakang tolong kemukakan supaya senang buat perancangan. Silakan, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kemukakan untuk peningkatan infrastruktur pendidikan luar bandar ini memandangkan ada impaknya, ada impaknya dengan keputusan. Contohnya, kalau kekurangan guru Bahasa Inggeris, kalau dalam UPSR, dia akan dapat menurunkan GPS satu-satu sekolah itu sekiranya peningkatan Bahasa Inggeris itu menurun. Jadi untuk meningkatkan keputusan keseluruhan, bukan sahaja Bahasa Inggeris tetapi keseluruhan subjek-subjek yang diajar di luar bandar ini, perlulah kita ada satunya infrastruktur yang teratur seperti mana yang terdapat di bandar-bandar.

Jadi inilah yang kita nampak lihat sebagaimana yang diungkapkan dalam falsafah pendidikan negara iaitu pendidikan yang seimbang. Seimbang maksudnya seimbanglah daripada segi jasmani seperti yang diuar-uarkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf tadi iaitu, kita mesti adanya rohani, intelek dan sebagainya. Jadi bagaimana kita mendapat pendidikan seperti ini kalau infrastruktur kita masih berkurangan? Jadi kita juga menguar-uarkan bahawa pada tahun 2020 kita mempunyai sistem pendidikan yang hebat tetapi kita belum lagi ada kehebatan di luar bandar.

Jadi ini yang saya mohon kepada kementerian untuk melihat perkara-perkara seperti ini. Keperluan asas ini akan menjadi faktor penting mempengaruhi kecemerlangan pencapaian akademik dan akses pendidikan murid-murid di sekolah luar bandar.

Isu yang melibatkan pendidikan juga Tuan Yang di-Pertua mengenai isu kontraktor membina sekolah-sekolah. Saya juga terpanggil menyentuh kerja-kerja pembinaan dan penambahbaikan sekolah oleh pihak kontraktor dan kontraktor yang diberi tanggungjawab dalam membina sesuatu bangunan dan kemudahan di sekolah agar kita minta, agar kementerian sentiasa memantau agar mereka menepati masa dan tidak mengambil sikap sambil lewa. Projek yang dilaksanakan haruslah menepati kehendak dan keperluan rakyat terutamanya sekolah-sekolah luar bandar dan mendapat pemantauan daripada pihak kementerian dan pihak-pihak yang berkaitan.

Saya juga ada mendapat satu aduan kes di mana pembinaan bangunan tadika untuk murid-murid prasekolah di sini yang mengalami masalah kerana tidak memenuhi spesifikasi dan kualiti kerja yang memuaskan mengakibatkan pihak sekolah dan ibu bapa kurang berpuas hati dengan bangunan yang telah dibina. Kita tidak mahu peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan mengalami pembaziran dan haruslah menggunakan peruntukan tersebut dengan berhemah. Ini kerana pihak kerajaan telah menyalurkan peruntukan besar dalam sektor pendidikan malah dalam Bajet 2015, baru-baru ini sahaja hampir 21 peratus dalam bajet 2015 diperuntukkan kepada sektor pendidikan. Jadi sudah semestinya kita memerlukan pemantauan yang hebat daripada kementerian dalam pembinaan sesuatu bangunan.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengenai infrastruktur jalan raya di negeri Sabah. Saya terpanggil untuk menyentuh keadaan jalan raya di negeri Sabah iaitu masih dalam keadaan tidak memuaskan dan ia sering menjadi rungutan penduduk di negeri ini. Dengan keadaan yang berlubang, berlopak, mendap, beralun serta tampalan yang tidak sempurna menyebabkan sesuatu perjalanan itu amat tidak menyeronokkan. Ia bukan sahaja tidak menyeronokkan tetapi jangka masa lama ia pasti menjejaskan kenderaan apabila tayar meletup, rim rosak sekali gus meningkatkan perbelanjaan penduduk. Menjejaskan mereka yang berpendapatan rendah kerana perlu menyelenggarakan kereta mereka yang rosak.

Walaupun kerajaan pusat di negeri sudah membelanjakan puluhan bilion ringgit khusus memberi kemudahan infrastruktur pengangkutan yang boleh dibanggakan pada rakyat, namun keadaan masih juga sama di kawasan kampung atau di bandar. Selepas lebih 40 tahun, masih ramai melihat keadaan jalan balak yang diselenggarakan oleh syarikat pengusaha balak di negeri ini lebih baik daripada yang disediakan oleh kerajaan. Ini merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) apabila menyediakan reka bentuk dan spesifikasi jalan raya yang baik. Walaupun begitu, saya akui bahawa pembinaan jalan raya yang baik di Sabah bukanlah suatu yang mudah untuk dicapai memandangkan kawasan pergunungan, geografi dan juga tanah rendah berpaya yang banyak di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentunya cabaran-cabaran ini memerlukan kepakaran khusus dan yang lebih penting permintaan untuk setiap kakitangan teknikal JKR untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan terkini. Dilaporkan juga kerajaan negeri membelanjakan berbilion-billion ringgit dalam Rancangan Malaysia Pertama untuk membangunkan aset-aset per infrastruktur di negeri ini termasuk jalan raya di Sabah. Perbelanjaan untuk infrastruktur jalan pasti akan meningkat setiap tahun dan memerlukan perbelanjaan ini rangkaian jalan raya di Sabah sudah mencapai jarak 21,136 kilometer sehingga kini. Pembinaan jalan juga akan terus diadakan dari semasa ke semasa selaras dengan usaha kerajaan meningkatkan tempoh pembangunan sejajar dengan misi negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Penggunaan jalan raya pada masa kini tidak berpuas hati dengan hanya penyediaan rangkaian jalan raya semata-mata. Mereka mahukan pengangkutan jalan raya yang berkualiti dan memudahkan kegiatan harian mereka. Tuan Yang di-Pertua, namun untuk memenuhi permintaan ini juga yang merupakan satu cabaran kerana bukan mudah mencapai, memandangkan terdapat cabaran-cabaran lain seperti gangguan membabitkan bencana alam seperti banjir dan gempa bumi. JKR diamanahkan dalam semua perkara yang berkaitan dengan jalan raya dan ia mesti menerima cabaran ini. Malah struktur jalan yang tidak sempurna telah meningkatkan kes kemalangan maut di negeri Sabah. Saya ingin mengambil satu kaji selidik yang dibuat laporan mengenai kes kemalangan jalan raya di negeri Sabah yang dilaporkan dan dikeluarkan media baru-baru ini yang mendedahkan bahawa jumlah kemalangan jalan raya di negeri ini meningkat daripada 194 kes pada tahun 2009 kepada 377 kes pada tahun lalu, 2014.

Statistik daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial ini menunjukkan peningkatan sebanyak 61.1 peratus. Jadi ini menunjukkan bahawa kita minta kepada Kementerian Kerja Raya untuk memberikan peruntukan yang lebih kepada negeri Sabah dalam menaiktaraf jalan-jalan raya agar kita dapat mengurangkan kes-kes kematian di atas jalan raya.

Kota Kinabalu mencatatkan jumlah paling banyak kemalangan, berganda dua kali 72 kes pada tahun 2009 kepada melebihi 200 kes tahun 2014. Kemalangan jalan raya menyebabkan kerugian besar pada ekonomi dan manusia. Bank Pembangunan Asia mendedahkan bahawa Malaysia kerugian kira-kira RM7.5 bilion dalam nilai kehidupan disebabkan oleh kemalangan jalan raya pada tahun 2013 dan ia jumlah yang amat besar.

■1600

Ketika jalan teruk sebagai penyumbang kepada kemalangan, kemahiran pemanduan defensif, tekanan dan keletihan juga boleh menjejaskan pemandu jalan raya. Pihak berkuasa perlu tegas ke atas mereka yang mabuk ketika memandu, memandu secara melulu dan laju kerana mereka juga menyebabkan kemalangan itu berlaku. Sementara itu sumber industri berkata jalan utama yang menghubungkan beberapa buah daerah di negeri ini seperti Kota Kinabalu, Tuaran, Ranau, Telupid, Beluran, Sandakan, Kinabatangan dan Lahad Datu masih merupakan jalan yang paling teruk dan bermasalah.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Ramai yang mengatakan bahawa keadaan jalan raya sekarang adalah lebih teruk daripada jalan pembalakan yang diselenggarakan syarikat kayu balak. Ini berbeza dengan rangkaian komunikasi yang moden dan mahal di Semenanjung yang menyediakan sistem pembekalan awam dan infrastruktur yang baik dan dinikmati oleh rakyat. Soalan saya kepada kementerian, berapakah jarak dalam kilometer perancangan kerajaan untuk membina jalan raya baharu dan menaik taraf jalan raya sedia ada pada tahun 2015 ini termasuk peruntukan khas bagi Sabah dalam kes ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengutarakan mengenai isu pemerdagangan manusia. Pemerdagangan manusia satu masalah global yang kian meningkat jumlah kesnya sejak seabad lepas. Mengikut laporan, dengan izin, *Amnesty International*, pada tahun 2004 sedekad lalu sahaja dianggarkan 700,000 orang diperdagangkan setiap tahun bagi tujuan seks. Ini yang saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengutarakan mengenai kes PATI tadi iaitu pendatang asing tanpa izin, dan kita takut dan risau bahawa di Sabah dan Sarawak dan di mana sahaja negeri-negeri di Semenanjung, sekiranya masalah tidak ditangani kita khuatir sindiket-sindiket akan menggunakan PATI-PATI ini untuk diperdagangkan. Kita minta penguatkuasaan daripada pihak-pihak kementerian berkenaan diperketat.

Jadi jenayah terancam dikenali sebagai pemerdagangan manusia yang kini adalah ketiga terbesar di dunia selepas penyeludupan dadah dan senjata api. Bagaimanapun amat malang sekali kerana Malaysia dilihat sebagai tempat menarik oleh sindiket pemerdagangan manusia untuk menjalankan aktiviti mereka. Langkah serius kerajaan menangani isu pemerdagangan manusia telah menaikkan taraf Malaysia ke tahap dua daripada tahap tiga dalam Laporan Senarai Pemerhatian Pemerdagangan Malaysia (TIP) 2010 hingga tahun 2014.

Laporan TIP senarai kedudukan negara-negara dunia berdasarkan tahap pematuhan standard minimum dalam memerangi pemerdagangan manusia. Diimbas kembali pada tahun 2009 kedudukan Malaysia merosot daripada tahap dua pada tahun 2008 ke tahap tiga pada tahun 2009. Pencapaian TIP adalah berdasarkan kepatuhan negara menerusi Akta Perlindungan Pemerdagangan dan Keganasan atau TVPA Amerika Syarikat. Menurut klasifikasi antarabangsa tahap satu menunjukkan kepada negara yang melakukan pematuhan sepenuhnya dan tahap dua usaha signifikan untuk mematuhi TVPA.

Manakala tahap tiga pula bermaksud sebagai negara yang tiada usaha untuk mematuhi standard minimum TVPA. Berikutan itu Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 telah dipinda bagi memasukkan kesalahan penyeludupan migran untuk dijadikan akta baharu yang kini dikenali sebagai Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Akta Anti Pemerdagangan Migran 2007 yang dikuatkuasakan pada 15 November lalu.

Pindaan itu bagi menangani sindiket antarabangsa yang menjadikan negara ini sebagai negara transit pemerdagangan dan penyeludupan manusia untuk membawa mangsa ke negara ketiga terutama Australia.

kebanyakan mangsa adalah dari Afghanistan, Pakistan dan Myanmar yang dibawa masuk ke Malaysia terlebih dahulu sebelum ke Indonesia dan seterusnya ke Australia. Namun hari ini kita dikunjungi dengan kemasukan beramai-ramai etnik Rohingya dari Myanmar. Malahan negara digemparkan dengan penemuan kubur besar dan kem transit yang seolah-olah berlaku penyeksaan manusia seperti zaman Perang Dunia Kedua dahulu. Polis Diraja Malaysia atau PDRM memberi jaminan bahawa polis akan mengambil langkah berterusan memerangi pemerdagangan manusia dengan mengadakan lebih banyak operasi dalam usaha menyelamatkan mangsa sindiket.

Lebih ramai anggota polis dan penguat kuasa ditempatkan di kawasan panas sindiket itu seperti sempadan tanah air seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan di perairan di Negeri Selat, Melaka dan Laut China Selatan yang dikenal pasti sebagai laluan masuk utama sindiket itu sebelum mangsa diperdagangkan ke negara destinasi. Malah saya mencadangkan agar pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dilibatkan untuk turut sama mengawal sempadan kerana disyaki berlakunya gejala rasuah di kalangan penguat kuasa yang telah lama bertugas di sempadan.

Kerajaan juga turut mengambil tindakan yang lebih teratur melalui Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2010-2015) yang menetapkan hala tuju dan fokus dalam usaha mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan orang. Pelan yang dirangka bagi tempoh lima tahun iaitu tahun 2010 hingga tahun 2015 adalah antara usaha dan komitmen kerajaan dalam membanteras masalah pemerdagangan orang. Aktiviti jenayah ini yang mempunyai jaringan dan sindiket profesional harus dilihat secara menyeluruh dan jika tidak dibanteras secepat mungkin boleh menjejaskan imej, prestasi, dan nama baik negara di mata dunia terutama imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam, contoh.

Sasaran Malaysia untuk tahap satu pada tahun ini mungkin akan tercapai jika kerjasama dan komitmen semua pihak digembleng dalam usaha membasmi jenayah yang tidak berperikemanusiaan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya amat khuatir isu pembongkaran kubur besar dan kem transit etnik Rohingya di Perlis baru-baru ini bakal memberi impak negatif kepada imej Malaysia dan risiko diturunkan ranking. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon mencadangkan agar kawalan ketat sempadan oleh pihak penguat kuasa sempadan seperti Imigresen dan ATM diberi perhatian serius dalam menangani masalah pemerdagangan manusia ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sekali lagi dalam bahas-bahas yang lalu saya pun sentuh mengenai isu ESSCOM di Sabah. ESSCOM ini Tuan Yang di-Pertua perlu dikekalkan untuk satu tempoh lanjutan walaupun operasi daulat yang dilancarkan berjaya menghapuskan saki baki kumpulan pengganas Kiram yang sedang kita hadapi sekarang. Ini kerana tidak mudah untuk mengagak bilakah ancaman keselamatan di timur Sabah akan selesai.

ESSCOM mesti terus berperanan sehingga satu tempoh apabila keselamatan di timur Sabah dapat dipulihkan buat selama-lamanya. Ini walaupun aset yang ditumpukan di timur Sabah melibatkan kos yang tinggi. Saya amat memuji, berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang diterajui pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak dan juga pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Haji Musa Haji Aman yang begitu serius membuat perbincangan Persekutuan dan negeri bagi menangani masalah-masalah yang berlaku di negeri Sabah. Jadi sudah tiba masanya bagi kita melihat bahawa ESSCOM ini perlu diperkukuhkan dan pertamanya operasi perisikan mestilah cekap dan meluas ke akar umbi.

■1610

Keduanya, kumpulan pengganas Kiram itu bukan hanya dianggotai orang yang baru datang dari Selatan Filipina sahaja, pasti ada musuh dalam selimut.

Ketiganya, selain polis dan tentera, agensi-agensi lain seperti Jabatan Perdana Menteri dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mempunyai unit menjalankan kegiatan mengumpul maklumat risikan khusus menyentuh timur Sabah dan selatan Filipina.

Pembangunan sosioekonomi di timur Sabah perlu diambil kira pendekatan 'Kesmas' ataupun keselamatan dan pembangunan masyarakat yang pernah dilaksanakan dahulu terbukti berkesan semasa negara berhadapan ancaman pengganas komunis. Pembangunan pesat di timur Sabah akan membuka banyak peluang pekerjaan, seterusnya membantu meningkatkan kualiti kehidupan penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah sedemikian, maka saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Silakan Yang Berhormat.

4.11 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas. Sebelum saya meneruskan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada rakan-rakan yang beragama Islam.

Seperti yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli sebelum ini, Rancangan Malaysia Kesebelas ini satu rancangan yang amat penting kerana ia sepatutnya menggariskan strategi dan merancang pelan tindakan yang perlu untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju bukan sahaja daripada segi ekonomi, tetapi dari segala dimensi dan aspek.

Bagi mencapai tujuan ini, kalau kita membaca dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah menggariskan enam teras strategik dan juga enam pemacu perubahan. Sama ada strategi-strategi ini berjaya mencapai objektif ataupun tidak, kita tidak pasti pada masa sekarang. Akan tetapi pada saya, ini secara peribadi kepada saya, saya kurang yakin bahawa kita akan mencapai matlamat-matlamat yang terkandung di dalam dokumen tersebut. Asasnya ialah sebab kalau kita tengok kebanyakan yang disebut dalam dokumen Rancangan Malaysia itu tidak berasaskan realiti. Saya akan terangkan sebentar lagi. Akan tetapi daripada segi hakikatnya, saya pegang kepada falsafah yang terkandung di dalam dokumen itu supaya semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan sebagainya boleh menikmati hasil kejayaan bersama dengan cara yang benar-benar adil dan harmoni. Secara falsafah, saya terima. Cuma yang saya ragu ialah tindakannya.

Kalau kita tengok program yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, sangat luas programnya dan ia meliputi pelbagai topik yang memberikan kesan kepada kemakmuran dan kemajuan rakyat. Saya hanya akan fokus atau memberikan tumpuan kepada beberapa perkara sahaja. Saya sebut secara ringkas, tetapi saya rasa dengan cukup jelas.

Topik yang pertama ialah yang diliputi oleh teras pertama iaitu isu kemiskinan. Kalau kita tengok dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas ini, ia melaporkan bahawa kadar kemiskinan telah turun daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 0.6 peratus pada tahun 2014, manakala kemiskinan tegar telah berjaya dibasmi. Itu dalam laporan. Dokumen itu juga melaporkan bahawa pendapatan bulanan purata isi rumah telah meningkat dari RM264 pada tahun 1970 kepada RM6,141 pada tahun 2014 dan yang penting pendapatan menengah, *median income* telah meningkat kepada RM4,585 pada tahun 2014.

Kalau kita tengok soal statistik ini, dalam kepala saya pelbagai persoalan yang timbul. Pertama, adakah statistik-statistik ini benar? Maksud saya daripada segi benar, adakah ia benar-benar menunjukkan kadar kemiskinan telah turun khususnya yang menunjukkan kadar kemiskinan telah turun kepada 0.6 peratus itu. Adakah ia benar-benar menunjukkan *reality on the ground* atau adakah ia dicapai kerana kita menggunakan satu garis ukuran atau satu indikator kemiskinan yang tidak sesuai. Kepada saya ini satu soalan yang serius kerana ia menyoal konsep kemiskinan selama ini. Selama ini kaedah yang digunakan ialah kita menggunakan berdasarkan garis kemiskinan tetap dan bukan berdasarkan pendapatan isi rumah daripada segi konsep.

Pada saya, saya rasa sudah sampai masanya untuk kita mengkaji semula takrif kemiskinan atau kaedah yang perlu kita gunakan untuk mengukur tahap kemiskinan.

Pada saya, kita perlu mengkaji semula dan membuatnya lebih sesuai dengan keadaan sekarang. Baru-baru ini saya membaca satu laporan daripada UNDP yang menunjukkan bahawa kaedah yang diguna pakai oleh kerajaan sekarang tidak menunjukkan realiti yang sebenar.

Kalau kita tengok kaedah yang dipakai oleh *World Bank,* lain badan-badan antarabangsa, juga negara-negara maju dan kalau kita tengok matlamat rancangan ini supaya kita dapat taraf negara maju dalam tempoh lima tahun. Kalau kita tengok kaedah yang digunakan oleh negara-negara maju ialah berdasarkan kepada pendapatan isi rumah median. Begitu juga kalau kita tengok dalam Laporan Pembangunan Manusia 2013, UNDP sendiri telah mengesyorkan bahawa tahap kemiskinan perlu ditukar dengan menggunakan kaedah isi pendapatan rumah iaitu kaedah kemiskinan relatif dan bukan kaedah minimum tetap.

Kalau kita balik kepada teras strategik yang pertama, tajuknya ialah memperkukuhkan *inclusivity* ke arah masyarakat yang saksama. Kalau kerajaan benar-benar berpegang kepada teras ini, maka daripada aspek kemiskinan pun, dia kena menggunakan satu kaedah yang lebih *inclusive* dan saksama. Pada saya, kaedah yang *inclusive* dan saksama ialah dengan menggunakan kaedah kemiskinan relatif. Kaedah kemiskinan relatif akan menentukan paras kemiskinan pada tangga 50 peratus daripada pendapatan menengah.

Kalau kita merujuk semula kepada dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas, pendapatan menengah pada tahun 2014 - RM4,585. Maka kalau kita menggunakan *figure* ini dan menggunakan kaedah median, maka paras kemiskinan sepatutnya RM2,292, bukan seperti sekarang RM950 atau RM600 untuk kaedah kemiskinan tegar.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali yang pertama cadangan ini dibuat. Kalau tidak silap cadangan ini pernah dibuat pada tahun 2012 oleh *Centre for Policy Studies* oleh seorang *researcher* tentang kemiskinan. Cadangan yang sama. Kalau kita tengok sedikit negeri, kerajaan negeri ada membuat perubahan, contohnya seperti Selangor yang telah menaikkan paras tersebut kepada RM1,500 pada tahun 2010 kalau tidak salah. Akan tetapi pada *national level* ini masih tidak ada perubahan. Isunya bukan sahaja isu paras, kalau kita pakai sistem yang lama, cuma meningkat paras sahaja, saya rasa ia tidak akan menyelesaikan masalah. Apa yang saya cadangkan sekarang ialah satu penukaran daripada segi konsep, daripada segi kaedah.

■1620

Saya harap kerajaan boleh mengambil kira isu ini. Kalau tidak kerajaan akan dituduh sebagai menggunakan statistik-statistik yang *glossy* untuk menyulitkan keadaan yang sebenarnya. Itu isu yang pertama isu kemiskinan.

Isu yang kedua juga ada berkaitan dengan realiti kehidupan. Setelah strategik yang kedua yang bertajuk Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat. Di teras ini saya akan menerangkan, cuma akan fokus kepada isu yang kesihatan awam. Kesihatan awam ini adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup. Kalau kita tengok dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas ini, kita tengok banyak *figures*, banyak statistik dalam dokumen itu seperti *ratio* doktor, *ratio* katil, pesakit, dan sebagainya. Banyak sangat.

Pada saya, daripada segi strategik kalau kita baca dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas ini, ia terdapat empat strategik khusus untuk mencapai penjagaan kesihatan yang berkualiti. Ada empat. Saya tidak mahu sebut apa empat itu, tetapi ada empat. Akan tetapi sekali lagi saya kurang yakin matlamat ini boleh dicapai. Ini adalah berdasarkan kepada prestasi dan pengalaman sebelumnya. Sebelum ini pun banyak sangat kita nampak strategi yang sama. Pelan tindakannya sama tetapi gagal untuk mencapai matlamat daripada segi tarikh. Kalau capai pun tidak sampai ke tahap yang di kehendaki.

Banyak kali kita sudah dengar cerita yang sama. Contohnya rakyat akan diberi akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan dan sebagainya. Secara khusus saya hendak fokus kepada Strategi A1 yang terkandung dalam muka surat 415 dan 416. Berkenaan dengan penjagaan kesihatan yang bersasar. Kalau kita baca dalam laporan itu, golongan yang bersasar itu hanya sebut golongan Orang Asli. Kita mengalu-alukan fokus kepada Orang Asli supaya dapat diteruskan.

Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan ialah saya rasa perlu ada fokus sasar kepada golongan warga emas. Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bangkitkan isu golongan warga emas sebelum ini. Banyak kali saya telah bangkitkan isu ini dan sekali lagi saya ingin ingatkan isu yang sama kerana kebanyakan isu yang saya timbul sebelum ini masih belum di tangani oleh kerajaan.

Sebelum itu saya hendak bawa perhatian Yang Berhormat Speaker kepada satu unjuran yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana dia cakap Malaysia akan capai status warga negara tua pada tahun 2030 apabila 15 peratus daripada penduduk mencapai umur 60. Tujuan saya, merujuk kepada unjuran ini supaya hendak tunjuk kenapa perlu memberi tumpuan khas kepada warga emas. Kalau kita tengok dalam dokumen, dalam dokumen ini, kalau kita tengok dokumen ini ada cadangan untuk membina enam buah hospital yang baru dan juga untuk menaik taraf tiga buah hospital yang sedia ada.

Now, cadangan saya kalau boleh di tiga-tiga hospital dan di enam buah hospital ini, kalau boleh semasa pembinaan menyediakan kemudahan geneatrik. Sebelum ini, kita telah banyak dengar pasal kemudahan geneatrik tidak disediakan di semua hospital. Kalau boleh cadangan saya yang baru ini dan hospital yang akan dinaiktarafkan itu meningkatkan atau menyediakan geneatrik. Itu satu.

Isu yang kedua mengenai penjagaan kesihatan ialah isu kekurangan pakar perubatan. Kalau kita rujuk kepada statistik antara lain *I* ingat *target* ialah satu- *ratio* nisbahnya 400 pesakit ada satu orang doktor. Secara *general*. akan tetapi apa yang saya hendak fokus ialah pakar perubatan, kalau kita balik kepada pakar perubatan geriatrik sebagai satu contoh.

Kalau kita tengok bilangan penduduk akan meningkat warga emas. Akan tetapi daripada segi bilangan pakar geriatrik buat masa ini cuma lapan orang pakar Geriatrik dan dalam rancangan dalam dua tahun akan datang ini yang tambah 15 sahaja. Bukan sahaja pakar geriatrik kalau kita tengok daripada segi *ratio* untuk ini. Macam *Dentist ratio* dia pun tidak cukup lagi daripada segi doktor-doktor pakar. Ini kita kena ambil serius daripada segi pakar perubatan dan dari semua aspek. Pasal secara *detail* kita boleh tengok dalam dokumen ini banyak sangat dia cakap kekurangan.

Isu yang ketiga mengenai penjagaan kesihatan, yang pernah juga saya sebut dalam dokumen. Dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas ini ialah isu penjagaan di rumah atau dengan izin kita panggil *domiciliary care*. Kalau kita rujuk pada dokumen berkenaan, ada beberapa inisiatif mencadangkan yang akan mempertingkatkan lagi perkhidmatan penjagaan di rumah. Ini pada saya ini akan menjadi satu perkhidmatan yang amat penting kalau kita berdasar pada unjuran *United Nations*. Apabila bilangan warga emas akan meningkat.

Cadangan saya dari dua aspek buat cadangan aspek *domiciliary care*. Satu, kalau kita tengok perkhidmatan *domiciliary care* ini tidak disediakan di kesemua hospital kerajaan ataupun klinik kerajaan. Ia cuma di hospital tertentu yang ada perkhidmatan *domiciliary care.* Cadangan saya supaya perkhidmatan *domiciliary care* ataupun perkhidmatan penjagaan di rumah ini dilanjutkan kepada kesemua hospital kerajaan. Itu satu. Daripada segi hospital-hospital yang memberi perkhidmatan *domiciliary care.*

Kedua, aspek *domiciliary care* daripada segi skop penyakit yang diliputi. Kalau kita baca dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas, dia hanya sebut angin ahmar sebagai satu penyakit. Pada saya daripada segi skop penyakit perlu diluaskan untuk meliputi penyakit-penyakit macam *stroke rehabilitation*, *Dementia, Vertigo* dan sebagainya. Penyakit-penyakit yang biasanya yang di *suffered by* warga emas. Itu yang ketiga berkenaan dengan kesihatan.

Keempat, berkaitan dengan penjagaan kesihatan ialah isu yang matlamat yang disebut dalam dokumen iaitu supaya rakyat dapat akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan. Isu dia ialah harga yang berpatutan. Sudah nyata kos penjagaan kesihatan akan meningkat apabila Malaysia capai status negara maju. Ini tidak boleh dinafikan. Kemungkinan besar ia akan naik kepada satu tahap di mana ia akan keluar daripada jangkaan rakyat Malaysia daripada segi kos. Sekarang pun kalau kita tengok MMA, Persatuan Hospital Swasta semua sudah mula minta supaya *fees* mereka dinaikkan.

Pada saya, sudah tiba untuk kerajaan memberi perhatian serius kepada masalah ini. Kita tengok kalau kita baca dalam laporan, dalam dan juga apa ini ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan. Sebahagian besar kos penjagaan kesihatan ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Saya pernah baca dalam satu laporan sehingga 98 peratus kos peniagaan itu ditanggung oleh kerajaan. Kalau kita rujuk kepada bajet tahun lepas saja, saya ingat RM22 bilion untuk kos penjagaan kesihatan. Pada saya, cara ini tidak sesuai. Kita tidak boleh pakai model ini. Dia tidak mampan atau *not sustainable* pada jangka masa yang panjang.

■1630

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat menggariskan satu modul yang baru, kena kaji dan kena melaksanakan satu skim pembiayaan kesihatan. Maksud saya ini kita tidak boleh tanggung *bear the whole cost* lagi. Kita kena mengadakan satu Skim Pembiayaan Kesihatan atau, dengan izin, *National Health Financing Scheme*. Secara *detail* itu saya tidak ada cadangan pada masa ini tetapi apa yang saya 100 peratus sedar ialah kita perlu skim macam ini. Walaupun saya akui di beberapa buah negara yang lain skim sedemikian semua atau banyaknya gagal. Akan tetapi kalau tidak ada, mungkin macam saya cakaplah kos penjagaan kesihatan itu akan keluar daripada jangkauan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, topik yang ketiga ialah juga terkandung dalam dokumen ini lain daripada isu kesihatan ialah isu pewujudan persekitaran yang selamat dan juga pencegahan jenayah. Memang tidak boleh dinafikan bahawa persekitaran yang selamat satu isu yang amat dekat di hati orang ramai. Kalau kita tengok angka-angka atau statistik-statistik yang dilaporkan di dokumen RMKe-11. Contohnya dia telah melaporkan bahawa indeks jenayah telah turun sebanyak 22.7 peratus dari tempoh tahun 2011 hingga tahun 2014. Ini secara keseluruhan. Di sini pun pada saya, saya ada keraguan. Macam saya cakap, banyak soal akan timbul.

Adakah statistik-statistik ini tepat dan benar? Fasal kalau kita tengok satu *statement* yang dikeluarkan oleh Pengarah NKRA, Pengurangan Jenayah, dia sendiri telah mengatakan bahawa angka-angka ini *can challenge the figures*. Fasal dia mengakui sampai sekarang kita tidak ada satu metodologi yang betul-betul boleh mengukur *crime*. Fasal kebanyakannya juga berkaitan dengan *perception* orang ramai.

Akan tetapi saya, walaupun kita ada keraguan atas *figures* ini dalam- kita kena akui, tidak boleh di nafi di kalangan orang ramai ini kebanyakan mereka ini telah hilang keyakinan atas keupayaan pihak polis untuk menangani jenayah. Untuk memastikan persekitaran yang selamat. Ini, saya buat kesimpulan ini, kalau kita tengok daripada penambahan skim perumahan yang *gated and guarded*. Itu satu aspek. Kalau kita tengok sekarang banyak sangat skim *gated and guarded* walaupun skim *gated and guarded* ini mahal. Lagi satu, angka yang saya dapat daripada segi bilangan pengawal keselamatan *private* (swasta). Kalau kita tengok daripada segi keseluruhannya, lebih banyak pengawal keselamatan dari anggota polis. Saya ingat 170,000 berbanding dengan 150,000 dan sebagainya. Maksud saya, ini daripada persepsi orang ramai. Apa yang menjadi topik atau yang menjadi *concern* kepada orang ramai sekarang, kebanyakan sekarang ialah isu jenayah jalanan atau *street crime.*

Kalau kita tengok dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas dia telah melaporkan bahawa *street crime* ini telah kurang, pengurangan sebanyak 17.6 peratus. Kalau kita tengok dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas, dia ada fokus empat strategik untuk mewujudkan satu persekitaran hidup yang selamat. Cadangan saya macam mana? Fasal kalau kita tengok sekarang isu dia macam ini. Akan tetapi tidak lama lagi apabila Malaysia mencapai status negara maju, landskap dia akan berubah dan landskap yang baru itu akan membawa cabaran-cabaran yang baru. *So,* pada saya lebih banyak usaha perlu diambil bagi menghadapi cabaran-cabaran yang baru.

Contohnya mungkin pihak polis kena mengamalkan teknik-teknik baru untuk menangani landskap yang berubah ini. Ini selain dari, kalau kita baca laporan itu. Antara lain cadangan yang terkandung dalam laporan ini hanya mempergiatkan *omnipresent*. Maksud saya selain dari mempergiatkan *omnipresent*, selain daripada penambahan bilangan kakitangan, dan lain-lain, pihak polis juga kena kaji lain-lain teknik. Begitu juga keupayaan dan kebolehan pihak polis pun perlu diperkukuhkan.

Kalau kita tengok salah satu langkah yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas ialah pelaksanaan Program Bandar Selamat. Balik kepada pelaksanaan Program Bandar Selamat, cadangan saya ialah supaya Program Bandar Selamat ini. Pasal kalau kita tengok dalam statistik-statistik ini, memang Program Bandar Selamat ini telah berjaya untuk mengurangkan jenayah. Fasal kalau satu kajian yang dibuat oleh *survey* dengan penduduk-penduduk yang di kawasan di mana program ini telah dilaksanakan. Daripada segi *perception,* penerimaan dari orang ramai itu sangat baik. *So* cadangan saya supaya Program Bandar Selamat perlu dipertingkatkan dengan penambahan kawasan-kawasan yang diliputi oleh program ini, terutamanya kawasan-kawasan apa yang kita panggil *black spot*. Bukan sahaja daripada segi program ini, pejalan kaki pun perlu lebih berwaspada terhadap peragut.

Bila kita cerita fasal kes ragut ini, biasanya dalam kes ragut ini, mangsa itu akan kehilangan dokumen-dokumen penting macam IC, lesen dan pasport. Di sini saya hendak buat satu cadangan kepada kerajaan, sekarang ini apabila mereka pergi untuk membuat gantian untuk dokumen-dokumen tersebut macam IC dan sebagainya kena bayar *fees.* Pada saya ini, macam *double jeopardy*. Sudahlah mereka hilang duit dia, sudah hilang dia punya barang bernilai dan sebagainya, lepas itu kena pergi buat gantian kena bayar. Kalau boleh saya hendak cadang kepada kerajaan supaya dalam kes-kes macam ini kepada mangsa-mangsa ini sepatutnya kena mengecualikan daripada bayaran untuk dokumen-dokumen gantian.

Topik yang keempat secara sedikit saya hendak sentuh topik yang keempat, isu GST ini. Isu GST ini, saya tidak hendak *argue* banyak sangat. Fasal kalau kita tengok dalam perbahasan di Dewan Rakyat pun banyak sudah topik GST dibincangkan dan sebagainya. Topik GST saya cuma hendak fokus dua sahaja. Satu daripada segi cukai yang dibayar oleh kerajaan tempatan. Kalau sekarang kita tengok kebanyakan kerajaan negeri telah mengarahkan kerajaan tempatan supaya jangan kutip GST. Ini untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh kerajaan tempatan. Banyak Kerajaan Negeri-Johor, Pulau Pinang, Sarawak, kalau tidak salah Terengganu, dan sebagainya, telah mengarahkan kerajaan tempatan untuk mengecualikan rakyat daripada pembayaran GST untuk perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan. Sebaliknya cukai ini ditanggung oleh PBT sendiri.

Pada saya jumlah yang ditanggung ini satu jumlah yang amat besar. Mungkin satu tahun, dua tahun PBT boleh tahan. Pada jangka masa panjang, saya rasa kerajaan tempatan pun tidak boleh tahan menanggung kos tinggi macam ini. Kalau dia menanggung pun dia punya *trade off* itu, mungkin dia akan kurangkan *services* dari lain aspek.

Di sini saya ingin mengulangi cadangan dan permintaan yang dibuat oleh beberapa buah kerajaan negeri supaya GST dikecualikan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan. Seruan yang sama juga dibuat oleh Yang Mulia Sultan Johor di mana Baginda telah menyatakan bahawa tidak masuk akal perkhidmatan kerajaan juga dikenakan cukai. Itu satu aspek GST. Lagi satu aspek GST yang saya ingin menyentuh di sini ialah GST atas barang-barang keperluan untuk kegunaan keagamaan. Sekarang ini kebanyakan barang-barang yang diperlukan untuk kegunaan agama ini tidak di*zero-rated*kan. Dia banyak sangat untuk saya senaraikan barang-barangnya. *So* cadangan saya, barang-barang untuk kegunaan keagamaan ini perlu di*zero-rated*kan*.* Itu berkenaan GST. Ini sedikit sahaja. Ada banyak isu kalau saya hendak menimbulkan isu berkenaan dengan *declining* Ringgit, 1Malaysia dan sebagainya, tetapi mungkin lain kali saya akan bahas isu itu**.**

■1640

Secara kesimpulan, dengan mata kasar kalau kita tengok dokumen ini, *very glosy.* Inisiatif-inisiatifnya semua nampaknya cantik, macam yang disebut oleh Senator Dato' Dr. Asyraf itu. Nampaknya cantik, tetapi pada pandangan saya, kalau saya tengok rancangan ini, pada saya ia digariskan dengan statistik yang tidak berasaskan realiti. Itu satu.

Yang kedua, saya telah baca dokumen ini dan kebanyakannya saya tengok, ia punya teras, pelan dan sebagainya, tetapi tidak sebut dari mana sumber kewangan untuk menjayakannya. Inisiatif-inisiatif ini saya terima, inisiatif-inisiatif ini bagus walaupun ada sebahagian itu berdasarkan bukan kepada *real facts.* Akan tetapi daripada isu sumber kewangan tidak disebut di dalam dokumen ini. Maka kerana ia berdasarkan kepada faktor yang tidak berasaskan realiti dan tidak sebut sumber kewangan, saya tidak menyokong Rancangan Malaysia Ke-11. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader. Silakan Yang Berhormat.

4.41 ptg.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas Rancangan Malaysia Ke-11 bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020.

Rancangan Malaysia Ke-11 pecutan terakhir sebelum Malaysia mencapai taraf negara maju 2020. Saya dapat melihat Rancangan Malaysia Ke-11 kali ini cukup *inclusive* dari segenap aspek. Pelan pembangunan yang bertemakan pertumbuhan berpaksikan rakyat menunjukkan komitmen kerajaan dalam memenuhi aspirasi rakyat pelbagai kaum dan bangsa termasuk golongan minoriti. Saya percaya enam teras strategik dan enam pemacu perubahan yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan akan merealisasikan matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju selaras dengan Wawasan 2020.

Salah sebuah komponen dalam teras strategik kedua iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin berpendapatan rendah dan sederhana. Hasrat murni kerajaan ini wajar dipuji kerana sentiasa berusaha memastikan rakyat daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah yang sempurna.

Walaupun begitu, golongan berpendapatan terus menghadapi masalah pemilikan rumah mampu milik akibat syarat permohonan pinjaman perumahan yang cukup ketat dikenakan oleh institusi kewangan. Secara purata, sebuah keluarga yang mendapat pendapatan isi rumah sebanyak RM3,000 sebulan tidak dapat mengimpikan pemilihan rumah terutamanya di kawasan bandar. Walaupun kerajaan memperkenalkan pelbagai insentif dalam bajet dan RMK, syarat pinjaman yang ketat serta harga rumah yang tinggi menyukarkan mereka mendapat pinjaman. Kalau ada sekalipun pinjaman diberi, beratus-ratus pinjaman diluluskan yang rendah di mana mereka terpaksa mengeluarkan wang pendahuluan yang tinggi.

Bagi yang mempunyai simpanan di KWSP mungkin tidak menjadi masalah. Cuba bayangkan nasib para belia kita yang baru sahaja beberapa tahun mula bekerja. Apakah mereka harus menunggu sehingga mencapai umur 40 baru hendak membeli rumah?

Harga rumah di kawasan luar bandar juga semakin meningkat. Baru-baru ini saya terlihat satu risalah promosi penjualan rumah di Mantin, Negeri Sembilan oleh pemaju. Sebuah rumah teres dua tingkat dijual pada harga RM600,000 oleh pemaju berbanding yang saya tahu harga rumah di situ hanya RM160,000 lima tahun yang lepas.

Dengan adanya program seperti PR1MA dan sebagainya, saya yakin para pembeli rumah terutamanya golongan belia boleh menarik nafas lega. Akan tetapi dengan bilangan rumah yang terhad serta kesukaran mendapatkan pinjaman boleh menyebabkan hasrat mereka ini terbantut. Golongan rakyat berpendapatan sederhana ini sentiasa mengharapkan satu bentuk bantuan kerajaan bagi merealisasikan hasrat mereka untuk memiliki rumah sendiri.

Walaupun dasar kerajaan sudah cukup *inclusive*, saya mohon agar kerajaan dapat menetapkan satu garis panduan dengan memberi sedikit kelonggaran dalam prosedur permohonan pinjaman di bank-bank tempatan kepada pembeli rumah kali pertama terutamanya golongan belia.

Tuan Yang di-Pertua, teras strategik yang keenam menggariskan merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk meningkatkan kemakmuran. Sektor peruncitan dan pemborong memainkan satu peranan yang cukup penting dalam segi pemasaran produk-produk yang dikeluarkan oleh sektor PKS. Membangunkan PKS yang dinamik menjadi salah satu komponen utama dalam teras strategik ini. Ini sudah pasti akan membuka lebih banyak peluang dalam sektor pertanian, pembuatan dan pembinaan.

Akan tetapi, di masa sekarang, sektor peruncitan dan pemborongan sedang menghadapi satu cabaran yang cukup besar dalam *survival* mereka. Pengenalan GST mulai 1 April telah memberi kesan dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Walaupun pada peringkat awal terdapat sedikit permasalahan dan kekeliruan daripada segi implementasi serta penerimaan rakyat terhadap sistem percukaian ini, tetapi pada hari ini kita sudah tidak lagi dengar suara-suara tersebut. Sebenarnya rakyat menerima baik pelaksanaan GST tetapi ada pihak yang cuba menangguk di air keruh serta menghasut rakyat dengan fakta-fakta yang menyeleweng.

Walaupun isu penerimaan GST di kalangan rakyat hampir selesai, masalah sekarang beralih kepada sektor peruncitan dan perkhidmatan. Masih ramai pengusaha tidak cukup pendedahan mengenai cukai input dan output. Ini akan menyusahkan para pengusaha ketika membuat pembayaran kepada pihak kastam. Pihak pengusaha juga terpaksa menanggung kos membeli mesin daftar tunai yang bernilai hampir RM20,000. Ini tidak termasuk kos pembelian perisian perakaunan atau *accounting software* dengan izin yang berharga di antara RM1,800 hingga RM4,000. Geran yang diberi oleh kerajaan hanya RM1,000 dan pengusaha terpaksa menanggung sebahagian kos pemasangan dan pengisian.

Mungkin ramai yang beranggapan pengusaha dalam sektor peruncitan ini mendapat keuntungan yang tinggi. Tanggapan ini jelas tidak benar. Ini kerana kadar keuntungan pengusaha ini hanya di antara dua hingga 15 peratus sahaja. Hasil keuntungan ini, mereka terpaksa menanggung kos operasi yang meningkat saban hari. Kos gaji pekerja, sewa premis, bil utiliti dan kos-kos yang lain meningkat hari ke hari tetapi mereka masih menjual pada harga yang kekal. Sebarang kenaikan harga akan menyebabkan mereka terpaksa berhadapan dengan tindakan penguatkuasaan dari KPDNKK. Dalam pada itu juga, sektor peruncitan konvensional terdedah kepada saingan dengan *hypermarket* seperti *Giant, TESCO, AEON Big* dan sebagainya.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia berkenaan dengan Program TUKAR yang diperkenalkan oleh KPDNKK pada tahun 2011. Tujuan kerajaan dalam memperkenalkan Program TUKAR ini adalah bagi menaik taraf kedai runcit konvensional agar lebih berketerampilan dan berwajah baru. Satu program transformasi kedai runcit yang akan membantu para pengusaha menjalankan perniagaan lebih tersusun dan sistematik.

Masalah utama yang timbul adalah apabila agen-agen TUKAR yang dilantik oleh kerajaan yang terdiri dari pasar raya besar dan kedai runcit berangkai ini menjadi saingan kepada pengusaha dengan membuka premis mereka bersebelahan atau dalam baris yang sama.

■1650

Pasar raya besar ini juga mempunyai rangkaian premis di barisan kedai. Ramai pengusaha runcit ini merasakan diri mereka tertipu dan lebih tepat lagi ditikam dari belakang oleh mentor yang dilantik oleh kerajaan. Walaupun mereka ini ditipu oleh ejen yang dilantik oleh kerajaan, ada sebilangan pengusaha runcit ini secara tidak langsung terkilan dengan dasar kerajaan ini. Oleh itu, saya mohon kepada pihak KPDNKK agar mengkaji semula pelantikan ejen atau mentor dalam program TUKAR ini. Ejen-ejen yang dilantik itu juga tidak dibenarkan untuk membuka rangkaian runcit mereka dalam kawasan yang sama. Kerajaan juga harus mengkaji semula pemberian lesen perniagaan kepada pasar raya besar untuk membuka premis runcit mereka. Memadailah mereka kekal sebagai pasar raya besar.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, restoran mamak ini sering menjadi sasaran media cetak, elektronik mahupun di media sosial dengan alasan mengenakan harga yang melampau selepas pelaksanaan GST. Bermula daripada harga nasi kandar sehingga ke roti tisu menjadi *viral* di media sosial. Masyarakat India Muslim di negara ini merasakan bahawa ini merupakan agenda sesetengah pihak menjatuhkan sektor makanan di restoran mamak yang dijalankan oleh masyarakat India Muslim. Ini adalah kerana kita dapat lihat dengan jelas bahawa banyak lagi pengusaha restoran daripada kaum lain yang mengenakan harga yang jauh lebih tinggi tetapi ia tidak pernah menjadi satu isu. Cuba anda lihat di luar sana, banyak pengusaha restoran dan kopitiam yang mengenakan harga yang tidak masuk akal tetapi tiada pihak yang mempertikaikan harga mereka.

Saya tidak akan sekali-kali melindungi sesiapa pun yang mengenakan harga yang melampau walaupun mereka daripada kalangan restoran mamak tetapi kalau kita buat perbandingan hari ini, harga yang ditawarkan oleh restoran mamak adalah yang terendah dibandingkan dengan pengusaha restoran yang lain.

Restoran mamak hari ini menyediakan suasana kedai bertaraf 5 Bintang, *WiFi* percuma, dibuka 24 jam dan makanan yang berkualiti, perkhidmatan atau servis yang tepat juga menjadikan restoran mamak ini terus menjadi pilihan rakyat berbilang agama dan bangsa. Kita hanya dapat lihat hanya di restoran mamak, rakyat daripada pelbagai lapisan agama dan bangsa menikmati juadah harian mereka. Oleh itu, saya mohon kepada semua pihak, janganlah jadikan restoran mamak ini sebagai sasaran anda. Mereka juga mencari rezeki yang halal seperti anda semua. Janganlah membuat fitnah dan tohmahan yang boleh menjejaskan periuk nasi orang.

Nasihat saya kepada persatuan pengguna, bersikap adillah kepada semua. Bila memperjuangkan hak kepenggunaan, janganlah hanya menyasarkan satu pihak. Jika ada sebarang aduan diterima, siasat dahulu dan sila pastikan kesahihan aduan tersebut. Jika ada mana-mana premis yang menjual pada harga yang melampau, sila laporkan mengikut saluran yang betul. Jangan kerana sebuah restoran yang jual pada harga melampau, ia akan memberi kesan kepada semua pengusaha restoran termasuk yang jual pada harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua. sukan SEA 2015 baru sahaja melabuhkan tirai. Tahniah kepada kontinjen negara yang membawa pulang 62 biji pingat emas. Saya percaya pencapaian ini merupakan yang terbaik dalam lima siri sukan SEA yang lepas. Kita bakal menjadi tuan rumah sukan SEA yang akan diadakan pada tahun 2017. Selain daripada persiapan infrastruktur dan fasilitasi, kita juga mempunyai masa dua tahun lagi untuk menggilap bakat-bakat dalam semua jenis sukan. Kita mahu lihat kegemilangan sukan SEA pada tahun 2001 dengan pencapaian 111 biji pingat emas berulang kembali pada tahun 2017. Persiapan harus bermula sekarang. Sukan SEA kali ini juga memperlihatkan beberapa orang atlet bukan pilihan berjaya memberi saingan dan membolot pingat emas. Satu pencapaian yang agak membanggakan atlet kita yang baru berumur 9 tahun boleh membawa pulang pingat emas untuk negara.

Satu masa dahulu, *team* olahraga kita cukup disegani di persada antarabangsa. Ada masanya olahraga berjaya membawa pulang sebanyak 14 biji pingat emas dalam sukan SEA. Dalam sukan SEA kali ini, skuad olahraga hanya berjaya membawa pulang tiga biji pingat emas sahaja, begitu juga dengan sukan renang. Satu masa dulu, sukan renang dikuasai oleh perenang Malaysia seperti Nurul Huda Abdullah yang berjaya meraih 10 biji pingat emas dalam sukan SEA 2001. Sudah tiba masanya KOAM dan MOM mencari satu mekanisme terbaik untuk mencari skuad pelapis yang boleh mengembalikan kegemilangan negara dalam dua sukan teras ini. Besar harapan saya agar Kementerian Belia dan Sukan boleh merangka sebuah pelan strategik bagi melahirkan lebih ramai atlet yang bertaraf dunia. Marilah sama-sama kita terjemahkan semangat, “Malaysia Boleh” dalam sukan di medan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato’ Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

4.56 ptg.

Dato’ Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Alhamdulillah, wassalatuwassalamu’ala Rasulillah. Wa’ala’alihi wa’ashabihi wamanwalah.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020, Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadhan dan berpuasa. Rasanya tidak lewat lagi, hari ini kita baru masuk hari yang kelima dan ada banyak hari lagi untuk kita berada dalam bulan Ramadhan dan melakukan ibadah. Semoga Ramadhan tahun ini lebih baik daripada Ramadhan-Ramadhan yang lalu.

Kedua, saya ingin merakamkan takziah kepada keluarga Ahli-ahli Dewan Negara yang telah pergi meninggalkan mereka dan sudah pasti orang-orang itu merupakan orang-orang yang sangat disayangi. Semoga mereka mendapat rahmat daripada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas ini telah pun dibentangkan pada hari ini sekali lagi dan kita mengikuti dengan penuh minat dan semoga perbincangan-perbincangan yang telah dibawa merupakan sebuah dokumen ini akan dapat direalisasikan di dalam tempoh yang ada iaitu daripada 2016 hingga 2020, nanti. Banyak perkara yang telah digagaskan dan saya melihat ini merupakan dokumen yang sangat penting yang perlu diberi perhatian oleh semua masyarakat kerana inilah kertas kerja yang telah dibentangkan untuk lima tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, gagasan ini, Rancangan Malaysia Kesebelas ini telah dibentangkan untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat dari sudut ekonomi, politik, sosial, alam sekitar, rohani dan budaya dan perkara ini semua telah digagaskan dalam enam perkara dan kesemuanya mempunyai ciri-ciri yang berkaitan antara satu sama lain. Apa pun yang saya akan sentuh di sini tidak mengikut fasal-fasal yang telah dibentangkan. Apa yang saya hendak sentuh ialah perkara yang pertama ialah memperkukuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.

■1700

Masyarakat yang saksama ini merupakan teras kepada keharmonian. Kesaksamaan itu sebagaimana yang telah diterangkan oleh Senator Dr. Asyraf tadi bukan sepertinya sama segala-gala dan sama rasa tetapi ia berbeza antara satu dengan lain. Saksama ialah setiap orang mempunyai hak. Kalau kita tengok pun, kalau kita ada dua orang anak, seorang lelaki dan perempuan. Masing-masing mendapat hak tetapi pakaiannya tak sama. Begitulah juga kedudukan yang lain-lain tetapi setiap orang mempunyai hak dan setiap hak itu perlu mereka dapat mengikut peruntukan yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan ini, kalau kita boleh, saya boleh membawa petikan Al-Quran. Allah SWT menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, sesungguhnya Allah memerintah kamu supaya menyampaikan amanah kepada orang yang berhak.

Di sini ialah orang yang memegang amanah dan juga orang yang menerima amanah. Kalau dalam konteks kerajaan, kerajaan pemegang amanah, rakyat adalah orang yang akan menerima amanah. Jadi pengagihan itu perlu, biar mengikut cara yang telah ditetapkan supaya tidak timbul rasa tidak puas hati atau sebagainya yang boleh menggugat kestabilan, kehidupan ekonomi, persaudaraan dan sebagainya.

Untuk merealisasikan hal ini, ada satu sifat yang perlu ada iaitulah ihsan. Ihsan merupakan satu sifat yang sangat tinggi dan mulia dan Allah menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, Allah memerintah kamu supaya berlaku adil dan ihsan. Ihsan lebih daripada keadilan lagi. Kalau adil sudah bagus tetapi ihsan lagi. Oleh sebab itulah ihsan merupakan tingkat yang paling mulia dan tinggi dalam akhlak seseorang dan ia merupakan akhlak yang paling mulia.

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan pelajaran. Apa pun rancangan yang kita hendak buat, kita tidak akan dapat melaksana dan realisasikan dengan sebaik-baiknya tanpa mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup. Justeru, kita melihat bagaimana baiknya rancangan tetapi kalau tidak ada keupayaan dan kelengkapan ilmu, sudah pasti rancangan itu hanya tinggal rancangan.

Dalam hubungan ini, saya melihat pelajaran merupakan aset yang paling besar dan paling penting untuk memacu negara kita kepada yang lebih tinggi dan berimpak tinggi sebagaimana yang kita harapkan. Namun dalam hal-hal ini, ada di kalangan masyarakat kita yang tidak mempunyai persediaan di dalam bersama dalam mana-mana Rancangan Malaysia. Sampai Rancangan Malaysia Kesepuluh pun mereka tak tahu apa-apa. Apa lagi Rancangan Malaysia yang sebelumnya. Jadi yang ini pun saya rasa mereka tidak juga mengambil perhatian.

Bagi sebahagian orang terutamanya penduduk luar bandar, penduduk kampung, mereka tak tahu apa-apa Rancangan Malaysia ini dan mereka kalau ada makan, pakai, itu cukup untuk mereka. Itulah standard pemikiran masyarakat kita yang di kampung. Ia sangat jauh bezanya dengan kita yang berada di Dewan ini dan juga orang-orang yang berpelajaran tinggi.

Oleh sebab itu saya melihat kita ada satu perkara yang penting di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini bagaimana boleh berfikir semua pihak supaya pengetahuan yang ada kepada masyarakat kita meningkat.

Bukan hanya sahaja meningkat di segi *income* atau pendapatan, tetapi juga meningkat di segi ilmu. Saya yakin dan percaya apabila masyarakat kita berilmu, dia mudah digerakkan untuk ke arah yang lebih baik. Namun kalau masyarakat tidak berilmu, saya rasa dia sukar untuk kita gerakkan pada bila-bila masa. Justeru, kalau saya boleh sebut Islam turun membawa ayat supaya menggesa belajar. Belajar dengan membaca, dengan mendengar dan juga dengan memandang.

Ini merupakan alat yang diberikan dan dianugerahkan oleh Allah SWT kepada setiap insan untuk mereka gunakan kekuatan yang ada untuk mendapat ilmu. Malangnya, kadang-kadang peluang yang ada tidak dipenuhi. Saya dan antara orang yang hidup di luar bandar tidak seperti ramai teman duduk di bandar, kota besar. Orang duduk di luar bandar ini Tuan Yang di-Pertua, tengok macam-macam.

Tuan-tuan boleh jadi tak tengok mat rempit yang di kampung lebih hebat daripada mat rempit di bandar. Mat rempat di kampung ini saya rasa boleh *challenge* yang di bandar kalau dia datang tetapi dia tak ada peluang datang ke bandar. Orang-orang ini, dia tak kisah apa sahaja hendak terjadi dan kita melihat, apabila ilmu tak ada, ini masalah dia. Apabila ilmu tak ada, dia tak tahu hendak jaga apa sebenarnya nilai diri dia. Tak tahu nilai. Oleh sebab kita apabila tidak ada tak tahu nilai, maka dengan sendirinya akan musnah. Oleh sebab itulah kita lihat ramai yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Walaupun kita tidak menafikan ada orang yang mempunyai ilmu terlibat tetapi yang tidak mempunyai ilmu lebih ramai terlibat, tidak mempunyai pendidikan yang baik dan tinggi. Oleh sebab itulah saya melihat pelajaran merupakan asas yang penting untuk kita lonjak kepada yang lebih baik dan lebih tinggi untuk masyarakat kita. Contoh kecil saya hendak bawa kerana tak ada pelajaran. Pelajaran ini dalam apa-apa. Baru-baru ini saya terbaca dalam *Utusan Malaysia*, saya ucap terima kasih kepada *Utusan Malaysia* yang telah mendedahkan satu zikir goyang punggung. Ada dua kali keluaran. Saya taruh, saya simpan.

Orang yang berpelajaran, orang yang telah dewasa, boleh jadi orang sudah umur yang boleh jadi 40 tahun, 50 tahun atau 60 tahun, ini sebagai contoh kecil. Dia berzikir dengan bergoyang punggung. Saya melihat perkara ini kenapa terjadi. Kenapakah terjadi? Dia terjadi adalah kerana tidak ada ilmu dalam bidang itu dan boleh diperbodohkan oleh orang lain. Perbodohan inilah yang berlaku dalam masyarakat kita. Kadang-kadang perkara seperti ini kita tidak mahu mendengar tetapi terpaksa juga kita menerima realiti kerana tidak ada ilmu. Oleh sebab itulah saya melihat penekanan belajar sepanjang hayat sebagaimana yang digagaskan di sini merupakan sebuah pelan yang sangat baik dan perlu dilaksanakan dalam masyarakat supaya semua kita dapat berkongsi antara satu sama lain.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh di sini berhubung dengan kesihatan. Dirancangkan bahawa kita akan ada nanti empat, seorang doktor, kadang-kadang 400, seorang doktor. Ini sesuatu yang baik namun ini masih rancangan, kita harap terjadi. Kesihatan ini merupakan salah satu daripada peningkatan dalam rancangan ini. Cuma dalam hal-hal seperti ini kita melihat perkhidmatan kesihatan sudah meningkat lebih baik, lebih baik.

Namun, di dalam beberapa hal kalau kita pergi ke hospital, ada yang lama menunggu. Saya hendak sebut lagi di luar bandarlah, lama menunggu. Boleh jadi kerana doktor tak cukup. Boleh jadi kerana pesakitnya ramai dan pesakitnya ramai kita tengok kalau doktor-doktor sekarang ini menghadapi penyakit-penyakit yang biasa, yang kita dengar walaupun dia sukar, walaupun berat kita hendak sebut seperti darah tinggi, kencing manis, buah pinggang dan sebagainya. Ini merupakan penyakit-penyakit yang sedang dihadapi oleh ramai masyarakat kita di Malaysia.

■1710

Dalam menghadapi perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perlu dipercepatkan. Saya juga dengar baru-baru ini, rasa kita ini kadang-kadang ada nak kelebihan lambakan perubatan. Kalau tidak silap pernah disebut dalam akhbar dan sebagainya, kita ke depan ini kita ramai doktor yang mungkin susah untuk dilantik sebagai doktor di hospital kerajaan. Namun bagi saya, yang penting kalau kita sudah mempunyai ramai doktor perubatan, maka kesihatan kita, untuk merawat orang akan lebih baik.

Satu perkara yang saya hendak kaitkan dengan perubatan di sini, kita juga di Dewan ini telah meluluskan Akta Perubatan Alternatif.

Saya ingin tahu pihak kementerian, sejauh mana perubatan alternatif ini telah dilaksanakan di dalam masyarakat kita dan di hospital-hospital kerajaan? Berapa banyakkah yang telah berdaftar dan mengikut spesifik yang telah diluluskan oleh kementerian?

Ini sangat penting kerana perubatan alternatif ini kita hendak melihat ia berkembang dengan sihat dan tidak ada golongan yang mengambil kesempatan atas kelemahan, kesakitan pesakit-pesakit. Banyak juga kita mendapat laporan daripada akhbar dan media massa menyatakan bahawa pesakit-pesakit yang ingin mendapat rawatan itu kadang-kadang dimanipulasikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kalau kita boleh tahu, ada tak kes-kes yang telah dilaporkan dan tindakan-tindakan undang-undang yang telah diambil selaras dengan peraturan yang telah diluluskan di dalam Dewan ini dulu?

Begitu juga kesihatan ini, ia juga berkait dengan pembaziran. Boleh jadi orang melihat pembaziran asing, kesihatan suku. Akan tetapi saya ingin melihat ia adalah ada kaitan antara satu sama lain. Kalau kita ambil contoh bulan Ramadhan, pembaziran berlaku dengan hebatnya. Pembaziran itu bermula daripada sebelum datang Ramadhan sampailah akhir Ramadhan, dan lepas Ramadhan. Pertama-tama kita boleh melihat pembaziran daripada segi makan.

Kedua, kita boleh lihat pembaziran daripada segi pakaian dan persediaan menyambut raya. Ketiga ialah selepas raya. Bagi saya buat perkara yang lebih, sudah membazir. Kalau kita melihat bagaimana banyaknya juadah, berbukanya di tempat-tempat eksklusif dengan harga yang mahal. Sepatutnya berpuasa itu mempunyai matlamat yang lain, tetapi masyarakat Islam telah meletakkan satu cara yang berbeza yang tidak selaras dengan kehendak agama.

Berpuasa bermakna kita berjimat cermat, tetapi apa yang berlaku dalam bulan Ramadhan, kita berbelanja lebih. Kalau boleh saya sebut, kalau tidak silap boros sedikit. Sebenarnya ini telah bercanggah dengan konsep yang dibawa oleh Islam atau oleh Al-Quran dalam konsep berpuasa. Itu daripada segi makan dan minum. Begitu juga kalau kita tengok daripada segi pakaian. Kalau hendak hari raya, bukan main kita bergaya. Beli pakaian bukan satu, bukan dua, malah ada seorang sampai lima pasang. Sebenarnya tidak perlu pun. Kalau ada yang lama yang cantik itu, cukuplah yang itu. Akan tetapi sudah masyarakat kita mengajar begitu. Kita pun bukan turut Islam pun, tidak turut Islam, kita turut perasaan. Banyak yang kita lakukan tidak kena. Oleh sebab itu, maka ia merupakan satu pembaziran dan kalau kita makan banyak, ia membazir ikut dalam atau makan lebih. Sebenarnya makan lebih ini termasuk dalam bab membazir dan memusnahkan.

Allah SWT menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud antaranya, makanlah kamu, minumlah kamu dan Allah tidak suka orang makan lebih, minum lebih. Kenapakah orang dihinggapi penyakit-penyakit? Ia kerana dia mengambil lebih. Sama ada dia ambil gula lebih atau daging lebih atau apa pun diambil lebih, diambil lebih daripada keperluan sebenar. Kalau sekiranya dia tidak ambil lebih daripada keperluan sebenar, *in shaa-Allah* tidak menjadi masalah. Akan tetapi apabila diambil lebih, maka dia telah tidak dapat meneruskan hidup dengan gaya yang sihat.

Saya terbaca sebuah buku yang ditulis oleh seorang doktor tetapi dia buat *joke. Joke* dia ini kadang-kadang kita boleh tengok betul atau tidak. Dia kata andaikan seorang itu ditulis untuknya makan daging satu pikul, banyak sepikul ini. Umur dia 100 tahun untuk sepikul tetapi dia ini jenis ambil cepat, sampai umur 40 tahun sudah habis daging dia sepikul. Tidak ada lagi dagingnya. Jadi selepas itu dia tidak boleh makan daging lagi, kena penyakit darah tinggi atau kena penyakit lain. Bahagian dia dah habis, tidak boleh makan lagi. Begitu juga yang lain-lain. Oleh sebab itulah, apabila kita makan lebih maknanya boros. Bukan makan mengikut apa yang sepatutnya. Jadi oleh sebab itulah makanya dalam pembaziran ini juga kita boleh elakkan untuk meningkatkan prestasi kita, lonjak kita dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Kalau kita tengok ada akhbar dua, tiga, empat hari lepas menyatakan juta-juta pembaziran berlaku dalam masyarakat. Kalau tidak silap saya akhbar *Berita Harian,* menyatakan jutaan ringgit pembaziran setiap hari di dalam masyarakat kita. Bayangkan juta-juta itu kita boleh jadikan ia sebagai untuk pembangunan yang lain-lainnya. Alangkah baiknya. Boleh jadi kita tidak berasa besar yang kita buang, RM1, RM2 yang tidak habis tetapi kalau kita kumpul semuanya, ia akan jadi jutaan ringgit.

Maka kerana itulah Allah SWT menyebut supaya kita jangan membazir dan membazir itu... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Iaitu orang yang melakukan pembaziran itu adalah saudara kepada syaitan.

Jadi kita perlu mendidik masyarakat. Di samping kita hendak lonjak kepada pendapatan ekonomi yang baik, yang tinggi, yang lumayan, kita juga perlu tutup lubang-lubang yang boleh menyusutkan pendapatan kita yang tidak membawa kepada apa-apa manfaat. Jadi apabila perimbangan itu boleh kita lakukan, maka dengan sendirinya ekonomi kita akan jadi teguh.

Apa yang saya sebutkan ini saya hendak kaitkan juga dengan perbelanjaan dalam pengurusan, di semua peringkat. Maka kita perlu tengok pembaziran itu perlu diatasi dengan sebaik mungkin, jangan berlaku. Dalam pembelian, dalam pelaksanaan dan sebagainya. Ini kerana apabila kita membazir pada hari ini, maka kita akan merosakkan kita, bukan merosakkan orang lain. Jadi oleh sebab itu, maka kita melihat di dalam Laporan Ketua Audit Negara menyatakan ada wang hilang dan sebagainya, pembaziran. Itu yang perlu kita ambil perhatian supaya ia tidak akan berulang. Saya melihat bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan kita akan ambil perhatian perkara-perkara seperti itu tidak berulang pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan. Kita ingin hidup selamat, aman, damai dan bahagia. Kalau boleh basikal kita letak di halaman, rumah yang tidak berpagar, harta kita tidak diusik dan tidak ada apa-apa yang berlaku. Kalau kita tinggal kereta di depan rumah kita, maka kita akan buka mata kereta itu ada. Begitu juga dengan yang lain-lain. Kita akan rasa damai, kita akan rasa selesa dan kita akan rasa bersyukur banyak-banyak kerana kita berada dalam kedamaian. Namun dalam hubungan ini, setiap orang, setiap masyarakat perlu berganding bahu antara satu sama lain untuk menjaga keselamatan dan kedamaian.

■1720

Tadi saya mendengar Menteri Dalam Negeri mengajak kita supaya memberi sokongan kepada beliau untuk membanteras segala gejala jenayah yang tidak sihat termasuk perdagangan manusia sebagaimana yang kita dikejutkan akhir-akhir ini. Oleh sebab itu keselamatan dalam negara, dalam negeri, di kampung kita tanggungjawab bersama bukan hanya kita bergantung kepada pihak polis sahaja.

Saya ingat kepada Imam Syafi'i Rahimahullah, pada malam-malam hari dia melakukan kawalan tanpa orang suruh, tanpa apa-apa dia melakukan kawalan. Kalau kita sekarang kita panggil rukun tetangga. Seorang ulama besar tinggi darjatnya tetapi dia pada waktu malam dia menjaga keselamatan. Orang bertanya kenapa tuan sampai berceng kang mata duduk di tepi sungai, duduk di tepi kuala malam-malam hari seorang diri. Dia jawab saya hendak jaga keselamatan. Biar saya yang jaga, orang lain biar tidur nyenyak.

Orang kata, orang tanya dia tidak sesuailah Tuan Guru kalau kita kata sekarang, ustaz kah duduk sini, balik duduk di rumahlah. Boleh sembahyang tahajud dan sebagainya. Dia menyebut dia membaca satu hadis. Ada dua biji mata yang tidak disambar oleh api neraka... *[Membaca sepotong hadis]* Ada dua mata yang tidak disambar oleh api neraka. Pertama... *[Membaca sepotong hadis]* Mata orang yang menangis kerana takutkan Allah. Kedua, *ainun*- iaitu mata yang menjaga keselamatan- untuk keselamatan dalam kampungnya, dalam halamannya, dalam negaranya.

Baik Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok orang yang menawar diri untuk menjaga keselamatan di kampung merupakan satu amal yang baik bukan sahaja amal dalam masyarakat tetapi ia juga merupakan amal yang murni di sisi Allah. Begitulah juga pihak keselamatan ini yang menjaga keselamatan di mana masyarakat lain dapat hidup dengan nyenyak, tidur dengan nyenyak. Dia juga merupakan orang yang sangat berjasa kepada masyarakat dan negara. Kerana itulah kita melihat pencerobohan yang berlaku dalam masyarakat perlu kita sekat dengan menggarapkan seluruh masyarakat di dalam negara kita biar rasa bertanggungjawab dan rasa bersalah kalau membiarkan ia berlaku.

Persoalan kita bagaimana kita hendak sampai kan hasrat ini kepada masyarakat terutamanya bagi orang yang berada di sempadan. Tidak kiralah sempadan ini sempadan kita dengan Thailand ataupun dengan Indonesia, Filipina atau Singapura. Perlu kita menggarapkan seluruh masyarakat biar rasa tanggungjawab dan rasa bersalah apabila melakukan dan memberi kerjasama di dalam menjaga keselamatan ini. Kalau kita melihat kita mempunyai aset, alhamdulillah yang sangat baik.

Kita mempunyai aset yang besar, dan kalau bagi saya kalau aset tidak cukup, boleh tambah. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini tambah aset untuk keselamatan.

Kalau kita tengok apa yang berlaku di Wang Kelian di sempadan Perlis, Malaysia-Thailand berlaku kubur besar dan ramai yang telah dikebumikan di situ. Jawapan daripada Menteri tadi tempat itu susah hendak pergi, curam dan sebagainya. Memang betul kerana itulah mereka mengambil tempat yang strategik itu. Saya melihat kita mempunyai peralatan-peralatan canggih boleh kita kawal selia melalui pelbagai cara yang ada pada kita dan rondaan yang berterusan di sempadan-sempadan negara supaya orang tidak akan menceroboh. Kalau kita selalu membuat rondaan sama ada rondaan udara ataupun darat, sudah pasti orang tidak akan menceroboh dengan mudah.

Akan tetapi oleh sebab kita meletakkan, kita telah merasakan sempadan kita sukar dilalui oleh tempat-tempat itu maka itulah mereka ambil kesempatan. Oleh itu kalau sekiranya tidak cukup aset saya mencadangkanlah supaya tambah aset untuk mengawal sempadan kita yang sangat panjang. Di antara negara-negara jiranMalaysia merupakan salah sebuah negara yang menjadi sasaran untuk perdagangan sementara manusia dan oleh sebab itulah kita melihat merka menganggap bahawa di sini tempat transit yang terbaik. Ini kenapa boleh mereka menganggap begitu kerana mereka tahu bagaimana hendak menyusup masuk melalui hutan belantara yang kita pun tidak pernah pergi ke kawasan itu. Bagi penceroboh bagi dia apa sahaja yang boleh dia lalu itu satu peluang untuk mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang ingin saya sampaikan. Pencegahan jenayah yang kita lakukan di dalam masyarakat kita ini belum dapat kita capai dengan sebaiknya tanpa gembleng semua tenaga dan saya lihat semua usaha telah dilakukan. Pada hari Jumaat lepas pihak polis, kalau di Kelantan lah telah membuat surat edaran kepada masjid-masjid dan minta pihak masjid membaca langkah-langkah untuk mengawal dan mencegah jenayah terutamanya musim-musim perayaan yang akan kita hadapi ini.

Kenapakah jenayah ini berlaku? Jenayah ini berlaku ada pelbagai punca. Salah satu sebabnya kerana orang tidak ada duitlah. Ada keinginan untuk membeli barangan dan kuasa belinya tidak ada. Itu salah satu sebab selain daripada jenayah itu merupakan satu profesion. Dia berbeza antara orang buat jenayah seperti mencuri kerana tidak ada hendak memenuhi keperluan dengan penjenayah yang kerjanya mencuri. Itu dua perkara yang berbeza. Jadi dalam hubungan ini maka kita lihat kepada masyarakat biar ada rasa tanggungjawab yang besar supaya jenayah ini tidak berlaku dengan meningkat dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan segelintir penguatkuasaan yang dikaitkan dengan mereka juga memberi gambaran yang tidak baik kepada negara kita. Saya membaca di dalam *Internet* ini dalam *Utusan Malaysia online*. Disebut ada segelintir yang dikatakan pegawai, kakitangan, penguat kuasa yang menyalahgunakan kedudukan mereka yang impaknya memberi kesan buruk kepada seluruh masyarakat. Mungkin itulah yang disebut oleh orang-orang tua dahulu, nila setitik rosak susu sebelanga. Yang terlibatnya tidak berapa ramai, beberapa orang sahaja tetapi memberi gambaran tidak baik kepada seluruh pasukan dan bukan pasukan tetapi juga negara.

Kenapa ini terjadi, kerana ada ilmu, ada keyakinan tetapi tidak beramal. Kalau kita melihat ada tiga komponen- ilmu, iman, amal. Semua orang tahu rasuah adalah salah. Semua orang tahu, budak kecil pun tahu kerana belajar di sekolah. Adakah mereka yakin, ada yang yakin. Adakah beramal ada sebilangan tidak beramal sebagaimana yang diterangkan tadi. Selama mana ada orang yang ingin memberi, maka juga ada orang yang menerima.

Saya juga baca dalam akhbar ini ada macam-macam kes yang telah didakwa walaupun belum sabit lagi tetapi ini merupakan satu moral yang sudah menjadi tidak baik kepada masyarakat kita. Pencegahan ini juga Tuan Yang di-Pertua, boleh kita lakukan dengan semua kakitangan dan pegawai yang ada...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat waktu kita sekarang ini tepat pukul 5.30 petang. Yang Berhormat boleh sambung balik esok ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya menangguhkan Dewan kita untuk hari ini saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebab mengikut rekod yang ada pada saya sekarang nampaknya tidak ramai yang menunjukkan minat untuk membahaskan RMKe-11.

Jadi saya mohon kerjasama Yang Berhormat sekalian supaya menghantarkan nama Yang Berhormat sekiranya Yang Berhormat berminat untuk membahaskan RMKe-11. Kalau boleh secepat mungkin kita masih ada tiga hari lagi supaya kita dapat mengatur ataupun menyusun nama mengikut tarikh Yang Berhormat hendak berbahas. Dengan itu, saya ingin menangguhkan Dewan ini sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 23 Jun 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]